

Volume II
No. 39



Thursday,
15th December, 1960

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

EARLIER RESUMPTION (MOTION) [Col. 4151]

EXEMPTED BUSINESS (MOTION) [Col. 4151]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 4152]

THE SUPPLY (1961) BILL:

Committee of Supply (Eighth Allotted Day)—

Head 18 [Col. 4158]

Heads 19-21 [Col. 4228]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Thursday, 15th December, 1960

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable MR. SPEAKER, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- " the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M.
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala
Kedah).
- " the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and
Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN
DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- " the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN
DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- " the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- " the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE'
ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- " the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR
(Pontian Utara).
- " the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG
YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- " the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- " the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- " the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN
HAJI TALIB (Kuantan).
- " the Assistant Minister of Information and Broadcasting,
TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore
Tenggara).
- " the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang
Padang).
- " the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- " the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-
VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

The Honourable the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHAIDIJA BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).

The Honourable ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).

- .. ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- .. ENCHE' MOHAMED ABbas BIN AHMAD (Hilir Perak).
- .. ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- .. ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- .. ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- .. DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- .. ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- .. ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- .. NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- .. DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- .. ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- .. TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- .. ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- .. ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- .. ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- .. TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- .. ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- .. ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- .. ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TENGKU INDRA PETRA IBNI SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
- .. DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- .. ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- .. WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- .. ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
- .. ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- .. ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- .. ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- .. PUAN HAJjah ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- .. ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Malacca Tengah).

- „ the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG (Seremban Barat).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

EARLIER RESUMPTION**Motion**

The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak): Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That the House at its rising this day shall resume at 9.30 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided under Standing Order 12.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Abdul Aziz): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the House at its rising this day shall resume at 9.30 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided under Standing Order 12.

EXEMPTED BUSINESS**Motion**

Tun Abdul Razak: Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That the proceedings on the Supply Bill, 1961, in the Committee of Supply this day

shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 6.30 p.m.

Enche' Abdul Aziz: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings on the Supply Bill, 1961, in the Committee of Supply this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 6.30 p.m.

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS**Gunong Ledang**

1. **Enche' Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ia-itu ada-kah, sa-bagai usaha menarek pelanchong melawat ka-negeri ini, Kerajaan berchadang hendak memajukan Gunong Ledang di-negeri Johor yang pada masa ini banyak orang melawat-nya pada tiap² hujong minggu, sa-bagai sa-buah pusat pelanchongan, dan, jika tidak, ada-kah Kerajaan akan menolong sa-chara persaorangan akan orang² atau badan² yang berchadang hendak memajukannya.

The Minister of Commerce and Industry (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Pelanchong menggalakkan pelanchong. Kementerian saya sedang mengadakan penyiasatan umum untuk menentukan tempat di-seluruh Persekutuan yang mungkin di-jadikan tempat² yang boleh menarek pelanchong². Dalam penyiasatan yang akan di-adakan di-negeri² Johor dan Melaka, Gunong Ledang akan termasuk salah satu daripada tempat yang akan di-siasat ada-kah Gunong Ledang itu mungkin menjadi satu tempat yang boleh menarek pelanchong. Sa-lagi penyiasatan itu tidak tamat tidak dapat-lah saya memberitahu ada-kah Gunong Ledang itu dapat di-jadikan satu pusat pelanchong.

Pada 'am-nya, Kerajaan memang menggalakkan orang ramai untuk menjadikan satu² tempat itu tempat yang menarek pelanchong, dan bantuan yang akan di-beri oleh Kerajaan itu terpulang-lah kapada keadaan tempat itu dan juga kapada keadaan kewangan yang di-beri kepada Kementerian ini.

Chandu

2. Enche' Ahmad bin Arshad: bertanya kapada Menteri Kewangan ia-itu ada-kah Kerajaan sedar ia-itu sa-jumlah besar daripada penduduk² dalam negeri ini menghisap chandu yang boleh di-dapatkan sa-chara haram dan jika demikian, apa-kah langkah² yang di-ambil untuk menchegah-nya.

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan mengetahui bahawa sa-bahagian daripada penduduk negeri ini maseh lagi menghisap chandu dan chandu yang di-dapat itu ia-lah dengan chara haram. Pehak polis sa-tiap masa menjalankan tindakan bagi menchegah pekerjaan² ini dan juga tempat² yang di-dapat mereka itu menggunakan bagi menghisap chandu ada-lah di-hapuskan. Pekerjaan menchegah kemasukan chandu dan juga pergerakan chandu dalam negeri ini dari sa-tempat ka-satempat ada-lah dalam tangan pehak Pejabat Kastam, dan pehak polis ada-lah memberi kerjasama dengan pehak kastam.

Sa-hingga 31 October tahun ini, 3,400 lbs. chandu telah dapat di-tahan pada masa hendak di-bawa masuk ke-dalam negeri ini.

Pada fikiran Kerajaan perkara menghisap chandu tidak dapat hendak di-hapuskan semua sa-kali, melainkan pokok popy yang mengeluarkan chandu itu tidak di-tanam di-negeri yang berdekatan dengan negeri ini.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab di-fikirkan banyak ra'ayat negeri ini ketegah hendak menghisap chandu itu, ada-kah Kerajaan ber-chadang pada suatu masa yang akan datang kelak akan menghidupkan sa-mula lesen chandu saperti sa-belum perang dahulu?

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, chadangan itu tidak ada.

Anak² Orang Islam dalam Sekolah² Pengembang Ugama Keristian

3. Enche' Ahmad bin Arshad: bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Mashararakat ia-itu ada-kah benar yang anak² orang Islam di-tempatkan di-bawah kelolaan badan² Pengembang Ugama Keristian dalam negeri ini dan, jika benar, apa-kah langkah yang di-ambil untuk mengeluarkan kanak² ini daripada badan² sa-rupa itu dan di-tempatkan di-bawah kelolaan orang² Islam.

The Assistant Minister of Education (Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat rakan saya Menteri Kesihatan dan Kebajikan Mashararakat telah memberitahu kapada saya ia-itu tidak ada kanak² Islam yang tinggal di-tempat di-bawah jagaan badan² Mubaligh Keristian yang menjadikan tanggong-jawab Kementerian-nya. Bagaimana pun ia telah meminta saya menjawab soalan ini berkaitan dengan murid² yang ber-sekolah di-“Sekolah Khas” yang di-anjorkan oleh Badan² Mubaligh Keristian. “Sekolah Khas” ia-lah sekolah² yang memberi asuhan pelajaran istimewa bagi murid² yang chachat dan dalam salah sa-buah sekolah ini ia-itu St. Nicholas Home dan Sekolah Orang Buta di-Pulau

Pinang ada beberapa orang kanak² Islam. Dalam pada itu pehak yang berkuasa sekolah telah memberi jaminan kapada Majlis Ugama Islam ia-itu Sekolah St. Nicholas tidak akan mengkeristiankan kanak² itu. Sa-lain dari itu langkah² ada di-buat bagi kanak² Islam mendapat pendidikan Ugama Islam di-luar bangunan sekolah. Di-antara kaki-tangan sekolah itu pun ada juga guru² daripada orang Melayu. Sekira-nya kanak² ini tidak menghadhiri sekolah khas itu, mereka tidak akan dapat di-lateh untuk mengatasi keadaan chachat mereka. Hanya ada satu lagi sekolah yang sa-umpama itu dalam negeri ini yang di-kelolakan oleh Persatuan Orang Buta Malaya yang penoh sesak murid di-dalam-nya dan mempunyai senarai nama² orang yang menunggu.

Dato' Onn bin Ja'afar: Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun Penolong Menteri Pelajaran tadi berkata ia-itu sekolah St. Nicholas itu tidak akan mengkeristiankan murid² Islam yang ada di-dalam sekolah itu, saya menumpang bertanya, ada-kah tidak di-mestikan murid² Islam itu menuntut ajaran kerisitian di-dalam sekolah itu.

Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Co-operative Fertilizer Factory

4. Enche' V. David asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state whether it is the Government's policy to encourage the establishment of a fertilizer factory on a co-operative basis and, if so, what aid is Government giving to the project.

Enche' Abdul Aziz: Mr. Speaker, Sir, in pursuance of a policy of encouraging the rural people to venture into industry on a co-operative basis, wherever possible, the Ministry of Agriculture and Co-operatives has encouraged the formation of a Fertiliser and Paper Industrial Co-operative Society. The project has received very wide support from the rural people, particularly those in the padi growing areas. As is usual in co-operative ventures, the project will be run on a self-help and mutual aid basis and the

capital, it is expected, will be contributed fully by the members of the society themselves. It will not be possible at this stage to say to what extent external financial assistance will be required. Technical and other advice and guidance is being received from experts. No direct assistance in the form of loans or subsidies will, it is expected, be necessary for the project. It is, however, too early to state what assistance, if any, will be required for the project from Government.

Dato' Onn bin Ja'afar: Mr. Speaker, Sir, if I remember correctly, the Minister of Agriculture has said that, if the sum required to establish a fertilizer factory—by which, I presume, he means the UREA Fertilizer Factory—is not forthcoming by the end of this year, then that project will be dropped. Is he still of the same opinion or not?

Enche' Abdul Aziz: There is no time limit now, Sir.

Employment of Enche' Abdul Rahman Acton by RIDA

5. Enche' V. David asks the Deputy Prime Minister whether RIDA appointments need sanction from the Public Services Commission, and under what conditions was Mr. Acton, formerly of Carrier Air-conditioning Company, employed by the RIDA and also what are his functions in the Authority, what qualifications does he have for the post and were attempts made to get a local man.

Tun Abdul Razak: Mr. Speaker, Sir, as RIDA is an incorporated body, RIDA appointments do not need sanction from the Public Services Commission. Che' Abdul Rahman Acton was employed under the following conditions :

Three-year contract. Salary \$1,250 per mensem (inclusive of COLA). Housing Allowance or Accommodation in accordance with usual Government arrangements. Free medical attention for himself and family. Full pay leave at the rate of twenty-one working days, which can be accumulated.

The salary is subject to review each year so as to determine whether an increase should be granted in relation to the nature of the duties and responsibilities.

His function in the Authority is that of Rubber Manager with responsibility

for the establishment and operation of rubber processing and marketing services. He has had three years experience in this work. For twelve years he was in the rubber planting industry in Pahang, Johore and Kedah and eleven years as Area Manager for the Anglo-French & Bendixens Company covering Malacca, Negeri Sembilan and Johore.

Che' Abdul Rahman Acton is a Federal Citizen.

"Buku Merah"

6. Enche' V. David asks the Deputy Prime Minister the name of the firm which printed the Rural Development Plan books (*Buku Merah*), how many were printed, the cost of each book and whether tenders were called for the printing.

Tun Abdul Razak: Mr. Speaker, Sir, the "*Buku Merah*" was printed by Printcraft Limited, Jalan Dua, Sungai Besi Road, Kuala Lumpur.

The cost for each full size book (30" x 24") was \$32 per copy. Total printed 400; five thousand small reproductions (15" x 10") were printed in both Rumi and English at \$1.50 and \$1.60 per copy respectively.

Tenders were not called and the reason for this was that the utmost speed in the production of this Rural Development Plan was essential. Provision for dispensing with the usual procedure for calling tenders in circumstances such as these is made in the Financial General Orders.

No such type of book had ever been designed or produced before; its design was determined on the printing press and the drafting of its pages were carried out concurrently with its printing.

Because of the nature of the work involved in the printing of the *Buku Merah*, the Government Printer who was approached first was unable to undertake the work. Printcraft was given the work after the Government Printer and some other private printing firms, following general enquiries, had refused to undertake the printing of the book.

Enche' D. R. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, is the Deputy Prime Minister able to give us the names of some "other private firms" that were consulted?

Tun Abdul Razak: Sir, I need notice of this question.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1961

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Eighth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Resumption of debate on Question : That the sum of \$189,417,677 for Head 18 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berchakap dua perkara. Yang pertama, berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Apa yang saya hendak sebutkan ia-lah sa-bagaimana yang di-ketahui bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada sadikit masa yang lalu telah mengistiharkan bahawa Kerajaan negeri ini mengaku kebudayaan Melayu itu hendak dijadikan teras kebudayaan kebangsaan negeri ini, dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memang mempunyai 'azam hendak menjalani usaha dan ikhtiar-nya bagi memperkembangkan kebudayaan kebangsaan dalam negeri ini. Maka pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, usaha memperkembangkan kebudayaan kebangsaan ini tidak-lah patut di-buat sa-mata² dengan menerusi usaha bahasa atau pun menerusi dasar pelajaran yang sama dan satu, tetapi ia mestilah di-usaha dan di-jalankan juga oleh suatu perbadanan yang betul² bertugas di atas perkara itu. Maka saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa yang ada ini patut-lah di-luaskan lagi tugasnya; satu daripada tugas baharu yang patut di-letakkan k a p a d a Dewan

Bahasa itu ia-lah mengenai perkembangan kebudayaan kebangsaan di-negeri ini. Rasa-nya tidak-lah mustahak saya memperkatakan kebudayaan itu oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran ia-lah sa-bagai Menteri Hal Ehwal Pelajaran tentu-lah tahu perkara² yang bersangkutan dengan soal kebudayaan ini. Kalau saya tak salah Dewan Bahasa dan Pustaka ada mempunyai sa-orang pegawai yang bertugas sa-bagai Pegawai Penyelidek. Saya rasa pegawai ini kebetulan pula sa-bagaimana yang di-khabarkan oleh kalangan Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa pegawai ini ia-lah sa-orang yang mempunyai kebolehan yang luas dalam berbagai² jurusan ilmu. Maka saya rasa patut-lah di-jadikan tugas yang baharu bagi pegawai ini untuk menyiasat dan melateh serta menjalankan penyelidekan yang halus mengenai kebudayaan kebangsaan sa-bagaimana yang di-jalankan oleh Kerajaan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sakira-nya Kerajaan negeri ini bersetuju melebar-kan atau memperluaskan lagi tugas Dewan Bahasa dan Pustaka di-jadikan Dewan Bahasa dan Kebudayaan maka ikhtiar² patut-lah di-buat sama ada menerusi Pegawai Penyelidek atau pegawai yang lain ia-itu meminta kerjasama daripada badan kebudayaan atau pertubuhan kebudayaan yang ada dalam negeri ini supaya massaalah kebudayaan itu dapat di-hadapi dan dapat di-laksanakan serta di-usahakan perkembangan oleh Kerajaan dan bersama² dengan pertubuhan² kebudayaan serta juga ra'ayat negeri ini.

Soal yang kedua yang hendak saya sebutkan di-sini ia-lah berhubong dengan muka 101, item (21) Public Relations and Cultural Affairs Officer yang ada dalam Kementerian ini. Saya tidak-lah bagitu jelas tentang pegawai yang telah di-tetapkan sa-bagai Pegawai Perhubungan Kebudayaan dalam Kementerian Pelajaran ini, tetapi apa yang saya lihat pada masa yang akhir² ini bahawa pegawai ini bertugas hanya-lah sa-bagai menapikan beberapa berita² akhbar yang ada hubungan-nya dengan kebudayaan negeri ini. Tidak-lah diketahui kurang-nya chergas pegawai ini sama ada kerana ia sa-orang sahaja dalam Kementerian ini atau pun oleh sebab yang lain tidak-lah dapat saya

ketahuï selanjut-nya. Apa yang saya suka menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran ia-itu pegawai ini patut-lah mengambil langkah² yang chergas dalam memerhatikan beberapa anasir² yang tidak di-ingini yang telah masok di-Sekolah² Kebangsaan atau Jenis Kebangsaan di-negeri ini.

Dalam surat khabar telah pun di-siarkan dan semalam sa-orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah pun membangkitkan perkara siaran ugama Christian yang telah masok ka-dalam sekolah² negeri ini. Di-tangan saya bukan sahaja ada surat khabar, tetapi ada naskhah *Bible Time* yang telah di-sibarkan oleh pengembang ugama Christian dan telah di-bahagikan kapada murid² National Brickfield School, Kuala Lumpur. Yang sedeh-nya hendak di-khabarkan di-sini ia-lah siaran² itu telah di-sibarkan kapada murid² menerusi tangan guru² di-National Brickfield School. Saya rasa patut-lah Kementerian ini atau Pegawai Perhubungan Kebudayaan mengambil langkah yang tegas saumpama menge-luarkan circular kapada guru² atau pun Pengusa Sekolah Kerajaan dalam negeri ini supaya mereka mesti meng-hindarkan diri daripada menjadi pem-bahagian penyiaran ugama Christian yang saumpama ini.

Dalam hubongan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja siaran² yang boleh merosakkan fikiran penuntut² Islam dalam negeri ini, tetapi juga dalam beberapa buah sekolah Kerajaan yang pada masa ini ada di-ajar atau di-gunakan buku² yang terpesong daripada hakikat yang sa-benar-nya.

Saya ambil satu chontoh di-beberapa buah sekolah Kerajaan di-negeri Perak dan juga Selangor—National Brickfield School yang juga menggunakan sa-buah buku sejarah—History in the Primary School by H. B. Sivam yang di-terbit-kan di-Ipoh, Perak. Buku ini sa-bagai satu buku sejarah yang telah di-gunakan di-beberapa buah sekolah Perak dan Selangor. Di-Selangor satu daripada-nya ia-lah National Brickfield School. Buku ini ada menchatetkan beberapa perkara yang bersangkut dengan ugama Islam dan keterangan yang di-sebutkan dalam buku itu tidak betul.

Dalam buku ini ada di-sebutkan di-muka 64 tentang sa-orang Maharaja Islam yang bernama Maharaja Akbar yang di-katakan pada satu masa Maharaja Akbar telah tidak berpuas hati dengan ugama-nya sendiri—ugama Islam. Dalam buku itu juga telah di-sebutkan bagaimana kalimat *Allahu-Akbar* sa-bagai satu kalimat yang baharu terchipta dalam tahun 1906. Ini ada-lah satu chontoh bukti yang nyata bagaimana buku sejarah yang mengandungi chatetan² yang terpesong sa-kali daripada hakikat ajaran Islam di-gunakan dalam ajaran Islam di-sekolah² Kerajaan negeri ini.

Saya rasa tentu-lah Pegawai Perhubungan dan Kebudayaan ini akan dapat menjalankan usaha yang lebeh chergas daripada masa yang sudah², oleh kerana saya telah melihat bila timbul perkara² siaran yang saperti ini dalam surat² khabar apa yang di-dengar-nya oleh pegawai ini bahawa dia akan menjalankan penyiasatan dan bagitulah sepanjang peristewa-nya yang boleh terjadi dalam negeri ini.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan penoh Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran bagi tahun hadapan ini. Dalam uchapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sa-malam telah mengatakan, melalui sistem pelajaran boleh menghanchurkan benchana yang datang dari dalam negara. Saya mendorong beliau itu berjalan-lah terus yang mana kita tetap akan berjaya, kerana bila mana datang yang hak daripada Kementerian Pelajaran, maka benchana yang batin itu akan hanchur.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka walau pun Ahli² Yang Berhormat telah banyak berchakap hal itu. Berhubung dengan hal ini saya hanya hendak memberi pandangan dan menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran manganjurkan Dewan Bahasa ini supaya banyak mengeluarkan buku² tulisan jawi untuk bachaan umum, terutama sa-kali ra'ayat yang di-kampung² yang gemarkan tulisan

jawi, dan yang hendak melihat perubahan buku² di-zaman pembangunan ini. Yang kedua, usahakan sa-kadar yang segera buku tulisan jawi untuk di-gunakan di-sekolah² dalam negeri ini, kerana pada masa yang akhir² ini saya telah menerima banyak sungutan daripada ibu-bapa yang mengatakan mereka itu sukar mendapat buku pelajaran yang bertulisan jawi di-sekolah² kebangsaan. Dan dengan menjalankan usaha itu dapat-lah kita menghapuskan salah sangka daripada ra'ayat negeri ini bahawa bachaan dan tulisan jawi itu sudah tidak di-adakan lagi sejak berjalan-nya Penyata Razak.

Yang ketiga, dalam hal ini saya suka memberi perhatian yang penoh bahawa berkembang-biak atau layu-lechur-nya tulisan jawi itu tanggong jawab-nya ada-lah terletak kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan. Saya hendak menarek perhatian sadikit ia-itu saya sangat menghargai atas chadangan Dewan Perniagaan China di-Kuala Lumpur ini yang akan menukar tulisan papan kenyataan di-kedai-nya dengan bahasa Kebangsaan. Sa-lain daripada itu, saya menarek perhatian Kerajaan ia-itu sa-baik² sahaja selesai mengadakan Bulan Bahasa ini tunjukkan-lah kesan-nya bahawa bahasa kebangsaan itu sayugia di-lancharkan kepada bangunan² dan juga pejabat yang di-bantu sa-paroh oleh Kerajaan saperti Balai Raya atau pun Majlis Tempatan yang mana kedua² perkara ini sa-paroh daripada bantuan itu ada-lah wang Kerajaan. Kerana saya mendapat tahu Balai Raya itu menulis papan kenyataannya menggunakan empat bahasa, bagitu juga kebanyakakn Majlis Tempatan itu menggunakan bahasa yang lain daripada bahasa kebangsaan. Oleh itu saya harap perkara ini jadikan satu kesan manakala selesai Bulan Bahasa yang kita akan adakan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpaling kapada muka 123 ia-itu berkenaan dengan peruntukan wang bagi pelajaran ugama di-sekolah

menengah dan sekolah jenis kebangsaan yang mana telah di-untokkan sa banyak \$2½ juta. Peruntukan ini adalah menggembirakan orang Islam dalam negeri ini, dan juga dapat menapikan bahawa Kerajaan Perikatan tidak mengambil berat atas hal ugama Islam; ini ada-lah satu peruntukan yang besar sa-kali daripada Kerajaan Persekutuan yang mana belum pernah di-lakukan pada masa yang lalu. Saya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran ia-itu mungkin susunan pelajaran sekolah menengah dan sekolah jenis kebangsaan itu telah di-buat atau di-bentok oleh sabuah lembaga, tetapi pada mula-nya tentu-lah menghadapi beberapa masalah seperti kekurangan buku dan guru. Saya suka mengshorkan kekurangan buku dan guru itu, Kementerian ini boleh-lah berurus dengan Kerajaan Johor, kerana saya mendapat tahu dalam negeri Johor banyak murid lepasan darjah khas yang layak menjadi guru sekolah ugama. Sa-lain daripada itu, buku ugama yang di-keluarkan oleh Jabatan Ugama Johor. Saya harap dengan ada-nya pelajaran ugama di-sekolah² itu latehan pendidekan kapada anak² itu hendak-lah di-utamakan. Saya menganggap penuntut di-sekolah menengah itu telah masok dalam lengkongan baligh dan baligh-lah. Apa yang saya minta Kementerian Pelajaran memerhatikan ia-lah tentang soal pakaian murid² dan didekan ugama. Sebab saya pernah dapat aduan daripada murid² sekolah menengah ia-itu pada bulan puasa kata-nya, saya puasa, tetapi che'gu saya yang berugama Islam tidak puasa. Saya fikir didekan yang saperti ini patut-lah di-perhatikan.

Berkenaan dengan O.C.A.R., Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sadikit perhatian ia-itu di-harapkan Kementerian ini dan Pejabat Pelajaran Negeri mengawasi dengan rapi supaya wang yang di-beri itu tidak di-salah gunakan. Saya pernah mendapat aduan daripada orang kampong kejadian yang saperti ini—untuk menjaga kemuliaan Dewan ini tidak-lah sayugia saya nyatakan—in i a d a l a h di-sebabkan daripada a h l i² juma'ah PAS.

pengurus sekolah di-kampong itu tidak bagitu faham kegunaan wang ini. Oleh itu jika-lau di-biarkan i n i a k a n merosakan tujuan mengadakan peruntukan ini.

Tuan Pengurus, pada akhir-nya saya berchakap di-muka 106 ia-itu perkara Architect's Branch. Dalam perkara Architect's Branch ini saya mengalau²kan ranchangan Kerajaan dan saya menyambut baik atas chadangan ini sebab pada masa yang a k a n datang bangunan² sekolah² baharu di-bawah arahan Kerajaan pusat. Saya hanya dapat menarek perhatian apa yang perlu di-fikir supaya melaksanakan dalam plan sekolah baharu di-masa yang akan datang dengan berkait dengan dua sharat ia-itu Kerajaan memberi kasihatan kanak² dan menjaga keselamatan anak² sekolah. Pada kasihatan kanak² dalam plan itu sayugia di-masukkan ia-itu jamban sekolah itu, paip atau perigi di-sekolah dan juga canteen di-adakan di-sekolah itu. Sebab kalau tidak disediakan maka kasihatan kanak² juga tidak dapat di-jamin dengan baik.

Dalam hal keselamatan bangunan sekolah, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu pagar. Pagar ini ada-lah satu perkara yang sama mustahak terutama di-masa yang akhir² ini bukan sahaja dapat menyelamatkan di-masuki oleh binatang² tetapi boleh juga menyelamatkan benda² dalam sekolah itu daripada perbuatan orang yang tidak bertanggong jawab. Pada akhir-nya, saya dapat tahu sa-bagaimana yang telah di-beritakan dalam akhbar², bahawa di-bangunan sekolah yang tidak di-jaga ini kita dapat tahu ia-itu ada kundor dengan chempaka waktu tengah malam dan telah tinggalkan di-sekolah itu lampu pichit dan bedak. Jadi, keadaan saperti ini, saya fikir tidak boleh di-biarkan pada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita-lah tidak dapat berchakap saperti lorat yang telah di-buat oleh Yang Berhormat wakil daripada Kota Bahru Hilir pada hari semalam. Dan saya dukachita bahawa kepelatan Inggeris pun ada di-pehak PAS.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Menteri Pelajaran dalam Majlis ini. Dan bagi pehak saya, saya menyokong penoh Anggaran yang telah dibentangkan oleh Menteri Pelajaran di-Majlis ini.

Saya suka hendak berchakap sadikit, Tuan Yang di-Pertua, hal di-muka 125 Sub-head 80 ia-itu National Language Month—Bulan Bahasa Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, banyak daripada sahabat² saya yang telah memberikan fikiran mereka berkenaan dengan perkara Bulan Bahasa Kebangsaan ini. Saya untok berchakap di-sini ia-lah tujuan kita untok mengadakan Bulan Bahasa Kebangsaan ini ia-itu hendak menggalakkan bukan-nya sahaja kapada penduduk² negeri ini daripada bangsa yang bukan Melayu untok belajar bahasa Melayu, berchakap Melayu bahkan kita kehendaki jika boleh-nya biar-lah bangsa asing ini belajar dan mengaji, bersekolah dan menulis bahasa kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, kita chuma nampak-nya memberat atau mengambil satu² perkara itu berat sabelah sahaja tetapi kita tidak ambil kedua belah. Sebab saya kata bagitu, kita ada mengambil tahu untok orang² penduduk negeri ini belajar bahasa Melayu dan juga sebab kanak² yang bukan daripada bangsa Melayu supaya bersekolah di-sekolah Kebangsaan tetapi kita lupa kapada guru² yang hendak mengajar kapada anak² kita itu. Jadi, saya sipatkan macham kanak² itu seperti tepong dan guru² itu seperti achuan, hanya kita menjaga tepong, champor itu, champor ini dan kalaupun buat kueh ini tetapi achuan-nya kita tidak ambil dan kita tidak ambil tahu sa-baik² mana achuan itu dan jika achuan baik maka baik-lah kueh-nya itu-lah pendapat saya.

Di-sini saya suka berchakap sadikit di-muka 123 Sub-head 43. Grants to Local Education Authorities. Di-sini saya pun ta' berapa faham, jikalau sakira-nya saya silap, harap-lah Tuan Yang di-Pertua, tegorkan, ia-itu berkenaan dengan hal rumah² guru sekolah Melayu atau Sekolah Kebangsaan. Saya sendiri berasa sedeh melihat hal

guru² sekolah Melayu ini, boleh-lah di-katakan dalam kawasan saya ta' kurang daripada 40 persen guru² ini tidak ada mempunyai rumah. Jadi di atas perkara ini saya berharap dan saya fikir elok-lah Menteri yang berkenaan mengambil tahu hal kedudukan guru² yang datang mengajar di-sekolah² di-merata kampong dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Saya sendiri sudah berjumpa sa-orang guru dan mengadu kapada saya, apa-kah hal diri saya ini datang mengajar di-sini rumah tidak ada dan hendak sewa rumah mahal pula dan sa-hingga sampai guru ini duduk di-tepi rumah saya dan menyewa sa-buah rumah. Di-sini juah-nya dari-pada rumah dengan sekolah itu lebeh kurang tiga batu. Jadi, saya fikir hal kedudukan guru² ini tidak juga di-baiki bagitu-lah macham saya sebutkan tadi, jika machamana elok kueh itu jika achuan-nya tidak bagus harus juga kueh itu tidak bagus. Saya harap kapada Menteri yang berkenaan supaya mengambil tahu hal kedudukan guru² ini. Sa-lanjutkan saya suka menyatakan sa-hingga-nya sa-orang guru itu apakah di-tukarkan di-tempat yang lain maka tinggal-lah anak isteri-nya di-tempat yang asal kerana dia tidak ada mempunyai rumah. Saya harap Menteri yang berkenaan akan mengambil tahu atas hal kedudukan guru² ini.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr. Speaker, Sir, I would first of all mention the total amount asked for by the Ministry of Education, which is \$189,417,677.

Enche' V. David (Bungsar): On a point of order. The speech should not be read, Sir.

Mr. Speaker: What is the point of order?

Enche' V. David: Under the Standing Orders, speeches should not be read.

Enche' T. Mahima Singh: I am reading the figures, Sir. I would again refer to this figure of \$189,417,677, which represents about 20 per cent. of the total amount budgeted for 1961. This, I believe, Sir, is a fact, of which only the Minister of Education but the whole Cabinet could be proud of—that we in this country are spending

the largest amount of money on Education which also is about twice the amount of money that the Government intends to spend on Defence.

Next, Sir, I would refer to page 125, sub-head 77, Further and Part Time Education. In this respect, Sir, I would like to mention that education of our children should not stop only with the schools. I believe, Sir, that after they leave school, it is our duty to see that these citizens are directed in the right way and one of the best ways that we could direct the intelligent members of our society is to supply them with properly stocked libraries. In this respect, I hope that it will be possible for the Minister in the near future to establish our National Library, to begin with, perhaps, in the Federal Capital and gradually to have branches in the main centres of our country. In establishing this Library, Sir, I hope it will be possible to bear in mind the recommendation of the Education Report of 1956, which has then been reaffirmed in the latest Report known as the Rahman Talib Report, which states as follows:

"A national system of education acceptable to the people of the Federation as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, whilst preserving and sustaining the growth of the language and culture of other communities living in the country."

Among other objects, Sir, I hope that the National Library will be kept in view.

Next, Sir, I refer to page 124, items 56 to 62, and also page 107, items 184 to 195, Malayan Students Department, United Kingdom. I would like to say in this connection that the Malaya Hall in London is serving a very useful purpose for students when they are away from home. But we have almost equal number of Malayan students in Australia and, on looking through the estimates for the next year, I find that the amount allotted for looking after the interests of our students in Australia is hardly 20 per cent or roughly about \$65,582 in comparison to the amount allotted for the students in the United Kingdom. I hope, Sir, that it will be

possible to give a little bit more attention to the students in Australia, because I feel that they are as important as the students who study in the U.K.

I refer next, Sir, to page 123, sub-heads 41 and 46, Grants to Schools. In this connection, Sir, it has been mentioned in the latest Report on Education that special attention would be paid to classes known as "express" classes for the brighter children. I will be very happy to see that this is very carefully implemented in as many schools as possible, because it will be a very great boon to brighter children who sometimes, if kept along with slower children, very soon become dull and listless.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Mr. Speaker, Sir, I rise on a point of order under Standing Order 36 (1). I think the Honourable Member is touching on the future implementation of the Rahman Talib Report.

Mr. Speaker: Since the Rahman Talib Report was mentioned by the Minister himself, the Member can touch on it. Please proceed!

Enche' Mahima Singh: I refer next to page 123, sub-head 49, Evening Classes in English for Office Boys. I note here that the amount of estimated provision is only \$100. I believe, perhaps, this is a token estimate and that, if required, more amount will be spent.

I feel, Sir, that, with the decision of our country to use the National Language in all our schools, we should not lose sight of the fact that, when our students have to go abroad, English is a very essential requirement for their higher studies and, as such, I also feel that, if we are to spend money on English, we should spend it in a way that the students could really make use of that language. Thank you.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu²kan di atas peruntukan yang telah di-buat oleh Menteri Pelajaran

bagi tahun 1961. Saya berchakap di-sini ia-lah mengenai muka 124, sub-head 70—Aid to Non-Government Muslim Religious Schools sa-banyak \$500,000 yang di-beri kapada Sekolah² Ugama Ra'ayat. Sa-benar-nya bantuan yang sa-jumlah ini ada-lah lebih tinggi daripada yang telah di-beri pada tahun yang lalu dan bantuan ini ia-lah mengikut Penyata Jawatan-Kuasa Menyemak Dasar Pelajaran dalam sekolah² pondok yang telah pun di-jalankan dalam tahun 1956.

Dalam ingatan saya terdahulu dari-pada ini Sekolah Ugama Ra'ayat di-kampung² itu tidak pernah mendapat bantuan yang demikian, tetapi dari sa-tahun ka-satahun bantuan ini makin bertambah. Dari bantuan ini banyak-lah perubahan² yang telah di-dapati di-sekolah² pondok—sekolah² ugama ra'ayat yang di-sebutkan itu ter-utama sekali ia-lah susunan pelajaran yang telah pun di-susun sama dengan pelajaran-nya di-seluroh Tanah Melayu ini yang sekolah² itu mahu menerima dasar Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan boleh di-dapati ada di-sa-tengah² pondok yang murid²-nya dapat melanjutkan pelajaran-nya yang lebih tinggi lagi sa-umpama College Islam dan lain²-nya.

Tetapi satu perkara lagi yang mu-stahak yang patut mendapat perhatian dari pehak Kerajaan ia-lah berkenaan dengan sekolah² pondok. Sa-bagai-mana biasa kanak² yang belajar di-sekolah pondok itu mengikut chara lama, umpama-nya kalau satu ribu kanak² maka satu ribu pondok mesti ada, dan bagitu-lah juga perkakas masak memasak pinggan mangkok periok belanga misti di-adakan. Jadi perkara yang semacham ini sudah kolot dan tidak sesuai lagi pada masa ini dan dengan yang demikian akan merugikan ekonomi bangsa kita. Saya berharap kapada yang berkenaan walau pun perkara ini di-luar tanggong jawab Kementerian supaya pada masa yang akan datang dapat pertimbangan dari pehak Kementerian ini.

Saya berasa dukachita kerana dalam sekolah² pondok itu terutama mudir atau guru yang mana pada masa pilehan raya yang lalu mereka itu

telah mengambil bahagian yang sepenoh²-nya dalam hal² siasah . . .

Mr. Speaker: Itu tidak ada kena mengena.

Enche' Harun bin Abdullah: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara itu . . .

Mr. Speaker: Jangan di-langsung! Itu tidak ada kena mengena. Ambil perkara yang lain.

Enche' Harun bin Abdullah: Selain daripada itu saya ingat kalau sa-kira-nya pehak pembangkang kelmarin boleh berchakap dalam hal Sekolah² Kebangsaan, maka saya juga boleh berchakap dalam hal sekolah² pondok. Dengan sebab terlanjor saya hendak membawa ka-arah itu dan sa-kira-nya tidak dapat persetujuan dari Tuan Yang di-Pertua baik-lah saya pergi kapada perkara yang lain.

Berbalek kapada muka 123, sub-head 46—Grants for Religious Instruction in Assisted Primary and Secondary Schools peruntukan sa-banyak \$2,500,000—pada Sekolah² Kebangsaan ia-itu bantuan bagi menjalankan pelajaran² ugama di-sekolah. Ini pun satu perkara baharu—yang tidak pernah di-buat dalam negeri ini bagi mengembangkan pelajaran² ugama. Dalam hal ini apa yang telah di-chakapkan oleh pehak² yang tertentu yang mengatakan bahawa pehak Kerajaan menggalakkan atau ada memberi bantuan pada sekolah² Christian pada beberapa tahun yang lampau itu maka dengan ada-nya peruntukan yang banyak ini dalam sekolah² yang tersebut itu tidak-lah akan berbangkit lagi bahkan Kerajaan ada-lah men-chuba dengan seberapa daya upaya hendak memberi kanak² dalam peringkat² sekolah rendah dan sekolah menengah itu pelajaran ugama dengan sechukop²-nya.

Sa-lain daripada itu, saya suka berchakap berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan saperti yang di-sebutkan pada Sub-head 80. Sa-bagai-mana yang kita sedia ma'alum dalam tahun ini kita telah mengadakan Minggu Bahasa. Ikhtiar² Dewan Bahasa dan Pustaka hendak me-majukan per k e m b a n g a n bahasa

kebangsaan melalui Minggu Bahasa itu kita telah nampak kejayaan yang banyak, terutama sa-kali dalam pejabat kerajaan pada hari ini saya dapat sama ada pejabat itu dalam peringkat Negeri atau Persekutuan, boleh dikatakan sa-bahagian-nya menggunakan bahasa kebangsaan seperti berchakap, menjawab surat daripada ra'ayat dan sa-hinggakan dalam Mahkamah pun di-jalankan dengan berchakap bahasa kebangsaan. Tentang ikhtiar² ini bagi pehak saya ada-lah sukachita dan mengalu²kan di atas kejayaan yang telah di-daptati itu. Tetapi walau bagaimana pun, tentu-lah ada sadikit sa-banyak pejabat yang tidak dapat hendak menggunakan Bahasa Kebangsaan itu, ini kita boleh lihat borang (form) daripada pejabat yang berkenaan.

Saya berasa dukachita, kerana borang² daripada Pejabat Chukai Pendapatan itu tidak ada lagi saya dapat dalam bahasa kebangsaan. Saya banyak mendapat rayuan daripada ahli perniagaan Melayu di-kampung² ia-itu mereka ini tidak dapat mengisi borang itu kerana semua-nya di-tulis dalam Bahasa Inggeris. Tetapi saya perchaya pada masa yang akan datang borang² ini akan di-tulis dalam Bahasa Kebangsaan.

Lazim-nya, chara hendak melaksanakan Minggu Bahasa atau Bulan Bahasa itu baik di-peringkat Persekutuan, Negeri mahu pun Jajahan maka telah di-adakan jawatankuasa untuk melaksanakan usaha yang tersebut, kapada saloran² ini-lah wang yang \$50,000 ini akan di-berikan. Saya fikir peruntukan sa-banyak \$50,000 ini tidak-lah mencukupi walau pun peruntukan ini berlebih daripada tahun yang lalu, tetapi sa-balek-nya pula dalam masa kita menjalankan Minggu Bahasa yang lalu orang ramai, telah turut menderma menambah peruntukan yang tersebut itu. Kerana dalam hendak melaksanakan Bulan Bahasa itu tentu-lah kita akan mengadakan peraduan seperti sharahan, mengarang dan sa-bagi-nya, dan juga mengadakan hadiah²-nya. Saya menguchapkan terima kaseh kapada orang² dan badan² yang

menderma bagi menjayakan maksud itu.

Pada akhir-nya, satu masa dahulu saya ada bertanya Yang Amat Berhormat Tengku Perdana Menteri berkenaan dengan bila masa-nya terjemahan Undang² Perlumbagan Persekutuan Tanah Melayu di-keluaran dalam Bahasa Kebangsaan. Jawapan yang saya dapat dari daripada beliau ia-lah terjemahan itu dapat disiapkan pada awal tahun 1961. Jadi dalam Bulan Bahasa ini-lah yang sesuai sa-kali kalau dapat Undang² Perlembagaan yang tersebut di-keluaran.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengatakan ia tidak dapat mengikut chara, Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir itu berchakap. Saya rasa tidak payah-lah ia mengikut chara pehak kami di-sini berchakap. Tetapi apabila pehak kami berchakap dalam bahasa Inggeris, maka banyak yang berkata, kami tidak menggunakan bahasa Melayu. Apabila Yang Berhormat Menteri Pertanian mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementerian-nya dengan menggunakan bahasa Inggeris, pehaknya tidak menegor.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Sub-head 16 dan 27. Guru² yang telah di-hantar ka-luar negeri belajar satu² perkara khas, maka apa bila mereka itu balek, mereka tidak di-tugaskan mengajar ilmu khas yang mereka pelajari itu. Perkara yang saperti ini ada-lah merugikan, kerana mereka itu di-hantar belajar khas dalam satu² perkara, tetapi apabila balek mereka di-tugaskan saperti guru biasa.

Baharu² ini saya mendapat tahu ia-itu lebih kurang 100 orang guru telah di-hantar berlaluh ka-Kirkby. Saya dapat daripada jumlah ini hanya 29 orang sahaja guru² Melayu. Chara pemilahan ini saya berasa dukachita. Ada-kah ini mengikut polisi atau quota-nya? Kalau ini mengikut quota ia-itu hanya 29 orang, ini tidak-lah

memuaskan hati. Saya harap Kementerian Pelajaran dapat menyiasat dengan sa-penoh-nya bagaimana chara pemilehan guru² yang di-hantar ka-Kirkby itu. Sebab hari ini kita hendak memajukan pelajaran anak² Melayu dengan sa-penoh-nya, maka sa-patutnya-lah di-beri peluang kapada anak Melayu lebuh banyak belajar dalam latehan perguruan itu.

Muka 119 ia-itu Item (572) dan (573). Saya sukahita mendapat tahu daripada Menteri kita di atas kedudukan guru² Melayu di-sekolah Kebangsaan dan di-sekolah menengah. Sa-bagaimana kedudukan mereka pada yang telah lalu mereka itu telah berkhidmat dan berjasa kapada negeri ini dan telah memberi tugas dan bukti kapada anak kita semua. Jadi qualifying scheme yang di-jalankan itu bagaimana-kah kedudukan mereka itu. Ada-kah mereka itu hilang hak bersara dan lain² keutamaan. Maka perkara ini patut-lah Kementerian kita dapat menimbangkan supaya jangan-lah mereka itu tenggelam dari-pada keluaran guru² Inggeris.

Dalam muka 101 dalam soal Pentadbiran. Sunggoh pun perkara ini telah di-unchapkan oleh wakil dari Kota Bahru Hilir maka dukachita saya menegaskan di-sini ia-itu dalam soal Pentadbiran sekolah ugama ini ada-lah mustahak bagi melaksanakan chita² pelajaran dalam negeri kita ini, ia-itu 61,000 guru² termasok staff yang hanya di-kawal di-antara 9 atau 10 orang pegawai² Pentadbiran. Selain daripada pegawai pelajaran C.O. Mereka ada-lah bertanggong jawab dalam hal service, kenaikkan pangkat, pertukaran pegawai². Oleh sebab kekurangan² pegawai ini boleh menjadi perjalanan pentadbiran Kementerian ini tidak-lah lichin dan menerbitkan tidak puas hati. Pada masa akan datang jumlah murid² akan bertambah 145,000 orang dengan bertambahnya murid² itu akan bertambah-lah guru² dan bertambah-lah tanggong jawab kapada Kementerian ini. Maka baik benar-lah sakira-nya pehak Kementerian dapat menambah bila-tigan pegawai² Pentadbiran dalam Kementerian ini. Saya menyokong sa-bagaimana pendapat wakil dari Kota Bahru

Hilir ia-itu pegawai Pentadbiran molek-lah di-ambil daripada pegawai² M.C.S. oleh kemahiran mereka itu dalam soal Pentadbiran. Kerana sakira-nya kita ambil daripada guru² yang berkelulusan D e g r e e maka hilang-lah guru² yang patut di-tugaskan bagi mengajar murid² sekolah. Oleh itu kita berharap-lah pehak Kementerian; kerana dalam soal Pentadbiran ini patut di-beri perhatian yang berat supaya dapat di-tambah pegawai Pentadbiran dalam Kementerian ini.

Bagitu juga dalam muka 110 hingga 119, pehak Menteri telah menyatakan dua hari dahulu ia-itu dalam peringkat pentadbiran dalam negeri in kerja² telah bertambah tetapi pegawai² dan staff² kekurangan maka itu pun patut-lah bagi Kerajaan memberi perhatian supaya dapat di-tambah kaki tangan, pegawai² dan staff sa-hingga kaperingkat negeri kerana kerja² terlalu banyak dan akan bertambah² lagi apabila dasar Rahman Talib di-jalankan pada tahun 1962.

Muka 124 Item 70. Bantuan Kapada Sekolah Ugama Ra'ayat. Tiga orang wakil daripada pehak di-sini telah pun menerangkan dan telah merayu kapada pehak Kementerian ini supaya memberi bantuan kapada sekolah ugama ra'ayat itu maka hendak-lah di-jalankan dengan adil. Kerana saya dapat ada dalam sekolah ugama ra'ayat kerana mereka itu konon-nya berpolitik bagi party PAS maka bantuan tidak di-beri. Tetapi ada

Mr. Speaker: Jangan di-ulangkan perkara itu kerana banyak yang telah berchakap-nya. Patut-lah perkara itu di-berhentikan.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan sahaja.

Mr. Speaker: Banyak kali perkara itu telah di-chakapkan, jangan-lah di-uchapkan lagi.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sa-umpama ini telah di-chakapkan oleh sa-orang Ahli daripada Malacca semalam yang mengatakan ia-itu Kerajaan tidak memberi bantuan sekolah itu sebab ada kesalahan yang tertentu. Ia mengatakan sekolah itu pernah di-benarkan bagi mengadakan

meshuarat party² siasah. Saya rasa dukachita, Tuan Yang di-Pertua, soal ini kerana tuduhan ini ada-lah satu tuduhan yang karut marut sa-mata². Walau bagaimana pun bagaimana pula dengan sekolah ugama ra'ayat di-Kedah yang menyebelahi pehak U.M.N.O. apa-kah sebab-nya bantuan-nya tidak di-tahan. Kerajaan Perikatan patut-lah insaf dan jangan-lah menchuba menyurokkan pekong di-dada sendiri dan wajib-lah menjalankan keadilan. Jangan-lah bila kena tegor baharu hendak di-tolong. Peruntukan wang sa-banyak \$500,000 ada-lah datang-nya daripada ra'ayat bukan-lah wang ini datang-nya daripada ra'ayat yang menyokong pehak Perikatan sahaja. Oleh sebab itu saya berharap kapada Kementerian ini dapat menjalankan keadilan supaya ra'ayat negeri ini dapat faedah bersama.

Dato' Onn bin Jaafar (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak menegor di atas peruntukan di-dalam Jabatan Kementerian Pelajaran ini berkenaan dengan mengadakan atau mengekalkan Jabatan Architecture. Pada pendapatan saya ada-lah mensesiakan sahaja di-dalam Kementerian ini. Oleh kerana sakira-nya kita perhatikan kepada peruntukan belanja sa-bagai Jabatan Kerja raya pada muka 279 maka kita akan dapati ada sa-orang yang di-namakan Superintending Architect, Superscale G. Ada 5 orang lagi yang di-namakan Senior Superintending Architect, Superscale H. Ada beberapa orang lagi ia-itu 21 orang semua-nya di-bawah Item 16 pada muka 279 ini yang ka-semua-nya ada-lah berkenaan mengadakan plan² untuk bangunan. Apa-kah mustahakkan di-adakan sabuah Jabatan Architect di-dalam Kementerian ini. Saya tidak ketahui. Oleh kerana jika-lau kita semak dengan halus-nya kapada anggota² di-dalam Jabatan ini maka nyata-lah ada tertinggal di-dalam Jabatan Architecture ini sa-orang pegawai yang sangat mustahak ia-itu Quantity Surveyor.

Dalam peruntukan Jabatan Kerja Raya itu ada mengadakan peruntukan Quantity Surveyors. Quantity Surveyor ini ia-lah sa-orang yang sangat mustahak berkenaan dengan bangunan²,

oleh kerana pekerjaan dan kewajipan itu ia-lah menggarakkan berapa banyak dan berapa harga barang² yang hendak di-gunakan pada membangunkan tiap² satu bangunan itu dan daripada pendapat Quantity Surveyor itu maka dapat-lah konterekter² itu mempedomankon konterek-nya itu supaya menyamaï dengan seberapa yang dapat dengan harga yang di-anggarkan oleh Jabatan Kerja Raya itu. Maka di-sini saya mengeshorkan ia-itu daripada di-kekalkan Jabatan Architect daripada Kementerian ini yang mana satu pejabat yang tidak lengkap anggota-nya maka lebih baik-lah di-serahkan pejabat ini kapada Jabatan Kerja Raya.

Saya ada mendengar sa-orang dari-pada pehak Kerajaan mengatakan kira-nya di-adakan Jabatan Architect dalam Kementerian Pelajaran ini maka hal itu akan menyegerakan atau melekaskan pelan² itu. Saya tidak berfikir semacham itu, oleh kerana saya chukop mengetahuï ia-itu Pejabat Pelajaran ini akan menghadapi programme bangunan sekolah yang banyak sekali dalam tahun² yang akan datang, tetapi banyak daripada bangunan² sekolah itu tentu-lah serupa bangunan itu sekadar kan besar atau kecil untuk 100 orang murid, atau 200, 500 atau 1,000 murid maka tidak-kah dapat Jabatan Kerja Raya itu menyediakan pelan-nya untuk sa-suatu jenis sekolah—Standard Type School yang tidak akan mengambil masa yang panjang, tetapi akan dapat di-gunakan oleh Kementerian Pelajaran ini bila² di-kehendaki.

Itu-lah sahaja tegoran saya berkenaan dengan Jabatan Architect dalam Kementerian Pelajaran ini. Maka sekarang saya berpaling pula kapada muka 121, sub-head 17; sub-head 30; dan sub-head 49. Dalam sub-head 17—Evening Classes in English for Office Boys peruntukan sa-banyak \$500 ia-itu untuk mengajar peon² belajar bahasa Inggeris. Bagitu juga dalam sub-head 30—Evening Classes in English for Office Boys peruntukan sa-banyak \$100 untuk peon² belajar bahasa Inggeris. Dan bagitu juga pada sub-head 49—Evening Classes in English for Office Boys

peruntukan sa-banyak \$100 untuk peon² belajar Bahasa Inggeris. Saya tidak mengerti apa sebab di-kehendaki peon² belajar Bahasa Inggeris, pada hal dasar Kerajaan yang ada ini ia-lah hendak menggunakan dan mengembangkan Bahasa Melayu bukan sahaja di-luar tetapi juga dalam pejabat² Kerajaan. Maka ini pula di-kehendaki peon² itu supaya belajar Bahasa Inggeris—saya tidak mengerti. Peruntukan yang di-nyatakan sa-banyak \$500 itu setakat mana-kah dapat di-gunakan untuk mengajar beribu² peon yang ada, sunggoh pun di-bahagikan kepada chabang² dalam anggaran ini. Seratus ringgit itu kemana akan pergi? Berapa orang peon akan dapat belajar Bahasa Inggeris—setakat mana akan dapat diajar Bahasa Inggeris pada peruntukan yang \$100 satu tahun itu? Maka di-sini saya tidak nampak ada guna-nya peruntukan yang semacham itu oleh kerana menurut tujuan Kerajaan ia-lah hendak menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan ia-itu Bahasa Melayu, tetapi Kerajaan juga yang menggalakkan sa-hingga setakat peon itu di-suroh-nya belajar Bahasa Inggeris. Sudah-lah mata² sa-hinggakan peon pun di-suroh belajar Bahasa Inggeris.

Muka 123, sub-head 46—Grants for Religious Instruction in Assisted Primary and Secondary Schools peruntukan sa-banyak \$2,500,000 kerana membantu Sekolah² Menengah berkenaan dengan ajaran ugama. Maka di-sini saya menumpang bertanya dengan Menteri Pelajaran apa-kah ugama yang di-ajar itu dengan wang yang sa-banyak \$2,500,000 itu? Adakah itu untuk mengajar ugama Islam atau semua ugama? Oleh kerana tidak di-nyatakan di-sini pada hal sub-head 70 ada khas di-nyatakan peruntukan sa-banyak \$500,000 untuk membantu pada sekolah² yang bukan sekolah ugama Islam—yang bukan Sekolah² Kerajaan. Maka saya suka hendak membawa perhatian Dewan ini kapada satu penyata yang di-keluarkan oleh sa-buah Jawatan-Kuasa yang di-ketuai oleh Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib, Assistant Minister for Natural Resources menjadi Pengerusi-nya dan Penolong Menteri Penerangan dan Siaran Radio menjadi Setia-Usaha-nya.

Maka saya menumpang bertanya: Adakah Kerajaan telah menerima shor² yang terkandong dalam penyata itu? Oleh kerana kira-nya ada di-terima maka adakah di-jalankan sa-bagaimana yang telah di-shorkan itu?

Pada para 84 dalam penyata ini maka Jawatan-Kuasa itu mengeshorkan supaya di-dirikan sa-buah Juma'ah Penasehat Pelajaran Ugama—Religious Educational Advisory Boards. Maka adakah Juma'ah ini telah di-dirikan? Dan bagitu juga Jawatan-Kuasa ini mengeshorkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka mengeluarkan buku² untuk sekolah² berkenaan dengan perkara² u g a m a . Adakah Dewan Bahasa dan Pustaka itu sudah pun menjalankan tugas-nya itu? Bagitu juga Jawatan-Kuasa ini mengeshorkan supaya Teachers Training Classes hendak-lah di-adakan supaya memperbaiki keadaan dalam sekolah² yang bukan-nya sekolah Kerajaan.

Peruntukan dalam sub-head 70—Aid to Non-Government Muslim Religious Schools sa-banyak \$500,000. Dapat-kah pehak Kementerian Pelajaran menerangkan bagaimana chara² di-gunakan peruntukan ini pada tahun yang sudah sa-banyak \$400,000 atau pun pada tahun yang akan datang ini sa-banyak \$500,000. Apa-kah bantuan dan apa-kah chara-nya yang telah di-beri kapada Sekolah² Ugama yang bukan-nya Sekolah² Kerajaan? Di-negeri Johore ugama Islam itu ada-lah menjadi tanggongan Kerajaan Johore sendiri yang di-tadbirkan oleh Pejabat Ugama Johore, maka ta' dapat-kah chara yang semacham itu di-jalankan di-negeri² lain yang belum tersusun tentang ajaran ugama sa-bagaimana yang di-jalankan di-Johore itu. Dengan yang demikian baharu-lah pada pendapat saya sah pengakuan daripada pehak Kerajaan Perikatan bahawasanya ugama Islam itu ada-lah menjadi ugama Persekutuan Tanah Melayu ia-itu segala perkara yang bersangkutan dengan pengajaran dan pelajaran ugama itu hendak-lah di-tanggong oleh Kerajaan Persekutuan dan bukan-lah dibiar kan sa-bagai tanggongan kapada Kerajaan² Negeri oleh kerana di-katakan yang ugama Islam itu ia-lah ugama Persekutuan Tanah Melayu—bukan-nya ugama negeri Johore sahaja,

atau ugama negeri Kedah, Perlis, Kelantan atau pun Trengganu.

Ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, tegoran saya berkenaan dengan peruntukan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran ini dan saya harap Menteri Pelajaran itu ada mendengar dan ada mengambil ingatan dan janganlah mendengar sahaja, tetapi tidak di-pakai terus di-buang. (*Ketawa*).

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pelajaran ini. Banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap, dan ini ada-lah giliran saya untuk memberi perhatian terhadap Kementerian ini. Saya suka menarek perhatian pada Sub-head 46, ia-itu bantuan mengadakan pelajaran ugama di-sekolah rendah dan menengah telah di-untokkan sa-banyak \$2½ juta. Ini ada-lah satu perkara baharu sa-bagaimana kata Yang Berhormat Menteri Pelajaran; peruntukan sa-banyak \$2½ juta bagi permulaan ini ada-lah menunjukkan yang Kerajaan Perikatan berusaha dari sa-hari ka-sahari menjalankan kerja-nya untuk mengembangkan ugama Islam di-sekolah² yang tersebut yang mana ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negeri ini. Di-sini tidak-lah boleh di-katakan, pelajaran ugama Islam tidak di-ajar sa-lama ini, kerana mengikut pandangan saya sa-lama ini pelajaran itu di-ajar di-seluruh petang di-sekolah² yang tertentu. Dengan adanya chara peruntukan ini dapat-lah di-adakan pelajaran ugama Islam di-sekolah yang tersebut sa-kira-nya ada 15 orang murid Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah memberi pandangan saya sa-masa membahathkan Penyata Rahman Talib dahulu. Pandangan saya itu ia-lah supaya Kementerian ini mengambil berat ia-itu mengadakan kelas latehan atau pun sekolah latehan kepada bakal guru² yang terdiri daripada laki² dan perempuan itu yang akan menjadi guru di-sekolah² tersebut. Sunggoh pun saya faham banyak bakal² guru itu mempunyaï kelulusan, tetapi yang saya kehendaki ia-lah supaya di-beri satu latehan khas kepada mereka ia-itu bagi

chara mengajar ugama Islam di-sekolah² itu dengan perasaan bertanggong jawab dan bersunggoh² memberi pelajaran dan mengembangkan ugama Islam itu. Saya mendapat tahu negeri Kedah telah pun bersiap untuk mengadakan darjah² yang saperti ini. Saya berharap mudah²an Kementerian Pelajaran mengambil ingatan di atas uchapan saya ini, kerana saya percaya tentu-lah Kerajaan² negeri tidak akan bertanggong-jawab untuk mengadakan darjah khas yang di-sebutkan itu kapada bakal² guru itu. Oleh itu, saya berharap Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu sendiri meneluarkan peruntukan sa-bagaimana yang di-adakan peruntukan kepada guru² yang lain dan, patut juga kita mengadakan peruntukan kerana memberi latehan khas kepada guru ugama yang bakal mengajar pelajaran ugama di-sekolah yang tersebut. Mudah²an dengan chara ini baharu-lah lanchar kerja kita menyebar dan mengembangkan pelajaran ugama Islam di-sekolah² tersebut dengan jalan ini juga kita dapat mendidek murid² itu kepada akhlak yang baik dan bersopan santun.

Mr. Speaker: The sitting is suspended for 15 minutes.

Sitting suspended at 11.40 a.m.

Sitting resumed at 12.00 noon

(*Mr. Speaker in the Chair*)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

Debate resumed on Question :

That the sum of \$189,417,677 for Head 18 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berchakap berkenaan dengan Teachers in Training, Technical College dan Training Rural Trade School Staff. Nampaknya peruntukan Teachers in Training tahun ini ada kurang sadikit daripada tahun yang lepas, dan peruntukan bagi Training Rural Trade School Staff sama dengan tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kedua² perkara ini sangat-lah penting bagi anak² kita untuk mempelajari atau pun menyambong pelajaran mereka itu seperti per-usahaan² tukang kayu dan lain² di-dalam kampong. Kita tahu bahawa banyak anak² kita yang telah di-berhentikan daripada sekolah Melayu. Apabila mereka itu berumur 13 tahun, mereka chuma dapat peluang melanjutkan pelajaran mereka itu dalam sekolah yang di-namakan Trade School. Tetapi sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat Dalam sa-malam bahawa banyak daripada Trade School ini di-tutup, dan sa-tengah daripada sekolah² itu telah terpisong daripada dasar yang telah di-tetapkan oleh Kerajaan.

Saya berkata demikian kerana Trade School di-Pengkalan Chempa, Kota Bharu, sekolah ini dahulu memberi pelajaran pertukangan dan lain² kapada anak² kita di-sana, tetapi sudah sa-tahun lama-nya sekolah itu tidak lagi di-beri pelajaran bertukang kayu, bahkan sekolah itu mengajar anak² Melayu memelihara kerbau-lembu. Jadi alat² yang mahal harganya yang ada di-sekolah itu telah berkarat kerana tidak di-pakai lagi, dan anak² kita tidak dapat belajar ilmu yang sangat mustahak itu. Sa-bagaimana yang kita ketahui bahawa anak² Melayu kita tidak dapat belajar ilmu pertukangan di-tempat lain, melainkan di-Kolej Teknikal. Ada pun anak² bangsa asing itu dapat belajar di-tempat lain, kerana mereka banyak mempunyai kedai workshop, engineering dan lain². Saya dukachita kerana baharu² ini saya ada bertanya Kementerian Pelajaran, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya bachakan ia-itu "Jawapan Bertulis" soalan saya ia-lah demikian bunyinya:

"26. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-itu berapa bilangan pelajar² mengikut bangsa dalam Maktab Teknikal, Kuala Lumpur, dan bilangan mengikut bangsa pelajar yang menerima biaya."

Jawab-nya, semua-nya ada 25 orang pelajar yang mengikut kursus permulaan di-Maktab Teknikal, dan kursus diploma ada 140 orang dalam tahun

pertama, 115 orang dalam tahun kedua dan 112 orang dalam tahun ketiga, dan ada 21 orang pelajar dalam tahun pertama dalam kursus professional. Jumlah-nya ia-lah 403 dan di-antara mereka ini sa-ramai 306 orang ada-lah menerima biaya Kerajaan dan 20 orang menerima biaya daripada puncha yang lain. Angka menunjukkan berapa banyak lag i tiap² bangsa tidak di-dapati.

Soal yang saya kemukakan kepada Menteri yang berkenaan ia-lah hendak mengetahui berapa-kah bilangan anak² Melayu yang dapat pelajaran di-Kolej Teknikal. Tetapi daripada jawapan yang di-beri oleh Menteri yang berkenaan dapat-lah kita ketahui bahawa Menteri tidak dapat memberi kapada kita angka anak² Melayu yang sedang belajar di-dalam Kolej Teknikal itu. Saya berasa hairan apa-kah sebab-nya Menteri itu tidak dapat mengemukakan atau memberi bilangan penuntut Melayu yang belajar di-kolej tersebut, Kalau hendak di-katakan angka mereka itu banyak, ini ada-lah satu perkara yang pelek, kerana bilangan pelajar itu ia-lah 413 orang sahaja. Dengan ini dapat-lah kita faham bahawa tujuan asal soalan itu tidak di-jawab ia-lah harus saya takut hendak mengaborkan mata orang Melayu kita supaya jangan kita ketahui keburukan kedudukan dan sadistik-nya bilangan penuntut² Melayu di-Kolej Teknikal itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penting-nya Trade School ini di-kampong untuk memberi peluang kepada anak² Melayu belajar pertukangan yang penting yang akan memberi mata pencharian dan juga yang akan memajukan tujuan kerajaan ia-itu Pembangunan Luar Bandar (Rural Development), maka saya harap kapada Kementerian yang berkenaan mengadakan satu polisi untuk memberi ilmu yang bersangkut-paut dengan pertukangan² kapada orang² yang duduk di-kampong. Sa-kira-nya polisi ini di-adakan, maka dapat-lah anak Melayu yang di-kampong itu belajar perkara yang penting ini, dan ini akan memajukan Kemajuan Luar Bandar yang sedang di-lancharkan oleh Kerajaan sekarang ini.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Grants for Religious Instruction in Assisted Primary and Secondary Schools. Nampaknya mulai dari pada tahun ini Kementerian Pelajaran hendak menunaikan tugas atau pun janji sa-bagaimana yang tersebut dalam Penyata Razak dahulu ia itu hendak mengadakan pelajaran ugama di-sekolah Kerajaan dalam sekolah rendah dan menengah. Ahli² Perikatan telah berbangga kata-nya, perkara ini ia-lah satu perkara baharu dan lain². Tetapi yang menjadi pelek-nya ia-lah Kementerian ini tidak mengambil berat di atas hal kedudukan anak Melayu di-dalam sekolah Inggeris, sa-hinggakan paderi orang Christian menyebar dan menyiar kan siaran ugama mereka itu kapada anak² orang Melayu yang mana perkara ini ada-lah satu perkara yang berat yang akan merosakkan otak anak orang Melayu dalam segi ugama.

Kalau sakira-nya di-adakan grant yang di-beri sa-banyak 2 million lebih untuk mengadakan pelajaran ugama di-sekolah² tetapi tidak di-tegahkan ajaran kristian, siaran kristian di-ajar kapada anak² kita maka Kementerian ini akan kechiwa dalam perkara ini.

Mr. Speaker: Perkara ini juga di-ungarkan, pada hal ada pehak P.M.I.P. berchakap atas perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tetapi oleh sebab di-bangkitkan. Sekarang saya berchakap di-muka 123 Sub-head 48. Examination. Tuan Pengerusi, baharu² ini kita ada membachah di-dalam surat khabar bahawa ujian atau pepereksaan yang di-untokkan kepada pegawai² telah menjadi bochor. Sa-belum mereka itu masuk ka-dalam tempat² pepereksaan itu mereka² itu sudah mengetahui isi kandongan kertas pepereksaan itu maka ini satu perkara yang pelek. Oleh sebab yang demikian, saya harap kepada Menteri supaya mengambil langkah supaya perkara itu tidak lagi jadi di-masa yang akan datang.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat tetapi saya rasa bukan

sahaja terima kaseh dan tahniah tetapi sa-patut-nya di-beri satu kalongan bunga raya atau bunga kebangsaan kepada Yang Berhormat itu oleh sebab ia telah menunaikan kewajipan-nya menguntokkan wang yang banyak berkenaan dengan pelajaran Bahasa Kebangsaan, ia itu dalam Bahasa Kebangsaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka hampir² \$1.3 juta. Juga kepada Bulan Bahasa Kebangsaan sa-banyak \$50,000. Di-samping itu saya rasa dalam Sub-head 70 dan 78 sa-banyak hampir² \$5 juta di-untokkan berkenaan dengan pelajaran ugama. Ini ada-lah di-sambut baik oleh seluroh ra'ayat khas-nya orang² Melayu di-Persekutuan Tanah Melayu ini dan menepati-lah dengan janji² Perikatan dalam manifesto-nya dan juga dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengatakan ugama Islam itu ia-lah ugama resmi. Tetapi saya dukachita ada juga pehak P.M.I.P., Yang Berhormat daripada Ipoh dan Mengelembu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bangsar—Socialist Front yang selalu-nya menunjukkan belang-nya terhadap Bahasa Kebangsaan ini.

Dalam Sub-head 27. Training of Teachers in U.K. yang memakan belanja hampir empat sa-tengah juta ringgit ini ada-lah saya rasa banyak Ahli Yang Berhormat telah berchakap. Tetapi perkara ini terpaksa saya beri tahu oleh sebab ada rayuan dan rungutan di-antara penuntut² di-Kirkby dan Brinsford di-satu pehak dan penuntut² di-Gelugor di-Pulau Pinang di-satu pehak yang lain. Jadi, penuntut² yang balek dari Kirkby dan Brinsford Lodge ini menganggap diri mereka itu lebih pandai lagi daripada penuntut² di-Gelugor Pulau Pinang. Jadi, Peteng-karan di-antara dua pehak ini berlaku yang penuntut² di-Gelugor itu berfikir bahawa Diploma atau Tauliah² yang mereka itu dapat ada-lah sama juga dengan penuntut² daripada Kirkby dan Brinsford. Dan ada tuduhan² mengatakan penuntut² Kirkby itu bukan-lah lebih berpengetahuan. Ada sa-tengah-nya, apabila balek daripada belajar itu, ta' tahu lagi katakan "orang" tetapi "oreng" dan Kelang ta' di-katakan Kelang tetapi "K leng, ini bukan-lah rungutan saya tetapi rungutan daripada penuntut² Gelugor Pulau Pinang.

Berkenaan dengan Sub-head 43 ia-
itu Grants to Local Education \$114,000,000 daripada \$189 juta yang di-untokkan ia-lah bagi pelajaran ini. Sunggoh pun wang itu akan di-bagi kepada negeri² dan negeri² itu pula akan di-bagi²kan kepada sekolah². Sekolah² itu ada Jema'ah Pengurus dan Jema'ah Pengelola atau Governor-nya. Jadi, sekolah² itu akan di-tadbirkan di-bawah Jema'ah ini. Ada sa-tengah Jema'ah sekolah² ini membenarkan sekolah² itu di-gunakan sa-bagai tempat hula² dan rock and roll. Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat ini mengambil perhatian dan menghantar circular (surat keliling) kapada Jema'ah sekolah² atau pun di-semua sekolah² supaya jangan di-benarkan lagi sekolah² itu menggunakan tempat untuk hula² dan rock and roll. Saya minta juga kepada Yang Berhormat supaya di-dalam soal menghantar surat² ini di-masukkan juga berkenaan dengan pakaian guru². Pakaian ini ada-lah di-hebohkan dalam surat² khabar ia-itu ada sa-tengah² guru pakai seluar yenki dan guru² perempuan-nya pula pakai kain bolero dan sa-bagai-nya. Dan lagi guru² yang bukan Melayu pula memakai chongsum ketat potongan shape. Jadi ini yang mendukachitakan saya oleh sebab kalau guru² itu kenching berdiri maka kanak² pun akan kenching berlari. (*Ketawa*).

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun di-sini menyokong dan men-angku²kan Anggaran Perbelanjaan yang di-buat oleh Menteri Pelajaran bagi tahun 1961 ini. Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap tentang Sub-head 70 ia-itu di-muka 124, walau pun banyak Ahli Yang Berhormat di-dalam Dewan ini sudah berchakap tetapi, Tuan Pengerusi, saya berchakap ini ada-lah berlainan sadikit. Tuan Pengerusi, saya menguchapkan banyak² terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah menguntokkan wang sa-banyak \$500,000 untuk bantuan kepada sekolah ugama ra'ayat di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini.

Tuan Pengerusi, baharu tadi ia-itu sa-orang dari Yang Berhormat dari pehak P.M.I.P.—dari kawasan Pasir Mas Hulu yang telah mengatakan yang

pehak Kementerian ini atau pun Menteri ini telah menjalankan atau pun mengatorkan perbelanjaan² kapada sekolah² ugama ra'ayat ini ia-lah dengan memandangkan kaseh atau pun party². Tuan Pengerusi, di-sini saya menguchapkan lagi sa-kali tahniah kepada Menteri Pelajaran ini kerana saya tahu Menteri Pelajaran ini bukan sahaja sa-orang yang chekap dan bijaksana dalam pentadbiran negeri bahkan sa-orang yang alim juga dalam hal ugama. Kerana dia sedar, dia tidak mahu tanggong dosa sama² maka sebab itu saya rasa bagi peruntukan sekolah² ugama ini kapada pehak PAS atau P.M.I.P.

Mr. Speaker: Perkara itu sudah lain daripada perkara yang kita hendak bahathkan ini. Jadi, tolong-lah jangan chakapkan perkara itu.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Saya chuma hendak jawab tudohan.

Mr. Speaker: Saya tidak bernarkan.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus: Jadi, itu-lah, Tuan Pengerusi, kerana Menteri kita ini alim dalam ugama dan dia tidak mahu tanggong dosa sama; kerana wang ini saya dapat tahu daripada Menteri Kesihatan sa-bahagian kecil-nya ia-itu tiga million adalah chukai daripada wang loteri. Tuan Pengerusi, saya juga menguchapkan terima kaseh kapada peruntokan \$500,000 ini kerana Dewan Bahasa dan mudah²an wang peruntukan ini dapat-lah di-jalankan dengan betul² bersangkut dengan ugama Islam. Kerana, Tuan Pengerusi, dengan wang bantuan ini pehak negeri Kedah saya perchaya Yang Berhormat Menteri ada-lah menujuk bantuan ini ka-negeri Kedah, sebab negeri Kedah tanggonan-nya luas dan kalau boleh biar-lah \$500,000 itu di-untokkan di-negeri Kedah sahaja. Maka dengan yang demikian \$500,000 ini mudah²an dapat-lah kita menghapuskan segala kesesatan ugama yang telah di-jalankan di-satengah² tempat di-Kedah sa-hingga ada juga yang perchaya "bulan bintang" itu di-gantikan dengan "Tuhan". Maka dengan wang ini dapat-lah di-hapuskan keperchayaan yang luar biasa itu.

Lagi satu yang saya hendak berchakap tentang sub-head 76—Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka ini saya shorkan walau pun saya perchaya telah ada rancahan dari pehak Kementerian ini yang akan mengeluarkan buku² yang lebeh banyak lagi. Saya sangat sukahita dan bersetuju sa-kira-nya Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengeluarkan buku² peruntukan sekolah, bukan sahaja Sekolah² Melayu atau Sekolah² Kebangsaan malah di-Sekolah² Inggeris juga. Pada masa sekarang ini di-Sekolah² Inggeris yang saya tahu dalam negeri Kedah sahaja umpsama-nya, buku²-nya tidak-lah terator dengan sebetul-nya. Mithal-nya jikalau sa-saorang itu ada anak 3 orang dia dudok dalam darjah 1, 2 dan 3 maka apabila naik darjah—darjah 1 naik darjah 2, darjah 2 naik darjah 3 dan seterusnya maka kita tidak dapat hendak menggunakan buku² yang di-tinggalkan oleh abang-nya itu kerana berlainan sangat. Habis banyak dapat di-gunakan ia-lah 2-3 buah buku sahaja yang dapat di-beri kapada murid² yang baharu hendak naik darjah itu.

Dan lagi sa-kira-nya guru² Kerajaan yang dudok di-sasuatu daerah itu bertukar ka-daerah lain maka terpaksa-lah buku² itu pun di-tukar juga kepada buku² yang lain, kerana tiap² guru yang mengajar di-sekolah itu menggunakan buku² yang berlainan. Pada perasaan saya tentu-lah akan menjadi kesusahan kapada ibu bapa orang² miskin yang hendak menukarkan buku² dengan selalu-nya dengan mana belum sampai pepereksaan lagi.

Maka saya berharap supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengator dan mengeluarkan buku² untuk Sekolah² Inggeris dengan sempurna-nya melalui pehak Kementerian Pelajaran ini, dan saya perchaya Kementerian ini dapat menyusun dan mengator semua buku² dalam Persekutuan Tanah Melayu supaya dapat di-samakan buku² di-tiap² sekolah terutama sekali Sekolah Inggeris.

Enche' Hussein bin To' Muda Hasan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama² dengan sahabat saya hendak berchakap berhubong dengan Kementerian Pelajaran kerana atas usaha²-nya hendak meninggikan

darjah pelajaran dalam negeri ini. Muka 114, item (411); (413); (414); (418) dan (419). Sunggoh pun jawatan² itu tidak di-bawah tadbiran Kementerian Pelajaran akan tetapi saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat berunding dengan pegawai yang berkenaan berhubong dengan jawatan² ini. Saya tumpukan di-atas jawatan² kerani dalam Pejabat² Pelajaran, kerana lanchar dan lichin-nya sa-sabuah pejabat itu berjalan pentadbiran Kerajaan-nya ada-lah bergantong kapada kechekapan kerani²-nya. Saya fikir kerani² dalam apa pejabat sekali pun ada-lah sa-bagai tulang belakang bagi pentadbiran, oleh sebab saya berkata demikian ia-lah kerana memandangkan Kementerian Pelajaran dan juga Pejabat Pelajaran dalam Negeri² yang semakin sa-hari semakin bertambah kerja-nya dan kerani² di-sini pun telah banyak juga bertambah kerja² mereka.

Maka saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat berunding dengan Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan jawatan² ini supaya di-jadikan segala kerani² dalam Pejabat Pelajaran itu saperti jabatan² yang tertutup—close department sa-bagaimana yang kita dapati dalam Pejabat² Polis, Postal Services dan juga Jabatan Keretapi. Nampak-nya jikalau kerani² itu di-buat dengan tertentu, membuat pekerjaan-nya, maka saya rasa segala dasar dan pentadbiran² Kementerian ini akan boleh di-jalankan dengan lanchar-nya dengan tidak di-ganggu oleh sebab pertukaran kerani² daripada Pejabat Tanah, ka-Pejabat Pelajaran, ka-Pejabat Ugama dan lain² lagi. Dan juga saya suka memberi pandangan sunggoh pun perkara ini tidak dalam jagaan Kementerian tetapi ia-lah dalam urusan Pejabat Pelajaran Negeri berkenaan dengan melantek guru² besar di-Sekolah² Kebangsaan. Saya berpendapat guru² besar itu mengikut perkembangan pada masa sekarang dan kerana lebeh besar perjalanan dasar pelajaran pada masa ini maka elok-lah tiap² guru² besar di-Sekolah Kebangsaan itu di-pileh daripada sa-orang guru yang berjiwa progressive dan jangan-lah di-pileh daripada guru² yang sudah tua kerana mereka ini hanya hendak menantikan penchen dan hendak membuat harta sahaja.

Muka 121, sub-head 19—Maintenance of Hostels and Cost of Board. Di-tempat saya ada satu Pusat Latehan Guru—Day Training Centre. Penuntut² yang di-hantar belajar di-Pusat Latehan itu ada juga yang datang-nya dari Johore, Negri Sembilan, Melaka dan juga Selangor, tetapi rumah tumpangan tidak ada. Penuntut² ini saya dapati hanya menyewa rumah² burok dan menumpang di-rumah² kawan. Maka rasa saya untok menyenangkan penuntut² itu sa-harus-nya kalau dapat Kementerian ini mendirikan hostel bagi Pusat Latehan ini dengan seberapa segera-nya, sebab saya dapati tapak untok bangunan hostel itu telah pun di-sediakan.

Sa-malam saya telah mendengar fikiran yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir yang mengatakan bahawa sekolah² besar dan bangunan² tinggi di-dirikan di-ibu kota sahaja. Ini saya suka memberi penjelasan kapada Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam negeri Pahang walau pun di-uluh² sekali pun ada sekolah yang tinggi dan chantek telah di-dirikan, di-jajahan Temerloh, sa-buah sekolah yang di-dirikan dengan chantek-nya dalam kampong dengan memakan belanja sa-banyak \$300,00 dan sa-buah lagi telah di-dirikan di-Telok Sentang yang memakan belanja sa-banyak \$260,000 maka bagitu-lah di-tempat² yang lain. Pendek-nya orang² kampong yang tidak pernah melihat rumah atap bata dahulu, sekarang ini sudah dapat melihat.

Enche' Lee Seck Fun (Tanjong Malim): Mr. Speaker, Sir, the Alliance Government should not be forgotten but should be congratulated for its policy in securing a place in school for every child of school-going age and towards making preparations for the implementation of some of the proposals contained in the Education Review Committee's Report, and that requires an increased sum of \$14.8 million for Education in 1961.

Sir, much criticisms have been made by Members of the Opposition as regards those children who did not secure either an "A" or a "B" grade in the Entrance Examination and are thrown out of school. Most of the

suggestions made by them will require extra expenditure. Mr. Speaker, Sir, I am sure that every Honourable Member in this House knows that travelling in a big car is much more comfortable than travelling in a small one. Having heard the speech made by the Honourable Minister of Education, Sir, we are aware that his Ministry is year by year doing more and more with whatever funds that can be made available to his Ministry. The Alliance Government, since it came to power, has never made any false promise to the people, and it always believes that honesty is the best policy. It should be proud, due to the fact that our country

Mr. Speaker: You are talking on something which is not relevant to the estimates before the House. I can allow you a certain amount of latitude on the preamble. (*Laughter*).

Enche' Lee Seck Fun: Mr. Speaker, Sir, since I am not allowed to go further than that, I shall now touch on page 123, sub-head 43, Grants to Local Education Authorities, particularly of the Chinese Primary Assisted Schools who, I feel, should jointly give a vote of thanks to the Alliance Government for having taken over the financial responsibilities from them in running their schools. Mr. Speaker, Sir, the headmasters and teachers should also be thankful. They should recall back to the days when they were paid by the school itself. I am sure they cannot deny that they are better off now than they were before. I am sure most of the Honourable Members are aware that most of them now possess cars and live in big dwelling houses. Also, with the grant, all primary schools now have sweepers, watchmen and gardeners where most of them do not have since they were started 20 or 30 years ago.

Mr. Speaker, Sir, I now turn to page 124, sub-head 70, Aid to Non-Government Muslim Religious Schools. I am glad to note that the Honourable Minister concerned has increased this aid by \$100,000 as that of last year and therefore he is aware of the rapid increase of Muslim religious schools throughout the country. I would appeal

to the Honourable Minister to make a note of the Muslim Religious Schools in Kampong Bikam, Sungkai, which recently constructed a new building with its own funds; Kampong Birop, Tanjong Malim, the school building was constructed on two acres of land donated to the school by a member of the school committee; and lastly, Kampong Balun, Slim River, which was declared open by the Honourable Assistant Minister of Education nearly a year ago. The school committees of these schools are very energetic and reliable, and I hope that under such circumstances the Honourable Minister will favour them with an increased grant.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Mohd. Salleh (Segamat Utara): Tuan Yang di-Pertua, pada saya, walau bagaimana pun keadaan Estimates di-bawah Head 18 ini ia-lah suatu perbekalan untuk Kementerian Pelajaran menjalankan usaha²-nya bagi menyampaikan maksud dasar pelajaran, sa-kurang²-nya seperti yang kita nampak daripada Estimates tahun 1961 ini.

Saya perchaya dengan usaha² yang ada dalam Estimates ini dan dari satubun ka-satuhun yang akan datang dasar pelajaran untuk menyatu-padukan ra'ayat negeri ini tetap akan dapat di-jayakan.

Dalam uchapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran saya ada mendengar ia-itu tujuan-nya hendak menyatu-padukan ra'ayat negeri ini melalui dasar pelajaran. Tetapi saya tidak dapat mendengar dan memerhatikan dalam uchapan itu satu usaha untuk menyatu-padukan guru. Pada pendapat dan pandangan saya patut-lah di-usahakan untuk menyatu-padukan guru² daripada semua gulongan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Walau bagaimana pun kita bermaksud hendak menyatu-padukan ra'ayat negeri ini pada masa yang akan datang ia-lah dengan jalan menyatu-padukan guru² yang mengajar di-sempena sekolah dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Saya katakan guru² ini mustahak-nya ada chara² di-satu-padukan. Mengikut maksud pelajaran, pehak ra'ayat negeri ini tentu-lah suka hendak menengok

dan hendak melihat natijah daripada pelajaran yang di-berikan kapada anak² negeri ini betul berkesan dan mendaangkan munafa'at kapada ra'ayat negeri ini. Mengikut waktu sa-masa saya menjadi guru, juga saya katakanlah bersatu-paduan guru² ini sangat mustahak kerana di-kalangan guru pada masa yang akan datang ini, pada pandangan saya dalam sa-buah sekolah akan mengandungi berbagai² guru dan daripada berbagai² kaum. Ada guru² yang mengajar bahasa kebangsaan dan ada yang mengajar ugama. Harus dalam Sekolah² Kebangsaan yang akan datang ini tidak akan melantek atau menentukan guru²-nya daripada orang Melayu bahkan daripada apa jua kaum yang berkelayakan boleh mengajar di-dalam sa-sabuah sekolah dan tegas-nya pada hari ini kita lihat di-dalam Sekolah Inggeris sendiri ada mengandungi berbagai² kaum di-dalam-nya. Di-situ-lah pada pandangan saya di-antara satu gulongan guru dengan satu kaum sangat-lah mustahak pehak Kementerian Pelajaran memikirkan chara guru² ini dapat di-satu-padukan. Kerana dengan apa yang ada sekarang ini yang kita tahu umpama-nya di-kalangan guru² yang dapat latehan dan di-kalangan guru² yang tidak dapat latehan, memang-lah di-antara-nya tidak dapat sa-haluan atau tidak dapat sa-kata kalau hendak menunjukkan kepada kemajuan pelajaran di-dalam sa-buah sekolah. Kalau hendak pergi kapada mendapatkan natijah pelajaran yang lebih, saya terasa-lah perpaduan guru² ini lebeh² lagi mustahak di-fikirkan sekarang. Kerana di-antara satu gulongan guru ini tidak-lah boleh menerbitkan di-dalam-nya pandangan tinggi atau rendah. Umpama-nya, sekarang kalau kita lihat kapada guru² yang berperingkat² boleh-lah di-katakan guru² yang mendapat gaji lebh memandang rendah kapada guru² yang kurang gaji-nya. Bagitu-lah di-antara satu bahagian pelajaran itu tidak dapat nanti memuaskan pada hendak mencapai natijah yang baik seperti yang saya katakan tadi itu.

Saya teringat sa-masa saya menjadi guru dahulu, sa-masa Jepun saya sendiri sa-orang guru yang mengajar ugama di-dalam sa-buah sekolah dan saya sendiri juga mengajar satu dua

mata pelajaran daripada bahasa Melayu dan juga mengajar dalam bahasa Jepun. Jadi, sa-benar-nya kedudukan saya sa-orang guru ugama saya juga mengajar pelajaran sekolah Melayu dan juga mengajar pelajaran bahasa Jepun. Jadi, saya terasa waktu saya mengajar dalam mata pelajaran sekolah Melayu apa yang terselit bahagian ugama dalam pelajaran ugama sekolah Melayu itu saya dapat menguatkan dan dapat menerangkan maksud satu² pelajaran yang ada bersangkutan dengan ugama. Bagitu juga bila saya mengajar bahasa Jepun, bila saya berjumpa satu² benda menguatkan perkara yang mengenai pada mata pelajaran sekolah Melayu saya juga dapat menguatkan mata pelajaran itu melalui bahasa Jepun. Jadi, saya juga berjumpa banyak kawan² saya di-dalam sekolah seperti saya itu umpama-nya daripada guru sekolah yang mendapat latehan Tanjong Malim, saya tahu dia mengajar bahasa Melayu dan juga ada mempunyai pengalaman ugama di-dapati di-Tanjong Malim, waktu mengajar mata pelajaran Melayu dia juga dapat menguatkan perkara ugama yang bersangkutan dalam-nya. Jadi, di-sini saya teringat dan terasa-lah bahawa guru² walau pun daripada kalangan yang berlainan dalam sa-sabuah sekolah itu kalau chara² satu-padu itu ada kapada guru² ini yang boleh dikatakan pelajaran yang di-ajar di-sekolah² ini lebeh memberi kesan yang boleh dapat natijah yang lebeh baik yang di-harapkan oleh ibu bapa.

Dan saya terasa perkara di-bawah Sub-head 46 dalam Estimate ini pehak Kementerian ini mengadakan \$2,500,000 kerana mengadakan guru² sekolah ugama dalam sekolah² di-masa yang akan datang ini, saya ta' nampak dalam Estimate ini ada di-untokkan pada bahagian² yang lain hanya-lah di-sekolah menengah dan sekolah permulaan atau awal itu sahaja. Jadi, ini tentu-lah pada hendak memberi maju pelajaran ugama a kapada kanak² sekolah tetapi apa yang di-maksudkan di-sini saya suka-lah menchadangkan kapada Kementerian Pelajaran ini dapat kira-nya usaha menyatu-padukan guru² ini tadi

melalui pelajaran ugama, elok-lah guru² ini di-beri juga pelajaran² ugama dengan sa-bahagian daripada Estimate ini yang patut di-berikan kapada perkara ini.

Saya memang-lah nampak perkara ini sangat² mustahak, kerana di-sini-lah dapat kita selesaikan. Kalau sa-kira-nya guru² sekolah ini pehak orang² Melayu khas-nya orang² yang berugama Islam dan guru² yang bukan berugama Islam juga dapat kita susun dan kita atorkan guru² ini. Kalau pehak orang² Melayu yang berugama Islam mengerti betul² dalam perkara ugama tidak-lah boleh nanti berbangkit sa-bagaimana yang di-sungutkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang dalam sekolah itu ada siaran² ugama Christian yang berjalan pada hari ini. Saya perchaya pehak guru² Melayu yang berugama Islam tidak sa-kali² sanggup hendak menjalankan siaran itu, tetapi kalau di-sekolah ada guru² yang bukan berugama Islam yang mengerti dan faham di-sekolah itu bukan-lah sa-bagai satu alat yang boleh menyiaran ugama Christian maka tentu-lah siaran itu tidak akan berlaku di-sekolah² itu. Maka di-sini-lah timbulnya saperti mana yang saya katakan tadi menyatu-padukan guru² sekolah itu yang sangat mustahak bagi semua bahagian² guru dengan di-adakan kursus umpama-nya atau Kementerian ini mengadakan satu kumpulan pegawai² khas kerana memberi kursus kapada guru² supaya guru² itu me-nyetahuⁱ dengan sa-penoh²-nya dasar pelajaran dan apa yang patut ditanggong menjadi kewajipan guru² yang mengajar di-sekolah² itu.

Maka ini sa-bagaimana yang saya katakan tadi tidak-lah akan timbul perkara² yang kita sungutkan ini dan saya yakin orang² Melayu atau guru² Melayu yang berugama Islam khas-nya dalam perkara ugama Islam ini tidak akan timbul di-sekolah² pada masa yang akan datang dan guru² yang bukan berugama Islam yang mengajar di-sekolah² itu ada-lah menjadi kewajipan mereka yang ugama tidak di-champorkan. Guru² sekolah ugama yang akan di-letakkan di-sekolah itu juga akan di-fikirkan lain² mata

pelajaran dan itu ada-lah perkara guru-nya sendiri bukan-lah sangkut paut dengan-nya.

Dengan ini saya menchadangkan kapada Kementerian Pelajaran dua perkara yang saya nampak berkenaan dengan guru² Melayu yang berugama Islam walau apa jenis sekolah sakali pun sangat-lah mustahak di-beri kursus dalam perkara ugama.

Dan yang kedua di-antara semua kalangan guru² juga patut di-adakan kursus yang tertentu supaya guru² itu tahu memikul tanggong jawab masing² atas semua kalangan guru².

Wan Yahya bin Haji Wan Mohamed (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya bangun ada-lah mengambil bahagian menguchapkan setinggi² t a h n i a h kapada yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam mengemukakan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian-nya yang sunggoh memuaskan dan sunggoh memberi erti yang baharu pada kemajuan pelajaran dalam negeri ini.

Saya juga ingin berchakap dalam fasal sub-head 46—Grants for Religious Instruction in Assisted Primary and Secondary Schools. Mengikut apa yang saya tahu perundingan di-antara Kerajaan Negeri di-satu pehak ia-itu Lembaga Pelajaran Negeri dan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu di-satu pehak yang lain dan Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu di-pehak yang ketiganya sudah-lah pernah di-buat berhubung dengan mengadakan guru² ugama bagi sekolah² rendah kebangsaan dan perundingan² ini sudah pun di-mulakan dalam tahun 1958. Yang saya membawa perkara ini ia-lah bagi Kementerian yang berkenaan, kerana sa-hingga hari ini belum-lah ada satu chara yang baharu yang pernah saya dengar setakat mana-kah kemajuan yang telah di-dapati dalam memasokkan guru² ugama sechara langsung ka-dalam Sekolah² Melayu ini. Maka dengan sebab itu jikalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat memberikan sadikit kenyataan ia-itu sa-hingga kemana-kah ranchangan ini sudah berjalan. Perkara yang mustahak sekali yang harus mendapat

titik² pertemuan di-antara Majlis Ugama Islam di-satu pehak dan Lembaga Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran di-satu pehak yang lain ada-lah dalam soal menentukan gaji bagi guru² ugama itu yang pada masa ini guru² ugama yang mengajar di-sekolah menumpang di-Sekolah² Kebangsaan ia-lah dengan peruntukan Kerajaan Negeri dan sa-bahagian-nya daripada wang zakat. Sedangkan masa yang di-tugaskan untuk mengajar di-sekolah petang itu ada-lah sangat terhad, maka dengan ada-nya pertukaran masa ia-itu guru² ugama akan di-tukarkan mengajar di-sabelah pagi mengikut masa pelajaran di-Sekolah Kebangsaan sekarang ini. Maka masa itu sudah menjadi panjang dan gaji di-timbangkan mengikut satu dasar baharu.

Kedua-nya berhubung dengan sukatuan pelajaran dalam Sekolah² Rendah Kebangsaan ini bagi seluroh Persekutuan Tanah Melayu hendaknya ada-lah menjadi sama dan sukatuan² pelajaran ugama yang akan di-ajar di-Sekolah² Rendah itu sa-hingga hari ini belum-lah kita dapat tahu dengan jelas-nya daripada mana dan kapada mana dan sa-hingga kamana sukatuan ini yang patut di-beriikan kepada murid² itu.

Dengan ini saya sangat sukachita sakira-nya dapat Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini memberikan sadikit sa-banyak di atas hasil² yang telah di-mulakan perundingan-nya sejak dalam tahun 1958 dahulu.

Ketiga berhubung dengan muka 124, sub-head 70—Aid to Non-Government Muslim Religious Schools—bantuan kepada sekolah² ugama Islam yang bukan Sekolah Kerajaan. Dalam perkara ini telah banyak Ahli² Yang Berhormat berchakap maka saya tidak-lah hendak menyambong chakapan yang serupa itu, chuma saya hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran ia-itu di-dalam perkara ini kapada siapa-kah bantuan ini yang patut di-berikan? Kerana sa-bagaimana yang kita telah mengalami dalam masa² yang lalu di-mana ada di-antara sekolah² di-satu pehak dan Majlis Ugama Islam atau pun Majlis

yang mengelolakan sekolah itu di-satu pehak yang lain yang mana sudah bertengkar dalam menerima soal bantuan ini. Kata Majlis Ugama Islam mereka ada hak menerima wang ini, kemudian akan di-beri kepada sekolah² mengikut pertimbangan mereka sendiri dan dalam sekolah² ugama ini ada mempunyai Jawatan²-Kuasa yang tersendiri yang mereka mengatakan bahawa mereka ada hak menerima bantuan ini se secara langsung.

Maka dengan ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya membuat satu dasar yang tertentu atau yang tetap dan tegaskan kapada siapa-kah yang berhak menerima-nya. Pada pendapat saya Jawatan-Kuasa Sekolah Ugama ini-lah yang berhak menerima bantuan itu secara langsung, kerana mereka-lah yang bertanggong jawab kapada bangunan dan kapada perbelanjaan sekolah itu.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1961

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

Debate resumed on Question:

That the sum of \$189,417,677 for Head 18 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Woo Saik Hong (Telok Anson): Mr. Speaker, Sir, I would like to touch on Item (17), page 101, Adviser on Commercial Education, and Item (32), page 102, Adviser, Technical Education. From these two items, we do know that the Honourable the Minister of Education has interest in and foresight to include these two items.

Sir, in our ordinary system of secondary education, during these few years a few thousand students have passed their Senior Cambridge and Senior Middle III Examinations. But, Sir, as a result of this sort of secondary education, after passing out there is the

question of whether they can get employment or not. Therefore, I would say that this is a big step forward. Also, from these two items that have been entered in the Estimates, it can be seen that the Minister is planning to have vocational schools, which are very popular in other countries. Whilst we in Malaya do have a few commercial schools, which are privately run, the fees charged are exorbitant.

Sir, we know that the present system of secondary education is to prepare children for academic studies, but then not everyone has got the chance to go for higher studies. So, I would like to take this opportunity to congratulate the Minister for his foresight and for taking the interest in providing for these two items; in other words, the Minister concerned is looking into this matter, and I hope that in the very near future, we will have quite a lot of vocational schools. Vocational schools will give students some sort of practice or learning, so that when they come out to face society, at least, they will be better equipped to earn a living from what they have learnt in the vocational schools, especially the commercial schools: for instance, after having been given training in book-keeping, shorthand, typewriting and correspondence, when they come out they are better equipped than the ordinary academic students, who come out from the ordinary secondary education classes. So, I think, I could say that the Ministry is having this matter in mind, and I hope that in the very near future we will see a number of these vocational schools springing up.

Sir, with reference to the speech made by the Honourable Minister, I am very happy to hear that a number of Chinese Secondary Schools, either partially aided or independent, have applied for full assistance; and we are also happy to hear that the Minister is considering their applications with favour. I hope the Minister will do whatever is within his means to give these applications some sort of priority, so that it will encourage others to follow their footsteps, and that in time to come all the secondary schools who have not applied for full

assistance will come into the arms of the Government.

Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said: Tuan Pengerusi, saya bangun di-sini menyokong perbelanjaan yang telah di-buat oleh Kementerian Pelajaran. Saya rasa lega sa-bagaimana ibu bapa dan anak² yang haus kapada pelajaran di-kampong² tentu-lah merasa nikmat-nya. Tuan Pengerusi, sunggoh pun bagitu, saya menarek perhatian Menteri Pelajaran kerana di-kawasan saya di-Rembau dan Tampin ada mempunyai dua buah sekolah Inggeris, satu di-daerah Undang Rembau dan satu lagi di-daerah Tampin. Tuan Pengerusi, dukachita saya di-kedua² sekolah ini tidak ada mempunyai asrama. Anak² yang datang belajar di-kedua sekolah ini dudok-nya 7 atau 8 batu dari kawasan sekolah itu. Maka dengan ini saya merayu kapada Menteri yang berkenaan supaya mengambil satu timbangan di atas kedua² buah sekolah ini sa-macham mana yang telah di-katakan oleh orang tua²: "Bertimbang biar-lah sama berat dan berbagi biar-lah sama banyak".

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di atas muka 125, Sub-head 80 berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan. Tuan Pengerusi, Bulan Bahasa Kebangsaan ini yang ada di-sebutkan di atas ini belum lagi di-amalkan maksud-nya. Saya berasa bangga Bulan Bahasa Kebangsaan sakira-nya berjaya tentu-lah itu satu di-ri pada tempahan² kita. Bulan Bahasa Kebangsaan ada-lah satu tempahan menunjukkan yang Kerajaan negeri ini hendak membina satu bahasa kebangsaan dengan sa-chara tidak langsung. Oleh itu di-harap tentu-lah pehak Kementerian ini akan mengambil tugas yang lebih sempurna. Sa-elok²-lah sa-tiap pegawai Kerajaan atau tiap² Pejabat yang berkenaan dengan ini mestilah mengambil tugas yang utama. Saya percaya, Tuan Pengerusi, dalam negeri ini ada 70 peratus lebih manusia yang pandai bertutur dalam bahasa kebangsaan tetapi malang-nya mereka tidak menggunakan-nya. Sa-hinggakan sasmasa Minggu Bahasa Kebangsaan yang telah lalu itu pun bagitu juga mereka menggunakan bahasa lain.

Enche' Mohamed Nor bin Mohd. Dahan (Ulu Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap berkenaan dengan muka 123 bahagian Lembaga Pelajaran Tempatan. Didalam soal ini saya suka menarek perhatian daripada pehak Kementerian Pelajaran barangkali banyak dari tempat² di-dalam Persekutuan Tanah Melayu kita ini yang sekolah-nya jauh², terpencihil di-ulu² atau di-tengah² hutan. Sa-umpama ada sa-buah kampong ia-itu Temengor dudok-nya lebih kurang 30 batu di-tengah² hutan dan tidak ada jalan raya melainkan sungai yang deras ayer-nya. Jadi, yang demikian, saya harap pehak Kementerian ini supaya mengadakan satu Estimate kepada guru² yang mengajar di-tempat ini. Saya tahu kebanyakkan guru² ini barangkali pada tiap² kali chuti penggal dia keluar menerima gajinya sedangkan barang² di-tempat itu jauh lebih mahal daripada tempat lain. Sebab pada masa yang lalu kawasan ini hanya boleh sampai dengan menaiki gajah sahaja. Jadi, saya rasa, tempat yang sa-macham ini patut-lah di-beri keistimewaan kepada guru² yang bekerja di-tempat itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita tentu-lah menguchapkan banyak terima kaseh di atas penubohan Jawatan-Kuasa yang telah banyak menolong bagi memajukan bahasa Kebangsaan dalam negeri ini. Tetapi apa yang saya hendak menarek perhatian di-sini ia-lah berkenaan dengan istilah² yang di-keluarkan oleh Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka ini. Saya minta-lah kapada pehak Dewan Bahasa dan Pustaka supaya meminta kerjasama daripada Pejabat² yang lain supaya istilah yang di-keluarkan oleh Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka itu di-samakan. Satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, di-negeri Perak memakai Pegawai Jajahan, saya rasa, di-negeri Johor pula ada-lah tidak sama ia-itu di-pakai Pegawai Daerah. Kalau kita berjalan di-tepi jalan raya kita nampak ada papan nama tertulis "Tempat Pechah Batu". Sedangkan di-tempat lain tertulis, Tempat Kilang Batu. Saya suka mengeshorkan jika-lah ada satu² perkataan Inggeris itu susah sangat, hendak di-jadikan bahasa

Melayu, biar-lah kita Malayangkan sahaja perkataan itu. Kerana ada perkataan² yang barangkali sadikit susah pada sa-tengah tempat umpamanya "Telephone Exchange", ada tempat² yang menterjemahkan-nya "Ibu Sawat". Jadi, saya rasa, tidak sesuai dengan tempat-nya, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pada itu pun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menguchapkan tahniah kepada pehak Menteri yang berkenaan di atas kemajuan² yang telah di-buat di-dalam lapangan pelajaran di-negeri ini, kerana nampak kita mula berapa banyak perubahan² yang kita dapati. Jadi, hal ini saya rasa tidak-lah sa-bagaimana yang dituduhan oleh Yang Berhormat wakil daripada Kota Bharu Hilir yang sa-olah²-nya daripada tuduhan itu tidak-lah ada apa² perubahan berlaku di-dalam negeri ini dalam hal pelajaran. Dan lebuh² lagi mengejutkan hati saya oleh kerana saya juga ada-lah bekas guru dan sa-bagai sa-orang guru yang telah bersara; walau pun saya muda (*Ketawa*)

AN HONOURABLE MEMBER: Sudah tua.

Mr. Speaker: Please proceed.

Enche' Mohamed Nor bin Mohd. Dahan: Ada-lah berkenaan dengan tuduhan yang telah di-lemparkan oleh Yang Berhormat wakil daripada Kota Bharu Hilir itu atas guru² Melayu yang mengatakan guru² Melayu boleh dikatakan langsung tidak menjalankan tugas-nya bagi mengajar murid². Saya rasa, jikalau guru² tidak menjalankan tugas-nya

Wan Mustapha bin Haji Ali (Kelantan Hilir): On a point of explanation.

Mr. Speaker: Explanation—tuan hendak beri jalan? (*Ketawa*).

Enche' Mohamed Nor bin Mohd. Dahan: Ta' beri (*Ketawa*). Sebab walau macham mana kuat sekali pun guru² itu bekerja ada-lah mustahil bagi semua murid² yang di-ajar-nya itu boleh lulus, kerana sepanjang pengalaman saya sa-bagai sa-orang guru, kalau 30 orang murid itu di-ajar tidak-lah 30 murid itu akan tamat semua-nya sebab ini ada-lah mengikut tingkatan otak atau kebolehan murid² itu dan

tuduhan wakil dari Kelantan Hilir yang juga sa-olah² kita ini saperti "Kachang melupakan kulit" dengan tidak menghargai guru² yang telah melateh kita dan juga termasuk semua Ahli² Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini. (*Tepok*).

Berkenaan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat dari PAS juga berhubong dengan guru² yang mana mengatakan pehak Kementerian ini berkuku besi—menekan guru² dalam hal ini, menyuroh mengikut kehendak UMNO. Hal ini juga saya rasa Kerajaan ada-lah terlalu 'adil dalam melayankan kehendak guru² itu, kerana jikalau-lah Kerajaan sa-benar-nya mahu menjalankan kuku besi neschaya banyak guru² yang telah di-buang kerja-nya semasa guru² menentang Perikatan dekat dengan pilehan raya dahulu, tetapi hal itu tidak berlaku. (*Hear! Hear!*) Tetapi apa yang saya fikirkan bahawa sebab-nya guru² itu sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat yang membuat perjumpaan menubohkan UMNO ia-lah dengan kesedaran yang telah timbul dalam hasrat dan jiwa guru² itu sendiri untuk

Mr. Speaker: Masaalah ini tidak di-jadikan perbahathan dalam Majlis ini. Saya fikir kalau di-pendekkan chakapan itu lebuh baik lagi.

Enche' Mohamed Nor bin Mohd. Dahan: Saya sa-bagai menjawab sahaja, Tuan Pengerusi.

Mr. Speaker: Saya bimbang jawapan tuan itu akan bertelagah dengan jawapan Menteri yang akan menjawab-nya nanti, kerana saya bagi pehak Majlis ini yang akan menimbangkan perkara ini tidak tahu yang mana satu betul. Saya chuma hendak mengingatkan terhadap tuduhan² yang semacham itu dan biar-lah kapada pehak yang bertanggong jawab dalam perkara ini yang akan menjawab-nya, di-sebabkan kalau jawapan yang datang dari Ahli itu bertentangan dengan jawapan Menteri kelak maka tak tahu yang mana satu betul dan ini akan menyebabkan tidak berapa bagus. Sebab itu-lah saya hendak mengingatkan. Saya tidak ada apa² dalam perkara ini.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Betul! Betul!

Enche' Mohamed Nor bin Mohd. Dahan: Saya ingat saya berchakap sa-bagai sa-orang guru dan tidak-lah mengenai dasar Kerajaan dan saya tidak hendak menjawab bagi pehak Menteri Pelajaran, tetapi sa-bagai . . .

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Untuk penjelasan—beliau itu sa-bagai ahli guru.

Mr. Speaker: Dia tidak beri jalan. (*Ketawa*). Jangan sambongkan lagi perkara itu—chari perkara yang lain!

Enche' Mohamed Nor bin Mohd. Dahan: Sebab apa, kerana kehendak sa-saorang itu tentu-lah tumboh dalam jiwa-nya sendiri dengan tidak payah di-paksa oleh orang lain, sebab sa-bagaimana kata orang bijak pandai: Kita boleh menarek kuda itu ka-sungai dan boleh menekan mulot-nya ka-dalam sungai, tetapi orang tidak boleh memaksa suroh dia minum. (*Ketawa*).

Enche' Ismail bin Idris (Penang Selatan): Tuan Yang di-Pertua, sambil saya menyokong peruntukan Kementerian ini suka-lah saya hendak menambahkan sadikit pandangan untuk perhatian Kementerian Pelajaran dalam Majlis ini ia-itu berhubong dengan muka 125, sub-head 82—Scholarships. Pada tahun ini saya telah menerima dua rungutan daripada ibu bapa murid² yang telah menerima scholarship daripada Persekutuan ini, tetapi malang-nya apakala pemberian scholarship ini di-terima oleh penuntut² itu maka tiba² datang satu surat lagi yang mengatakan oleh sebab dia tidak dapat masok University maka scholarship itu pun di-tolak. Ini satu perkara yang saya berasa kesal dan susah hati ter-hadap sa-orang murid yang telah lebeh kurang 80 peratus boleh di-katakan mendapat persetujuan dari pehak University dan scholarship itu telah pun di-terima daripada Persekutuan. Dan lebeh kurang 4 bulan telah di-terima surat provisional acceptance—4 bulan menugggu dengan harapan yang penoh dan kerja² yang di-buat-nya

itu telah tidak di-jalankan kerana dia telah meminta berhenti kerja, sebab hendak menunggu masok ka-University itu kerana ma'alum sahaja sa-saorang yang hendak pergi ka-University seberang laut tentu-lah berasa gembira dan gemar, tiba² 3 hari lagi yang sepatut-nya dia hendak pergi maka dia telah mendapat sa-puchok surat yang mengatakan bahawa permintaan-nya itu tidak di-terima. Maka betapa-kah di-kesalkan oleh student ini dan bagaimana kedudukan-nya pula di-masa hadapan.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, bagi meringkaskannya saya suka memberi penerangan bahawa pemberian berkenaan dengan scholarship ini ada-lah di-bawah urusan Public Services Commission.

Mr. Speaker: Berkennaan dengan pemberian scholarship ini ada-lah di-bawah jagaan Public Services Commision. Jadi kalau di-chakapkan pun perkara ini Menteri tidak boleh menjawab. Chari perkara yang lain!

Enche' Ismail bin Idris: Kalau tidak boleh saya pergi kapada perkara yang lain. Muka 126, sub-head 95—Text Books for Standard Schools. Soalan ini juga telah di-bangkitkan oleh sahabat saya wakil Kulim Utara. Biasa-nya sa-belum perang dahulu sa-sabuah sekolah di-sa-suatu daerah itu umpamanya darjah 5-6 biasa-nya text books tidak-lah di-tukarkan pada tiap² tahun, tetapi apa-kah sebab-nya pada masa sekarang ini tiap² tahun buku² pada satu² darjah itu di-tukarkan? Ini yang menyusahkan kapada orang² yang miskin yang pendapatan-nya kecil, oleh itu saya minta kapada Menteri Pelajaran sama ada dia bertanggong jawab atau tidak chuba-lah di-fikirkan dalam perkara ini.

Lagi satu berkenaan dengan Grants to Schools. Saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada Kementerian ini kerana mendirikan beberapa sekolah baharu dengan chukop sharat-nya dan di-samping itu saya sanjong tinggi kapada Malayan Teachers Training College yang serba-serbi-nya chukop ada padang bola, ada basketball court, tennis court dan semua-nya chukop.

Tetapi malang-nya, apabila sekolah kebangsaan di-Pulau Pinang meminta kepada Pegawai Pelajaran supaya mendirikan sa-buah canteen untuk murid² makan dan minum, jawab-nya, peruntukan bagi mendirikan canteen itu tidak ada. Kalau di-M.T.C. boleh di-adakan padang bola dan tennis untuk mengeluarkan peloh, saya rasa tidak juga kurang faedah-nya kalau di-adakan sa-buah canteen di-sekolah kebangsaan itu. Jawapan yang di-terima daripada Pegawai Pelajaran sangat-lah di-kesalkan apabila ia me-ngatakan: "biar-lah ini jangan di-jadikan tauladan" saya tidak tahu apa-kah ma'ana "biar-lah ini jangan di-jadikan tauladan".

Sa-lain daripada itu, oleh sebab dasar Penyata Rahman Talib hari ini ada-lah bertujuan supaya semua sekolah rendah hendak di-ajar bahasa Melayu, saya rasa tidak-lah pelek jika lalu sa-kira-nya semua sekolah yang di-bantu penoh oleh Kerajaan di-beri satu nama ia-itu "Sekolah Kebangsaan" jangan-lah di-sebut "Standard Type" kerana kita berkehendakkan satu tujuan.

Saya sunggoh kesal dan pelek apa-bila saudara saya daripada pehak PAS yang mengatakan waktu ia belajar di-Penang Free School dalam tahun 1941 tidak mendapat layanan daripada guru². Saya suka hendak menyatakan ia-itu saya ada-lah bekas murid Penang Free School dan juga Ahli² Yang Berhormat dari Seberang Selatan, Seberang Utara dan Dato Kramat juga ber-sekolah di-Penang Free School. Kami telah mendapat layanan yang istimewa dan baik . . .

Wan Mustapha bin Haji Ali: On a point of explanation, Sir, . . .

Enche' Ismail bin Idris: Tuan ada peluang nanti . . .

Wan Mustapha bin Haji Ali: . . . saya tidak berchakap bagitu.

Mr. Speaker: Sunggoh pun tuan (kapada Enche' Ismail bin Idris) tidak beri jalan kapada dia, tetapi apa yang di-chakapkan-nya sa-malam saya ada ambil ingatan. Ia tidak ada berchakap di-Penang Free School tidak ada layanan saperti yang tuan chakapkan itu.

Enche' Ismail bin Idris: . . . saya ingat kata-nya, ia tidak mendapat layanan daripada guru², Tuan Yang di-Pertua, saya ada ambil ingatan. Oleh kerana saya bekas murid Penang Free School dan kerana hendak menjaga nama baik guru² itu, saya terpaksa berchakap dalam soal itu supaya saya tidak di-tempelak oleh guru² itu yang mana kita ada-lah berdiri di-belakang guru² yang telah memberi kerjasama dengan kita pada waktu itu ia-itu tahun 1941. Sekarang ini saya tidak tahu. Oleh itu tuduhan yang saperti itu tidak-lah benar.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada menyebutkan berkenaan dengan kebebasan murid² berjalan. Saya suka menyatakan pendapat saya sendiri bukan pendapat Kerajaan ia-itu "freedom of movement" memang di-beri. Saya hendak menunjukkan satu chontoh apa yang telah berlaku di-Pulau Pinang pada bulan April yang lalu, ada dua budak sekolah telah keluar daripada Pulau Pinang sa-lepas peperekson dengan tidak memberitahu sa-siapa walau pun ibu-bapa-nya. Dua hari menchari mereka itu, sa-lepas sa-minggu baharu mereka balek. Perkara yang saperti ini saya takut kerana budak² sekarang tidak saperti budak sa-belum perang dahulu, mereka ini lebeh pandai dan chekap pergi ka-sana ka-sini. Saya fikir ada lebeh baik murid² ini memberitahu kapada guru besar dan ibu-bapa-nya, kalau ada apa² kejadian berlaku senang mereka itu menuju ka-Balai Polis bertanya dimana mereka itu berada. Yang kedua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu faham ia-itu baharu² ini murid² telah di-tahan di-Pulau Pinang oleh sebab² yang tertentu. Saya fikir sangat molek murid² itu memberitahu kapada guru besar dan guru besar itu beritahu kapada polis di atas perjalanan murid² itu.

Pada akhir-nya, saya suka hendak bertanya kapada Menteri yang berkenaan, berhubong dengan guru² daripada sekolah kebangsaan yang telah lulus peperekson normal class yang tidak pergi ka-kolej itu sekarang telah belajar bahasa Inggeris dan telah lulus Lower Certificate of Education, ada-kah di-benarkan guru² itu masok

dalam Day Training Centre atau di-adakan pepereksaan sa-bagaimana yang di-ajar dalam Day Training Centre supaya mereka ini dapat bersama² dengan guru² yang telah lulus dalam Day Training Centre itu?

Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa membahathkan peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran, 1961, beberapa perkara telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini daripada sa-malam hingga-lah hari ini, dan saya dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan chuba menjawab beberapa pertanyaan di-atas perkara yang telah di-bangkitkan itu. Dalam pada itu saya suka mengambil peluang ini untuk menguchapkan terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang baik dan menyokong chadangan² yang ada dalam peruntukan bagi Kementerian Pelajaran ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan telah menyatakan tidak puas hati-nya berkenaan dengan bilangan tempat yang dapat di-beri kapada anak² apabila mereka itu meningkat daripada sekolah rendah ka-sekolah menengah. Kata beliau itu, ada-lah sangat kurang peratus-nya yang naik ka-sekolah menengah. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah betul, kerana dalam bilangan lebuh kurang 96,000 murid yang masok dalam pepereksaan, 1960, di-anggarkan lebuh kurang 43,000 murid² ini akan naik ka-darjah² menengah daripada sekolah rendah.

Ini hanya untuk sekolah² yang mendapat bantuan sahaja. Sa-lain daripada itu di-anggarkan dalam 10 atau 14 ribu lagi harus-lah akan masok meneruskan pelajaran mereka itu ka-peringkat sekolah menengah "independent" atau bebas. Sa-lain daripada itu juga tentu-lah peluang ada terbuka bagi murid² yang tidak masok sekolah umpama ini untuk melanjutkan pelajaran mereka itu menerusi pelajaran² darjah "further education classes" yang di-buka di-merata² tempat di-sekolah². Ahli Yang Berhormat itu juga telah menarek perhatian Rumah ini kesulitan² tempat bagi murid² dalam sekolah² dan men-chadangkan supaya "double session"

atau dua bahagian persekolahan pagi dan petang di-adakan. Ini memang telah pun di-jalankan di-beberapa buah sekolah dan sa-kira-nya di-kehendaki tempat² itu lagi tentu-lah Kementerian Pelajaran akan menjalankan chara ini lagi. Ahli Yang Berhormat itu juga bertanya ia-itu kata-nya ia tidak faham apa-kah perbezaan di-antara National Language atau Bahasa Kebangsaan dan bahasa Melayu. Jadi, di-sini saya suka menyatakan ia-itu National Language itu ia-lah bahasa Melayu tetapi peringkat-nya rendah sadikit supaya menyenangkan orang² yang bukan Melayu mempelajari-nya dan masok dalam pepereksaan di-dalam National Language ada-lah tinggi-nya kurang sadikit daripada Bahasa Melayu dalam peperceraan L.C.E. dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh membangkitkan satu masa-alah ia-itu anak² yang terpaksa bersekolah di-sekolah² yang jauh terpaksa berjalan berbatu² dan beliau itu berta-nya bagaimana-kah masaalah ini dapat di-selesaikan. Jadi, di-atas soal ini saya suka-lah menyatakan di-sini memang ada di-dalam Penyata Rahman Talib chara² untuk Menteri menyelesaikan perkara ini dengan memberi transport atau kenderaan dan sa-bagai-nya.

Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh mendatangkan fikiran ia-itu tidak-lah patut di-adakan sekatan² bagi anak² sekolah.

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr. Speaker, Sir, I did not say that there should be no restriction on holding classes by political parties—and this is where my friends from the Socialist Front differ. I said that the restriction should be relaxed to meet the needs.

Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan: Tuan Pengurus, saya belum habis lagi, sahabat saya itu dia tidak berapa faham saya fikir. Ini berkenaan dengan murid² yang berjalan daripada satu negeri ka-satu negeri, bukan "holding of classes by political parties". Jadi, sahabat saya dari Ipoh itu dia menyatakan tidak ber-setuju-lah supaya di-adakan sekatan bagi anak² ini berjalan dari satu negeri ka-satu negeri dan lain². Tetapi di-sini saya suka menerangkan bahawasa-nya

sekatan² ini atau Undang² peratoran ini di-adakan oleh kerana beberapa sebab keadaan yang ada sekarang di-dalam negeri ini dari segi "security" atau pun subversive yang telah atau sedang di-jalankan menerusi sekolah² di atas discipline murid².

Berkenaan dengan National Language class atau pun klas Bahasa Kebangsaan yang di-anjorkan oleh political parties atau pun pertubuhan politik, saya suka-lah menerangkan ia-itu darjah² yang sa-umpama ini hendak-lah mengikut atoran dan peratoran yang di-tetapkan oleh Kementerian Pelajaran. Oleh kerana bukan sahaja daripada segi murid² tetapi daripada segi guru²-nya juga. Kita mesti-lah ada peratoran ia-itu chara bangunan rumah itu mesti-lah sesuai dan juga guru²-nya mesti-lah di-daftarkan. Akan tetapi Kementerian Pelajaran ini akan memikirkan dengan simpati permintaan yang sa-macham itu supaya tidak menghilangkan klas² yang patut di-buka. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pun telah membawa soalan mendaftarkan guru² dan juga management of School. Di atas soal ini tidak-lah menjadi keberatan rasa saya bagi siapa² yang tidak puas hati di atas satu langkah yang telah di-ambil kerana mereka itu boleh merayu kapada Menteri dan apabila satu² appeal telah dibuat akan merujukkan perkara itu kepada Board of Inquiry ini yang ketua-nya ia-lah sa-orang President daripada Session Court. Dengan adanya chara sa-umpama ini tentu-lah apa² keputusan yang di-ambil oleh Board of Inquiry ini ia-lah keputusan yang 'adil dan keputusan itu akan di-sampaikan kapada Menteri dan Menteri akan membuat keputusan yang mu'tamad daripada pendapat² beliau daripada apa yang akan di-serahkan oleh Board of Inquiry. Jadi, tidak patut-lah berasa bimbang atas perkara ini.

Berkenaan dengan sekolah² China yang menerima bantuan sa-paroh berapa-kah yang sudah mengaku menerima bantuan pada masa yang akan datang dan berapa-kah bilangan-nya yang ada pada masa sekarang ini sekolah² jenis China. Jadi, perkara ini telah pun di-jawab oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat pada hari sa-malam dan saya suka menerangkan juga ia-itu dalam bilang 40 sekolah—Assisted

School atau sekolah² China yang menerima bantuan: 5 Sekolah Menengah telah pun mengatakan akan menerima bantuan penoh. Dan sa-lain daripada itu 3 sekolah independent dan 7 sekolah baharu. Dan di atas perkara ini sekolah² yang belum lagi menerima bantuan ada lagi masa-nya selama satu tahun untuk menentukan sama ada mereka itu akan menerima bantuan atau tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah menyatakan tak berapa puas hati-nya di atas chara² Malayani-sation ini di-jalankan dan ta' chukup pula tempat. Perkara ini, Tuan Penngerusi, telah pun saya jawab pada masa perbahasan hari yang pertama dahulu dan dalam jawapan saya itu telah di-nyatakan ia-itu dalam 106 jawatan Division I dalam Kementerian Pelajaran hanya 17 jawatan sahaja yang di-pegang oleh Pegawai Luar Negeri—Expatriate Officer, dan dalam Teacher Training Institutions ada sa-banyak 257 jawatan Division I, hanya ada 15 orang sahaja expatriate atau pegawai dagang. Maka ini ada-lah satu kenyataan yang ta' boleh di-napikan bahawasa-nya Malayani-sation dalam Kementerian ini di-jalankan dengan seberapa chepat-nya yang dapat.

Beliau itu juga bertanya apa-kah langkah yang Kementerian ini sedang menjalankan untuk melayakkan guru dalam Sekolah Kebangsaan bagi meninggikan taraf mereka itu. Di-sini saya suka menyatakan bahawa mulai dari tahun 1960 ini ada pepereksaan menerusi Bahasa Kebangsaan dalam pepereksaan L.C.E. dan pada tahun 1962 nanti bukan sahaja L.C.E. di-adakan dalam Bahasa Kebangsaan, akan tetapi juga pepereksaan F.M.C.—Federation of Malaya Certificate of Education akan di-adakan juga dalam Bahasa Kebangsaan. Dengan guru² ini memasokkan diri mereka dalam pepereksaan itu dan mendapat kelulusan dalam pepereksaan ini tentu-lah sa-kali taraf mereka itu dapat di-perbaiki. Beliau itu juga bertanya dan mendatangkan satu chadangan ia-itu berkenaan dengan pelajaran sementara bagi guru² yang mengajar dalam sekolah² ugama. Sekolah² ugama dan pelajaran² ugama ini ada-lah hak bagi

sa-suatu Negeri dan Kementerian Pelajaran tidak-lah ada kuasa dalam perkara yang semacham itu. Walau bagaimana pun mengikut penyata chadangan² dalam Penyata Rahman Talib tahun 1960 ini ada satu chadangan supaya sakira-nya di-perkenankan oleh Majlis Raja² atau satu chadangan supaya di-adakan kelas² untuk memberi latehan kapada guru² sekolah menengah dan kelas² yang semacham ini di-adakan buat permulaan yang di-chadangkan di-Specialist Teachers' Training Institute, Cheras Road, Kuala Lumpur.

Satu daripada soalan Ahli Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan bayaran pada sekolah² ugama ia-itu pada siapa-kah bayaran itu di-beri dan juga siapa-kah yang menjadi kuasa untuk melantek dan memileh guru² bagi sekolah² itu. Sa-bagaimana yang saya telah terangkan baharu² ini ia-itu soal ugama dan pelajaran ugama ada-lah hak sa-suatu Negeri dan jikalau bagitu tentu-lah Negeri² yang bertanggong jawab dalam soal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar meminta supaya Kerajaan memberi satu jaminan ia-itu pelajaran perchuma akan di-beri atau di-jalankan dalam tahun 1962. Di-sini saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu pun hadzir pada masa Rahman Talib Report atau Penyata Rahman Talib ini di-terima oleh Dewan ini di atas dasar-nya dan tiap² satu chadangan atau recommendation dalam penyata itu tentu-lah bergantong sama ada permintaan wang dalam anggaran bagi tahun 1962 di-terima oleh Rumah ini atau tidak dan sakira-nya di-terima maka baharu-lah perkara ini dapat di-jalankan.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada berchakap berkenaan dengan unified salary scale atau tangga gaji sekutu. Perkara ini sunggoh pun sudah lama, tetapi ini ada-lah di-antara dua pehak dan selagi persetujuan di-antara dua pehak ini ta' dapat di-adakan walau bagaimana pun Menteri Pelajaran hendak menamatkan perkara ini dengan mendapat satu keputusan mu'tamad. Jikalau pehak lain tidak bersetuju maka tentu-lah perkara ini tidak boleh di-terima. Ini-lah keadaan yang maseh

lagi ada dan perkara ini ta' dapat-lah di-salahkan kepada Kerajaan.

Enche' V. Veerappen (Seberang Selatan): On a point of clarification, Sir, if the Honourable Assistant Minister will give way.

Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan: Mr. Speaker, Sir, I think I have made the point very clear, and I do not need any clarification.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir bertanya apa-kah guna-nya di-adakan Adviser on Further Education. Harus Ahli Yang Berhormat itu tidak faham kerja² yang di-jalankan oleh Kementerian ini dan saya tidak-lah hendak berchakap dalam perkara itu. Ada pun Adviser on Further Education ini ada-lah pegawai yang bertanggong jawab berkenaan dengan further education ia-itu apa yang saya maksudkan dengan perkataan further education ia-lah pelajaran murid² yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ia-itu murid² yang lebih umor yang tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya dalam sekolah² biasa. Jadi sekarang Kerajaan mengadakan further education classes itu untuk murid² yang lebih umor. Pegawai ini ada-lah bertanggong jawab untuk menjalankan darjah² yang saperti itu dan pentadbiran-nya bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

Bagitu juga berkenaan dengan Education Officer (Supervisor, Correspondence Courses Unit) atau pun Kursus Latehan Sechara Pos. Ahli Yang Berhormat ini pun tidak berapa faham di atas kerja² pegawai ini. Pada masa sekarang ini kita mengadakan Correspondence Courses—Latehan Sechara Pos bagi guru² sekolah kebangsaan dan selain daripada itu latehan² yang lain sechara pos—correspondence courses telah di-selenggarakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir ada menyebutkan berkenaan dengan Kirkby dan Brinsford Lodge, beliau bertanya apa-kah mustahak-nya lagi menghantar guru² itu ka-Kirkby dan Brinsford Lodge dan kata-nya, hanya membuang wang dan kalau latehan itu adakan di-sini ada lebih baik. Dalam perkara ini kita harus tahu

ia-itu pada mula-nya dahulu negeri ini tidak ada sekolah dan maktab perguruan yang chukup untuk memberi latehan kapada guru yang banyak itu. Oleh itu, kita terpaksa menghantar bakal guru itu ka-luar negeri untuk berlateh ilmu perguruan. Tetapi langkah telah pun di-buat untuk menamatkan latehan di-Kirkby dan Brinsford Lodge apabila tiba masa-nya ia-itu sa-telah maktab perguruan untuk mengganti tempat itu sedia. Satu dari-pada-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ka-Pantai Valley, kita akan nampak satu bangunan yang sedang di-bena untuk maktab perguruan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada menyebutkan berkenaan dengan Grants to Secondary Residential Schools dan Grants to Technical Education. Beliau memberi pandangan supaya Kementerian Pelajaran harus juga mengambil ingatan bagi wanita² apabila menentukan peruntukan wang bagi persekolahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan ada-lah perkhidmatan² pelajaran dalam negeri ini bukan hanya untuk anak laki²; perkhidmatan pelajaran dalam negeri ini ia-lah bagi anak² negeri ini ka-selurohan-nya ia-itu laki² dan perempuan. Kita memang ada sa-buah Residential School bagi wanita. Tuan Yang di-Pertua, seperti Malay Girls College di-Kuala Lumpur ini dan bagitu juga di-tempat² lain, dan sekolah menengah (secondary school) bukan hanya tertutup kapada anak laki² sahaja bahkan boleh di-katakan ramai juga anak perempuan di-situ. Di-dalam Technical College di-Kuala Lumpur ini ada sa-orang wanita Melayu belajar yang datang dari Johor. Jadi tempat wanita belajar tidak-lah ketinggalan

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah saya memberi sadikit penerangan—yang saya maksudkan ia-lah supaya sekolah perempuan itu sa-imbang banyak-nya dengan sekolah laki² (*Interruption*) ini buat kepentingan Persekutuan Tanah Melayu, bukan buat kepentingan saya

Mr. Speaker: Saya hendak mengingatkan ia-itu semua perchakapan itu hendak-lah di-hadapkan kapada Yang di-Pertua. Saya tidak benarkan

sa-siapa pun dalam Majlis ini yang menghadapkan perchakapan-nya ka-pada orang lain, melainkan kapada Yang di-Pertua, ini ada dalam Standing Orders.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: Terima kaseh. Saya selalu, Tuan Yang di-Pertua, di-perli oleh Ahli² Yang Berhormat

Mr. Speaker: Hadap ka-mari.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan persimbangan sa-bagaimana chontoh² yang telah di-buat kapada negara² yang di-bawah naongan Bangsa² Bersatu. Saya tidak bermaksud supaya anak perempuan itu ada di-sekolah saja, masa penjajah dahulu ada juga anak perempuan bersekolah, tetapi biar-lah ada perbezaan masa penjajah dengan masa merdeka, itu yang saya maksudkan.

Enche' Abdul Hamid Khan: jadi sa-bagaimana yang telah saya terangkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, memang ada dan dari sa-masa ka-sa-masa sekolah khas bagi anak perempuan tentu-lah ada dalam perhatian Kementerian Pelajaran. Saperti yang telah di-terangkan, Sekolah Lanjutan Kampung dan beberapa buah sekolah ada dalam Estimates ini, perkara yang saperti ini saya rasa tidak payah-lah Ahli Yang Berhormat itu rasa bimbang

Enche' Khadijah binti Mohamed Sidek: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah saya bertanya sadikit

Mr. Speaker: Ia tidak beri jalan. Proceed!

Enche' Abdul Hamid Khan: Ahli Yang Berhormat dari Bagan menarek perhatian Dewan ini chara membahagi bayaran kapada Local Education Authority. Dalam soal ini chara pembayaran-nya ia-lah Kerajaan membayar gaji semua guru² itu dengan penoh dan juga memberi per capita grant ia-itu kiraan murid yang ada dalam tiap² sekolah itu. Sa-lain daripada itu, ada juga di-beri grant khas ia-itu di-kira darjah, kalau sekolah itu ada 10 darjah, ada pula satu bayaran yang di-panggil class grant.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah meminta supaya pada masa bulan Bahasa Kebangsaan segala urusan dalam Kementerian Pelajaran hendak-lah di-jalankan dalam bahasa kebangsaan. Perkara ini memang sangat baik jika lau sa-kira-nya dapat di-jalankan, tetapi boleh jadi ada beberapa perkara yang tidak dapat di-jalankan dengan lichin, kerana tidak ada kaki-tangan yang chukup, bagaimana pun kita akan menjalankan sa-berapa yang boleh.

Ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat membawa pandangan Dewan ini berkenaan pamphlet atau surat risalah yang telah di-taborkan kapada kanak² kecil dalam sekolah² menerusi sekolah² yang tertentu. Di atas masalah perkembangan ugama kristian ini menerusi sekolah², Kementerian Pelajaran telah pun beberapa bulan yang sudah mengeluarkan satu perentah kapada semua sekolah² dalam negeri ini ia itu tidak di-benarkan pelajaran ugama kristian di-adakan atau pun bible knowledge di-ajar oleh guru² yang menerima gaji-nya daripada wang peruntukan Kerajaan. Dan juga tidak di-benarkan mengajar dalam masa persekolahan ia itu pada masa sekolah itu di-buka di-sabelah pagi. Sa-lain daripada itu berkenaan dengan risalah² ini, saya sendiri pada hari ini telah nampak dalam *Utusan Melayu* di atas perkara ini dan saya telah meminta Timbalan Ketua Pegawai Pelajaran di-dalam Kementerian menjalankan penyiasatan dengan sa-berapa segera dan perkara itu maseh lagi dalam penyiasatan. Bagaimana pun saya suka menyatakan di-sini Kementerian Pelajaran tidak membenarkan perkara² yang sa-macham itu berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara bertanya berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menjawab perkara itu.

Tuan Pengurus, itu-lah pandangan² daripada saya sendiri untuk memberikan jawapan atas perkara² yang telah di-bangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di-sini dan tambah²-an-nya dan perkara² yang lain yang belum lagi saya jawab akan di-jawab

oleh Yang Berhormat rakan saya di-sini. (*Tepok*).

Enche' V. Veerappen: Mr. Speaker, Sir, on a point of clarification . . .

Mr. Speaker: Make it as short as possible.

Enche' V. Veerappen: Yes, Sir. The Honourable the Assistant Minister stated that my figures were wrong. I just would like to say that I stated that I got my figures from the *Straits Times* of December 8. If these figures are wrong, I would like to ask the Honourable the Minister to give this House the actual number of passes in each of the categories, so that the House itself can know whether there is a chance of manipulation or not.

The second point of clarification is that there must be agreement between the two sides, with regard to the Unified Scheme, in the National Joint Council for Teachers. I would like to ask the Minister one question only, and that is whether the two parties concerned in this Council had agreed at a meeting on the 22nd of September, 1959, to implement this Scheme as from 1st January, 1960. That is all.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak di-beri penjelasan atas pertanyaan saya tadi, ia itu saya meminta Kementerian ini mengadakan satu pengakuan . . .

Mr. Speaker: Pendek sahaja!

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Pendek sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran ini, ada-kah Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu ini terus mahu menjalankan siasatan pelajaran untuk wanita dalam Anggaran Perbelanjaan atau mahu mengikut chontoh² yang di-adakan oleh Jawatan Kuasa Bangsa² Bersatu untuk wanita.

Enche' Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya mengucapkan terima kaseh kapada semua Ahli² Yang Berhormat Dewan ini sama ada daripada pehak Kerajaan mahu pun pehak Pembangkang yang telah mendatangkan beberapa tegoran², shor², pertanyaan² dan juga apa yang telah

menjadi harapan masing². Saya mengucapkan terima kasih yang istimewa kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberikan tegoran yang membina atas perkembangan pelajaran negeri kita ini.

Rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran telah pun menjawab sa-tengah dari perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Jadi, saya tidak-lah berchadang hendak mengulangi apa yang telah di-jawab-nya, hanya-lah saya akan menyambong perkara² yang belum lagi di-beri penjelasan dan penerangan oleh Yang Berhormat itu.

Perkara yang pertama sekali, biarlah saya jawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Seberang Selatan sa-beliau pertanyaan-nya itu saya lupa. Angka yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu 22,000 orang, barangkali di-dapati-nya daripada *Straits Times*. Bilangan itu ia-lah bilangan murid² kita yang masok peperek-saan pilehan ka-sekolah menengah (M.S.S.E.) yang mendapat markah dalam gulongan category "A" dan "B". Tetapi bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri Muda Pelajaran tadi, Kementerian Pelajaran menganggarkan bahawa sa-banyak 43,000 tempat bagi murid² ini ada di-sekolah menengah bagi tahun 1961. Ini berma'ana, sa-lain daripada hampir² 23,000 murid² yang dapat category "A" dan "B", murid² yang mendapat category "C" juga yang dapat markah tinggi akan dapat peluang juga masok ka-sekolah² menengah. Dan jikalau kita lihat bahawa daripada 96,000 yang masok peperek-saan ini, 43,000 ada di-sediakan tempat di-sekolah menengah, berma'ana percentage-nya bukan 30 peratus saperti yang di-janjikan, tetapi kalau ta' salah, lebih daripada 40 peratus.

Selain daripada itu Yang Berhormat Menteri Muda telah menerangkan bahawa sa-tengah daripada-nya boleh masok Sekolah Bebas dan sa-tengah-nya boleh masok Sekolah Lanjutan dan jangan lupa bahawa ada di-antara 96,000 murid² yang telah masok peperek-saan ini yang umur-nya maseh kurang dari 13 tahun. Ini berma'ana mereka itu boleh masok peperek-saan pilehan bagi Sekolah² Menengah pada

tahun hadapan sekali lagi. Satu lagi perkara yang saya hendak sebutkan berkenaan dengan hal mengadakan tempat² di-Sekolah Menengah ini, satu perkara yang barangkali Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini suka mendapat tahu untuk pengetahuan Ahli². Kebetulan-nya saya baharu balek dari menghadziri persidangan UNESCO di-Paris dan dalam persidangan itu beberapa penyata telah dibentangkan bagi pengetahuan wakil² seluroh dunia dalam persidangan UNESCO. Negeri² yang telah menjadi ahli UNESCO, tidak berapa lama dahulu, telah membuat satu survey berkenaan dengan hal ini dan dalam salah satu daripada penyata-nya daripada 91 buah negeri UNESCO itu ada mengambil angka² yang di-dapati hetong panjang di-negeri ini hanya-lah 12 peratus daripada murid² yang boleh masok ka-Sekolah Menengah yang disediakan atau pun di-adakan tempat² di-Sekolah Menengah itu.

Di-antara 91 buah negeri itu 27 daripada-nya yang penduduk²-nya boleh di-katakan 80 peratus boleh membacha. Bilangan peratus di-tempat Sekolah² Menengah bagi murid² sekolah rendah ia-lah 22 peratus. Maka dari angka ini terang dan jelas bahawa sa-nya Malaya, dalam hal ini, ada-lah lebih baik daripada semua negeri di-sabelah Tenggara Asia atau di-sabelah Asia ini. (*Tepok*). Dan di-sini ada-lah perkara yang menjadi kebanggaan kita, perkara yang menjadi harapan sa-tengah² negara tetangga kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang patut saya terangkan dengan jelas-nya ia-itu perkara yang di-bangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Parti Islam berhubung dengan kedudukan guru² tentang politik. Perkara ini molek-lah saya terangkan bahawa guru² yang mengajar di-sekolah² kita, pada masa sekarang, ada-lah terbahagi kepada dua gulongan :

- (1) Guru² yang menjadi kaki-tangan Kerajaan.
- (2) Guru² yang bukan pegawai Kerajaan, atau yang bukan kaki-tangan Kerajaan ia-itu guru² yang mengajar di-sekolah yang mendapat bantuan penuh

atau pun separoh daripada Kerajaan, tetapi bukan-nya pegawai² Kerajaan.

Kedudukan berkenaan dengan guru² yang bukan pegawai Kerajaan yang mengambil bahagian yang chergas dalam politik ada-lah di-terangkan dalam siaran yang di-bacha oleh salah sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi daripada sa-belah sana. Itu ada-lah siaran yang mengenai guru² yang bukan pegawai Kerajaan. Bagi guru² yang menjadi pegawai Kerajaan mereka ada-lah terata'lok pada satu circular F.E.O. No. 4 tahun 1954 dan dalam circular ini menyatakan bahawa kaki-tangan Kerajaan ini terbahagi kepada dua kumpulan, kumpulan (a) dan kumpulan (b). Di-bawah kumpulan (b) ini-lah termasuk-nya guru² yang menjadi pegawai² Kerajaan; pegawai² yang masok di-bawah kumpulan (b) ini dia tidak boleh mengambil bahagian yang chergas dalam parti politik, kechualui sa-telah ia mendapat kebenaran, dahulu-nya, daripada Chief Secretary, dan sekarang daripada P.S.C. melalui Kementerian masing², kalau mereka pegawai² Federal; dan sa-telah ia mendapat kebenaran itu maka dia terata'lok pula kepada beberapa sharat yang ada terkandong dalam circular ini. Ia ta' boleh berchakap dalam public dan sa-bagaimana saperti yang terkandong dalam perenggan 4 dalam circular ini.

Jadi sa-telah Ahli yang Berhormat tahu kedudukan perkara ini mustahak-lah saya menerangkan berkenaan dengan tuduhan² yang di-lemparkan ka-atas diri saya sa-bagai Menteri Pelajaran berkenaan dengan hal kedudukan guru² di-Kelantan. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa saya melawat Kelantan tidak-lah sa-bagaimana yang dikatakan oleh Ahli² dari Parti Islam yang saya telah memaksa guru² itu mengadakan perjumpaan dan menggunakan kuasa saya sa-bagai Menteri Pelajaran untuk menarek mereka masok dalam parti UMNO.

Dalam perkara ini ada 4 orang Ahli yang berchakap dan saya mendengar 2 daripada-nya yang mengatakan bahawa saya telah menggunakan pengaroh saya sa-bagai Menteri Pelajaran untuk menarek guru² ini, tetapi 2 orang yang lain

telah mengatakan bahawa saya telah menggunakan ugutan—threat kerana hendak menarek mereka itu ka-dalam pertubohan saya. Jadi jikalau dalam perbincaraan sudah tentu-lah kedua² keterangan ini bertentangan dan ini menunjukkan bahawa perkara ini adalah rekaan² yang dapat di-chedok daripada tengah jalan, atau pun oleh perasaan takut sa-olah² macham cherita orang tua². Takutkan hantu sa-hinggakan tungkol di-sangka-nya hantu.

Apa yang sa-benar-nya terjadi, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah pada masa lawatan saya yang rasmi ka-Kelantan baharu² ini, beberapa kumpulan guru di-negeri Kelantan telah menjemput saya ka-dalam beberapa perjumpaan seperti di-Bachok, Pasir Puteh, Kota Bharu dan di-lain² tempat. Dan di-dalam perjumpaan itu saya hanya berchakap kapada mereka perkara² yang mengenai dengan Penyata Rahman Talib, dasar² pelajaran dan hal² yang bersangkut-paut dengan perkembangan kemajuan pelajaran, dan sa-telah perjumpaan itu di-buka bagi soalan², maka banyak-lah mereka itu bertanya berkenaan dengan sharat memasuki parti politik; dan sa-bagaimana biasa saya terangkan-lah. Jadi apa yang saya dapati bahawa guru² yang mengadakan perjumpaan dengan saya itu rupa²-nya ia-lah gulongan orang² kita yang terpelajar, sa-lain daripada mereka ini gulongan terpelajar, mereka ini juga lebih rapat dengan ra'ayat kerana mereka duduk di-kampung, dan dengan sebab mereka terpelajar dan hampir dengan ra'ayat mereka-lah yang mengetahui penderitaan ra'ayat di-Kelantan pada masa sekarang (*Tepok*). Dan dengan ada-nya kesedaran itu-lah, maka timbul-nya kemauhan untuk menebus kembali penderitaan ra'ayat itu dengan membolehkan, barangkali satu parti yang lain berkuasa dalam negeri Kelantan (*Tepok*) kerana mereka dapati bahawa janji² yang telah di-buat oleh PAS pada masa dahulu kapada ra'ayat ada-lah janji yang belum lagi nampak bayang dapat di-tunaikan—(AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear).

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menjawab

ia-lah berkenaan dengan bantuan kepada sekolah² ugama ra'ayat. Dalam hal ini saya suka menerangkan bahawa bantuan kepada sekolah ugama ra'ayat ada-lah di-buat berdasarkan kapada penyata yang di-buat oleh s a t u jawatan-kuasa yang di-ketua'i oleh saya sendiri dalam tahun 1956, dan ahli² jawatan-kuasa itu bukan sahaja mengandongi ahli daripada Perikatan tetapi juga ahli daripada PAS ia-itu Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hussain ia-lah bekas Ahli Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan dan beberapa orang daripada sa-belah Kerajaan. Jadi penyata itu telah di-buat dan di-terima oleh Kerajaan, dan dalam penyata itu ada di-tentukan beberapa sharat pada sekolah ugama ra'ayat yang berkehendakkan bantuan ini, dan sharat² yang di-buat oleh jawatan-kuasa itu telah di-persetujukan oleh Kerajaan; itu-lah juga yang di-gunakan oleh Kementerian Pelajaran di-dalam memberi dan melaksanakan bantuan di-bawah ranchangan ini. Tiap² sa-buah sekolah ugama ra'ayat yang berkehendakkan bantuan ini di-hantar kapada pengelola atau pun guru besar surat yang mengenakan sharat² itu yang mengadongi 14 fasal, dan apabila telah di-terima oleh jawatan-kuasa atau pun guru besar atau sa-siapa juga yang bertanggong jawab, maka mereka hendak-lah menyain satu surat yang mengatakan ia-nya mengaku dan menerima 14 fasal yang terkandong dalam surat itu; dan sa-telah mereka menghantar surat akuan ini kapada Kementerian Pelajaran, baharu-lah Kementerian m e m b e r i bantuan mengikut sukatan yang ada dalam paragraph 64 dan 67 dalam penyata itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan tidak ada di-sini—sukatan bayaran-nya ada-lah \$10.00, \$14.00 dan \$20.00 kapada sa-orang murid sa-tahun mengikut peringkat² sekolah.

Jadi apabila di-dapati satu² sekolah melanggar salah satu daripada 14 fasal yang di-tetapkan dalam surat itu, maka sa-telah Kementerian puas hati yang mereka betul² melanggar peratoran itu, maka bantuan itu akan di-tarek balek. Dan sebab²-nya bantuan

ini sa-hingga pada hari ini banyak dit a r e k bukan-nya-lah kerana fasal politik, daripada beberapa buah sekolah yang di-tarek balek itu hanya-lah di-sebabkan guru besar atau guru²-nya mengambil bahagian yang chergas dalam politik, yang lain² yang di-tarek balek itu kerana sebab yang lain, kerana tidak mengikut sukatan pelajaran, kerana tidak ada mengadakan jadual kedatangan dan sa-bagaimana. Jadi dalam hal ini tidak ada "pileh kaseh".

Kalau sekira-nya Ahli Yang Berhormat dapat menyebutkan satu dua chontoh, saya juga dapat menyebutkan beberapa chontoh. Satu daripada-nya ia-lah sekolah Tuan Haji Ahmad sendiri yang menjadi ahli jawatan-kuasa ini dahulu sa-orang kuat PAS maseh lagi menerima bantuan ini. Sa-bagaimana yang saya katakan, dalam hal ini tidak ada "pileh kaseh". Satu sahaja panduan kita ia-lah apabila sa-sabuah sekolah mengengkari atau pun tidak mengikut sharat² ini, kita akan menarek balek bantuan itu.

Perkara yang ketiga yang suka saya hendak jelaskan ia-lah berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Banyak Ahli² Yang Berhormat ber-chakap berkenaan dengan Dewan ini menegor atas beberapa perkara. Ada perkara berkenaan dengan buku² dan a d a sa-tengah² perkara berkaitan dengan istilah² yang di-buat oleh Dewan itu. Salah satu daripada tegoran yang telah di-datangkan ia-lah bahawa Dewan Bahasa ini tidak dapat menjalankan tugas²-nya untuk menge luarkan buku² menggantikan buku² yang lama yang di-buat dalam masa penjajahan dahulu. Yang menjadi saya hairan ada yang mengatakan Dewan ini tidak menjalankan tugas tetapi orang itu juga mendesak supaya Dewan ini di-tambah kerja-nya—dua tuntutan yang berlawanan.

Berkenaan dengan pengeluaran buku², saya suka menjelaskan bahawa telah banyak buku² yang di-ke luarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini bagi menggantikan buku² bachaan yang di-buat pada zaman penjajah seperti Chanai Bachaan, Membar 'Akal sa-bagaimana yang di-sebutkan o leh

Yang Berhormat itu. Dan sa-lain daripada buku² bacaan, banyak buku² tambahan bacaan telah di-buat dan di-keluarkan oleh Dewan ini. Berkennaan dengan pengeluaran buku² itu, elok-lah Ahli Yang Berhormat itu sendiri saksikan sekira-nya sudi datang ka-pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi jika umpama-nya Yang Berhormat tidak ada masa ke-lapangan saya di-sini pun ada sedikit buku² chontoh yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga senarai buku² keluaran Dewan ini yang akan di-edarkan kapada tiap² Ahli Yang Berhormat.

Perkara yang keempat, saya rasa patut saya sebutkan perkara siaran ugama kristian. Ini saya sebutkan kerana saya dapat di-dalam sa-tengah² uchapan Ahli tadi sa-olah² meminta saya menggunakan kuat kuasa atau apa² juu jalan untuk menegah daripada siaran itu dapat di-edarkan dalam negeri ini. Di-dalam hal ini, saya suka jelaskan bahawa mengikut Perlembagaan negara kita sunggoh pun ugama Islam menjadi ugama rasmi dalam Persekutuan tetapi negara kita mengakui kebebasan ber-ugama di-jalankan dalam negeri ini. Apa yang boleh di-buat ia-lah siaran² ugama lain daripada ugama Islam tidak boleh di-berikan kapada orang² yang berugama Islam. Ini ada-lah jelas dan nyata. Jika chadangan-nya supaya di-tegah semua sekali ada-nya siaran² itu dalam negeri maka saya katakan perkara itu tidak boleh di-lakukan mengikut Perlembagaan kita. Apa yang boleh kita buat ia-lah menahan daripada siaran itu sampai kepada tangan² orang Islam—tidak di-benarkan siaran² ini di-tunjukkan kepada orang yang berugama Islam. Tetapi dalam hal ini kita patut-lah mengambil langkah bukan sahaja satu negative stand tetapi positive. Jadi, di atas perkara ini saya berharap-lah bahawa parti Islam sa-Tanah Melayu mengambil langkah yang lebuh chergas lagi untuk mengembangkan ajaran² Islam dan mempertahankan kedudukan-nya. Bagi pehak Kementerian Pelajaran kewajipan dan tang-gongan² nya ia-lah di-sekolah². Dan bagaimana yang telah di-terangkan

oleh Menteri Muda Pelajaran tadi segala langkah yang boleh sudah pun di-buat oleh Kementerian Pelajaran.

Perkara yang kelima yang saya ingin memberi jawapan ia-lah ber-kenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat wakil daripada Bachok ia-itu menuduh bahawa salah sa-orang Pengetua di-Maktab Perguruan telah melakukan satu perbuatan yang tidak sesuai dengan taraf-nya sa-bagai Pengetua Maktab Perguruan dengan mengatakan baha-wa ia telah membawa beberapa orang penuntut—lima atau enam penuntut perempuan pergi ber-dancing di-suatu tempat. Saya suka-lah hendak menjelaskan bahawa saya telah pun menjalankan penyiasatan atas perkara ini dan saya dapat bahawa tuduhan ini tidak-lah benar sama-sekali, kerana saya tahu bahawa Principal yang di-tujukan ini bukan sahaja dia tidak pernah pergi Cabaret sa-masa dia tinggal dalam negeri ini tetapi dia tidak pernah pergi Cabaret sa-masa dia di-England dahulu pun. Daripada keterangan ahli itu, satu perkara yang jelas telah timbul ia-itu rupa²-nya Ahli Yang Berhormat itu sendiri, kalau ta' selalu, kadang² ada juga mengunjungi tempat itu kerana dia kata, dia sendiri melihat kejadian itu (*Ketawa*).

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Untuk penjelasan.

Mr. Speaker: Dia hendak minta kebenaran berchakap, Yang Berhormat hendak benarkan?

Enche' Abdul Rahman: Saya benarkan.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Kapada Menteri Yang Berhormat, yang sa-benar-nya pegawai ini sudah bertanya kepada saya, ada-kah saya sudah menengok orang ini pergi ka-Cabaret. Saya kata, soal-nya dua perkara dan ini pegawai-nya ada di-sini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perkara ini ada dua, yang pergi ka-Cabaret itu sa-bagaimana saya cheritakan itu ia-lah cherita yang saya dapati. Yang kedua-nya ia-lah tentang kelakuan mereka itu, ini yang saya lihat dengan mata. Jadi, kalau-lah

Menteri ini c h u b a memusingkan perkara ini rugi-lah dengan waktu-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perkara yang saya hendak sebutkan ia-lah perkara yang di-datangkan oleh sahabat saya wakil dari Bachok berhubong dengan hal peruntukan bagi penuntut² yang berada di-luar negeri. Dalam hal ini barangkali Ahli Yang Berhormat itu ada bertanya dan menyatakan bahawa kebanyakannya daripada peruntukan ini ia-lah bagi negeri² Commonwealth sahaja dan tidak pergi ka-Masir, Mekah dan Indonesia. Dalam perkara ini saya suka menerangkan bahawa penuntut² kita seperti mana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di-Cairo, Mekah, dan Indonesia ada juga mendapat layanan daripada Kementerian ini. Mithal-nya saya memberikan satu chontoh bahawa di-Masir sendiri satu bangunan hostel atau pun asrama yang memakan belanja lebih kurang \$530,000 akan di-dirikan di-satu tempat dari tapak yang telah di-beri perchuma oleh Kerajaan Masir dan pada masa saya melalui Masir sedikit masa dahulu saya telah singgah melihat sendiri di-tempat itu yang akan di-jalankan kerja membina-nya tidak berapa lama lagi dan murid² kita di-tempat itu juga ada-lah mendapat bantuan daripada Kementerian Pelajaran di-bawah sub-head 86—Item (8) Other Overseas Malayan Students Centres peruntukan sa-banyak \$16,000. Barangkali peruntukan b a g i penuntut² kita di-Indonesia ia-lah sa-banyak \$5,000 dan peruntukan penuntut² di-Mekah sa-banyak \$3,000 dan bagi peruntukan penuntut² di-Masir ia-lah sa-banyak \$8,800. Maka penuntut² kita di-tempat² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun mendapat pertimbangan yang sama dari Kementerian Pelajaran.

Satu lagi perkara yang banyak dibangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat ia-lah berkenaan dengan Nadzir Bebas dan juga jawatan Guru² Pelawat atau pun Visiting Teachers. Saya rasa

banyak daripada Ahli² Yang Berhormat faham berkenaan dengan tugas² dan kerja² yang di-jalankan oleh kedua² kumpulan pegawai ini. Nadzir Bebas dia ada mempunyai tugas² yang tertentu yang di-sebutkan dalam Penyata Pelajaran tahun 1960 dan juga berkenaan dengan tugas Guru² Pelawat ini ada-lah berlainan dengan Nadzir Bebas ini. Guru² Pelawat yang sa-benar-nya ia-lah Pegawai² Pentadbir yang membantu kapada Organiser of Malay Schools dan juga membantu kapada Chief Education Officer dan Nadzir Bebas ada-lah di-katakan mata dan telinga bagi Kementerian Pelajaran yang menyiasat ada-kah dasar pelajaran di-jalankan di-sekolah² itu. Jadi tidak-lah patut bahawa ada sa-tengah² Ahli mengeshorkan patut d i-h a p u s k a n kumpulan² ini, kalau di-hapuskan maka kerja Kementerian Pelajaran berkenaan dengan memberi pelajaran yang sempurna kapada kanak² itu akan tergendala. Satu perkara yang patut saya sebutkan di-sini ia-lah perkara yang di-bangkitkan oleh Wakil Kelantan Hilir berhubong dengan Pejabat Pelajaran Kelantan. Saya sendiri berasa malu melihat Pejabat Pelajaran itu duduk dalam bangunan yang tidak layak di-jadikan satu pejabat, tetapi kesalahan ini tidak boleh di-letakkan kapada Kementerian Pelajaran kerana saya tahu dalam tahun 1960, kita ada menguntokkan wang s a-b a n y a k \$110,000 bagi mendirikan Pejabat Pelajaran yang baharu di-Kota Bahru, tetapi sunggoh pun bagitu dua tiga kali saya pergi ka-sana hendak meminta kerjasama dari Kerajaan Kelantan supaya memberi tapak untuk binaan itu. Kementerian Pelajaran tidak dapat hendak membina bangunan Pejabat Pelajaran di atas awang²an (*Ketawa*) kita berkehendak tanah tapak-nya, tetapi tidak mendapat kerjasama dan pertolongan daripada Kerajaan PAS dan dengan sebab itu-lah pekerjaan membina itu terbengkalai sa-hingga sampai sekarang belum di-mulakan lagi. Saya ada niat dalam hati saya hendak mengambil peruntukan itu menggunakan di-Kuantan!

Lagi satu perkara berkenaan dengan kutub-khanah—library. Sa-orang Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak ada peruntukan untuk library ini. Saya suka menerangkan bahawa peruntukan library ini ada di-masukkan dalam pemberian kapada O.C.A.R. kepada tiap² sekolah. Maka ini terpulang-lah kepada Lembaga Pengurusan atau Juma'ah di-tiap² sekolah itu menggunakan wang ini untuk kegunaan yang di-sebutkan itu.

Selain daripada itu ada satu perkara lagi yang telah di-bangkitkan oleh dua tiga orang Ahli Persatuan Islam berkenaan dengan kebochoran peperiksaan. Kebochoran itu bukanlah tanggong-jawab Kementerian kerana peperiksaan itu ada di-bawah urusan F.E.O. dan jangan-lah di-sangka ada kait-mengait dengan Kementerian Pelajaran. Pada ingatan saya itu-lah perkara² yang mustahak yang patut saya jawab. Banyak perkara² kecil yang saya fikir tidak perlu bagi saya untuk memberi penjelasan.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pertanyaan saya yang akhir untuk di-jawab.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai ahli kapada Bangsa² Bersatu yang ta'at setia maka Persekutuan akan menjalankan dan sudah pun menjalankan kehendak² Perlembagaan Bangsa² Bersatu. Saya hendak menapikan bahawa kita maseh menjalankan dasar penjajahan. Saya suka menjelaskan bahawa dasar pelajaran kita ada-lah dasar kebangsaan yang di-setuju oleh Dewan ini sendiri dan saya perchaya Dewan ini tidak akan mahu meluluskan satu dasar penjajahan. (*Tepok*).

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, izinkan saya berchakap sedikit kerana pehak Kementerian membangkitkan perkara yang saya fikir Ahli² Dewan ini tidak bagitu jelas. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu ia-lah tapak bangunan Pejabat Pelajaran Negeri Kelantan. Mengikut apa yang saya tahu perundingan

Mr. Speaker: Kalau hendak berchakap saya tidak benarkan. Kalau ber i kenyataan boleh saya benarkan!

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Ia, sa-benar-nya tapak Pejabat Pelajaran itu sudah selesai, ia-itu perundingan di-antara pehak Kementerian ini dengan pehak Kerajaan Negeri Kelantan dan Pejabat Pelajaran telah selesai. Saya tahu, dan memang sudah ada tapak itu sekarang yang sejak dari dahulu telah di-rundingkan, chuma pehak Kementerian pula tidak bagitu setuju dan berkehandakan, chari tempat lain. Saya tidak berfikir Yang Berhormat Menteri tadi membuat satu kenyataan yang samar² dalam perkara persetujuan yang telah di-dapati dari tapak itu.

Question put, and agreed to.

The sum of \$189,417,677 for Head 18 ordered to stand part of the Schedule.

Sitting suspended at 4.30 p.m.

Sitting resumed at 4.55 p.m.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

Heads 19-21—

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail): Mr. Speaker, Sir, speaking for the Ministry of External Affairs, I have three heads of expenditure under the External Affairs portfolio, namely Head 19: Ministry of External Affairs; Head 20: Immigration and Head 21: Pilgrimage. It is my intention, with your permission, to present these heads together.

In presenting the budget for last year it was said that the one-sided representation between friendly countries represented in the Federation and our representation abroad was due largely to lack of finance and shortage of trained staff. In spite of our limitations we have today 23 friendly countries accredited to the Federation of Malaya and on our part we have been accredited to 16 countries. Proposals are in hand for our country to be represented in three more countries in Europe thus narrowing the gap of

reciprocal representation. Except for our Mission in Cairo, which was broached in the latter part of 1959, no new Mission has been established in 1960.

Head 19: Ministry of External Affairs.

I shall now get down to dealing with the Estimates of the Ministry of External Affairs under Head 19. The estimated expenditure for 1961 is \$5,949,003 as against \$5,596,974 for the current year. The increase of a sum of \$352,029 over the 1960 provision is due to a gradual and natural rate of expansion of the Ministry's establishment as well as that of Overseas Missions.

Under Personal Emoluments, Item (7) shows 12 posts of Assistant Secretaries for 1961 whereas 6 posts of Assistant Secretaries plus one post each of Assistant Secretary, Security and Communication and Assistant Secretary, Protocol made up the total strength of Assistant Secretaries in 1960. The increase by 4 posts of this cadre of officers is to meet the consistent expansion of the Ministry's functions.

Three additional posts of External Affairs Officers on leave under item (8) are provided next year as leave reserve for officers who are on duty overseas.

A new post of Accountant under item (9) has also been created as the need for a qualified accountant to deal with the complex accounting procedure encountered by Overseas Missions has been long felt in the Ministry.

An additional post of Research Assistant under item (13) is also necessary so that the research unit could cope with the increased volume of work, as otherwise it will not be possible for one Research Assistant to have adequate time to carry out all essential researches on the numerous subjects that are necessary, which quite often are required within very short notice.

There are also increases in the Stenographic and typists establishment by 3 and 1 posts under items (21) and (25) respectively to cope with the increased output of work of the Ministry. On the present strength very often overtime duties have to be performed

and sometimes delays are caused as a result of sheer insufficient numbers of stenographers and typists.

The clerical establishment has, likewise, to be increased by 7 posts under item (22) for the same reasons.

In 1961 the 3 posts of Assistant Passport Officers (Leave Reserve) and 3 posts of Telephone Operators are being transferred to Head 20, Immigration and Head 22, Treasury respectively.

In London, a new local post of Liaison Officer (Information) is shown against item (52). This post was created in October this year, because the information work in the United Kingdom cannot be adequately handled by limited staff of the High Commission.

In respect of India, a Branch Office was established in Madras in March this year headed by a Secretary-in-Charge with the designation of Assistant High Commissioner shown as item (131) and assisted by an Assistant Passport Officer as item (134) and locally-recruited staff. This move is necessary because the main Consular functions in India are centred around South India.

For Tokyo, an additional post of Second Secretary under item (183) has been provided because of the increased trade relations with Japan upon the ratification of the Trade Agreement.

Our Legation in Philippines which has until now been headed by a Charge d'Affaires will soon be raised in status to that of an Embassy, subject of course to the agreement of the Philippines Government and for this reason a post of Ambassador has been provided under item (275). With the expansion of this Mission another post of Second Secretary under (276) is provided against the deletion of a First Secretary's post.

With the appointment of the Ambassador in Cairo in April this year, the volume of diplomatic work in the Embassy, which was established towards the end of 1959 under the charge of the First Secretary, has increased considerably. To cope with this increased work, it is essential that an additional diplomatic officer be appointed. Hence,

the increase of one post of Second Secretary as shown in item 290.

All the locally-recruited staff employed by our Missions are paid salaries which are either based on scales paid by other Commonwealth Missions or closely related to salary scales paid by the host Governments for each category of officer employed. In most cases, in compliance with the local requirements or normal employment practices, local staff are provided such additional benefits as National Insurance Contributions; free lunches, Darness and House Rent Allowance, Cost of living (Rice) allowance and Social Insurance.

Under Other Charges, Annually Recurrent, the reasons for the provision of funds in 1961 are basically the same as for 1960. The increase of \$198,305 over the 1960 provision represents a normal increase in administration costs as a result of increased activity of the Federation of Malaya in the field of international relations.

Now, I would like to say a few words on Other Charges, Special Expenditure. Honourable Members will observe that there is considerable reduction in the provision for 1961 as compared to 1960. This reduction is achieved on account of the fact that most of our Missions abroad have been fairly well provided with the necessary equipment for office administration as well as household requisites but there remains, however, additional requirements which will have to be provided in 1961. These items are quite clearly indicated in the printed Draft Estimates before you, and an elaboration is therefore unnecessary.

Head 20: Immigration.

I now come to Head 20, Immigration. The increase of \$66,788 over the provision for 1960 is mainly due to normal salary increases under Personal Emoluments and the creation of one additional post of Sub-Inspector of Immigration under item (11), one Telephone Operator under item (21), the provision of 3 posts of Assistant Passport Officers (leave reserve) which was previously provided under Head External Affairs and the purchase of an

additional motor vehicle under sub-head 12, O.C.S.E. for the Kuala Lumpur Office in connection with duties performed at the Kuala Lumpur Airport.

The estimated revenue of this Department for 1961 is \$550,000.

Head 21: Pilgrimage.

Lastly, I come to Head 21, Pilgrimage. The slight increase of \$6,218 over the provision for 1960 is on account of normal salary increments under Personal Emoluments and some increase in pilgrimage expenses under sub-head 2, O.C.A.R.

Revenue derived from the sale of Pilgrim Passes will henceforth be credited to the States from where the sale takes place.

In conclusion, Sir, I must say that the Estimates have been prepared with every regard for economy but in keeping with the Federation's declared policy to uphold and maintain close relationship with all friendly countries.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan di-sini. Yang pertama, berkenaan dengan perkhidmatan Menteri Luar. Baharu² ini, kita maseh ingat berkenaan dengan peranan yang di-jalankan oleh Menteri Luar kita dalam masaalah Irian Barat, dan perkara itu telah berakhir yang Menteri Luar telah menarek diri daripada peranan-nya menjadi orang tengah dalam soal Irian Barat. Oleh sebab perkara itu sudah sampai ka-situ berhenti-nya, tidak payah-lah saya bercherita panjang hal itu. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai dasar Kementerian Luar patut-lah kita dalam hal yang saperti ini dudok tegak dengan kebenaran dan ke'adilan-nya dalam masaalah Irian Barat ini tetap ada pada umat Indonesia sendiri; kedaulatan atas Irian Barat itu hendak-lah di-akuï oleh Persekutuan Tanah Melayu ia-itu bagi Indonesia. Dan saya berharap sa-barang tindakan yang di-lakukan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri sa-laku Menteri Luar pada masa yang akan datang sa-laras kedudukan yang amat mustahak ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kita sa-buah Kerajaan yang memperjuangkan ke'adilan dan kebenaran, Kementerian Luar, terutama Yang Berhormat Perdana Menteri yang menjadi Menteri Luar, elok-lah sekarang ini mengambil berat tentang kejadian² yang berlaku baharu² ini di-Algeria. Kita tentu bersetuju bahawa kekejaman yang di-lakukan oleh pehak Peranchis mesti-lah di-kutok, dan dalam perkara itu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu patut menghantar bantahan-nya kepada United Nations, dan menuntut supaya hal ini di-segerakan oleh United Nations menyelesaikan-nya dengan mengembalikan hak umat Algeria itu dalam bumi Algeria. Memperanchiskan Algeria ada-lah satu pencherobohan kapada hak asasi manusia yang menentukan nasib-nya, dan kekejaman yang di-lakukan pada hari ini dengan bagitu banyak-nya tidak-lah boleh dipandang sepi oleh Kementerian Luar kita bahkan hendak-lah di-pandang berat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengambil tahu hal luar negeri, Persekutuan Tanah Melayu, telah menunjukkan kesunggahan pada awal-nya dahulu berkenaan dengan masaalah Apartheid, dan saya berharap masaalah ini akan terus di-perjuangkan oleh Persekutuan Tanah Melayu. Sebab baharu² ini bahkan hari ini dalam akhbar ada kenyataan bahawa Kerajaan Afrika Selatan berkeras hendak menjalankan dasar dan akan membuat perhitungan perbezaan di-Afrika Selatan sa-hinggaan orang kulit berwarna terpaksa berjalan di-bawah tanah; lain jalan-nya dengan orang yang kulit-nya tidak berwarna. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dasar yang saperti ini elok-lah di-kekalkan oleh Kementerian ini.

Saya rasa, dasar² yang besar itu akan di-perhatikan dengan baik-nya dan saya berharap supaya dalam memperhatikan ini, kekerasan semangat kita di-dalam memperjuangkan kebenaran ini hendak-lah kitakekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Estimates ini Item (9) Sub-head I di-muka 129 ada sa-orang Accountant yang akan di-lantek dalam Kementerian Luar Negeri ini. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar

Negeri ini ada mempunyai record yang tidak berapa baik di-dalam soal kewangan-nya dan penubuhan Jabatan Accountant dalam Kementerian Luar Negeri, ini saya alu²kan benar dan saya berharap supaya di-perhatikan benar² oleh Kementerian ini perjalanan kewangan dan kira²-nya supaya tidak lagi berulang apa yang telah berlaku dahulu. Pada suatu masa, Tuan Yang di-Pertua, timbul soal² kesulitan mengawal perjalanan pentadbiran kewangan di-dalam Jabatan² Utusan Luar Negeri kita yang bertaboran di-beberapa negeri di-dunia ini. Timbul beberapa masaalah ia-itu ada-kah mu-nasabah Undang² Financial General Order yang di-buat bagi negeri ini untuk di-jalankan dalam negeri ini dan di-jalankan juga di-luar negeri. Saya merasa, Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah tidak penting bahawa semua shara² dan atoran Financial General Order yang ada di-negeri ini di-gunakan dari buroh ka-buroh di-dalam perwakilan mengendalikan soal kewangan di-dalam luar negeri. Walau bagaimana pun satu usaha yang tepat dan sunggoh² hendak-lah di-buat supaya mengadakan satu Financial General Order bagi Foreign Mission yang sesuai dengan keadaan luar negeri hendak-lah di-buat. Di-dalam Financial General Order Foreign Mission boleh-lah di-ambil atas asas² bagi chara² Accounting dan chara² membelanjakan serta membuat keterangan kewangan saperti yang ada di-negeri ini. Melainkan apabila di-dapat keadaan² di-luar negeri itu memaksa berlainan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya belum tahu sama ada Kementerian ini sudah membuat peratoran saperti ini dan jika belum patut-lah soal ini di-segerakan supaya Financial General Order Foreign Mission ini akan dapat menjalankan peranan-nya sa-bagai panduan yang akan di-pegang oleh Foreign Mission ini. Kita perchaya bahawa dalam soal menjaga keselamatan kewangan tidak ada bedza-nya dengan jabatan² yang ada dalam negeri dan yang ada di-luar negeri. Hal ini kita fikirkan ia-itu yang terdapat di-dalam Estimate Kementerian ini Item (9) Sub-head 16 ada 2 jabatan yang membolehkan Kementerian ini sa-kurang²-nya memperhatikan soal² kewangan-nya.

Tetapi apabila kita lihatkan di-jabatan² Overseas Missions dukachita-lah kita melihatkan bahawa soal kewangan tidak dapat di-layan oleh pegawai yang tertentu. Apa yang telah terjadi dahulu dan apa yang akan di-jalankan agak saya ia-lah oleh Executive Officer yang ada di-luar negeri itu akan menjalankan peranan-nya sa-bagai Financial Controller—orang yang mentadbirkan dan mengawal perjalanan kewangan di-tempat² itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tugas-nya perwakilan² kita di-luar negeri, ada-lah satu tugas yang istimewa yang di-kehendaki bahawa orang² yang menjadi Executive Officer atau pun Secretary itu mengambil berat soal negeri yang dia dudok di-dalamnya dan soal perhubongan dengan Kerajaan dan perwakilan asing serta masharakat di-dalam negeri-nya. Ini amat-lah berlawanan dengan keadaan kewangan dan kerja² kewangan. Sa-orang yang hendak menjalankan tugas kewangan ada-lah bertanggong jawab memikirkan sa-suatu dengan halus dan teliti dari buroh ka-buroh dan dari angka ka-angka. Maka sa-kira-nya soal ini di-tinggalkan oleh Secretary atau Executive Officer yang ada di-luar negeri itu akan berulang semula-lah, Tuan Yang di-Pertua, sejarah kesilapan² yang pernah di-lakukan oleh Kementerian ini sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, patut-lah di-perhatikan yang munasabah besar-nya di-adakan sa-orang pegawai khas yang mengkaji dan memerhatikan perjalanan kewangan di-tempat² itu. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap akan mendapat di-perhatikan dari pehak yang bersangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, satu dari-pada soal² yang saya perhatikan agak ganjil di-dalam susunan pegawai² di-Jabatan Luar Negeri ini ia-lah saperti dalam Item (105). Item (105) di-Canberra. Kita ada mempunyai 2 Second Secretaries. Item (183) di-Tokyo, di-sini kita ada mempunyai 3 Second Secretaries. Item (201), di-Paris kita ada mempunyai 2 Second Secretaries. Tidak-lah menghalang 2 Second Secretaries ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang menghairankan saya benar, mereka itu langsung di-bawah pegawai yang tinggi, Duta atau sa-bagai-nya. Saperti di-Paris ia-itu di-muka 135

Item (200) Ambassador dan di-bawahnya Second Secretaries. Apa yang menjadi ganjil kapada saya, ia-lah wujudnya orang yang pangkat-nya di-bawah ketua yang besar. Ini telah ada keterangan yang saya terima. Ini telah menimbulkan satu fahaman ya'ani: "kamu sama² Second Secretaries dan sama² besar dan telah mengurangkan co-ordination di-dalam beberapa tempat di-dalam perwakilan² kita. Ada-kah salah-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-jadikan kaedah bahawa di-tiap² perwakilan itu di-adakan First Secretary dan Second Secretary, guna-nya supaya saloran kuasa yang memanchar daripada Duta² besar kita kepada First Secretary kemudian kapada Second Secretary. Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya perbezaan-nya kecil tetapi ada berlaku beberapa salah faham di-perwakilan² itu sendiri. Dalam soal menjalankan jabatan patut benar-lah kita memikirkan perasaan orang² yang sa-umpama ini dan oleh sebab yang demikian saya memandangkan patut-lah di-jadikan First Secretary pada tiap² Kedutaan.

Muka 134, item (172) Consul-Medan. Dan muka 137 timbul pula satu teka-teki pada saya umpama-nya, apabila saya lihat dahulu, Jeddah ada sa-orang Consul yang mendapat gaji sa-banyak \$11,208. Item (262) Second Secretary pada tahun ini mendapat gaji sa-banyak \$11,208. Agak saya, Tuan Yang di-Pertua, Second Secretary ini yang menjalankan kerja sa-bagai Ketua Perwakilan Negeri Jeddah, tetapi saya tidak tahu apa-kah nasib Consul kita di-Jeddah ini yang tidak boleh di-kekalkan lagi atau pun dahulu tempat itu yang barangkali terasa oleh kita tidak ada mustahak Consul ini. Kemudian Second Secretary ini dia sa-orang mendapat gaji sa-banyak \$11,208 ia-itu sama gaji dengan Consul ini dan jikalau di-lihat pangkat Second Secretary Grade X, A3 (B), ka-bawah sadikit pada item (276) Second Secretaries. E.A.O., Grade X, A3 (B). Dua orang gaji-nya sa-banyak \$15,888. Yang sa-orang pada item (262) mendapat gaji sa-banyak \$11,208 tetapi yang dua orang ini pada item (276) mendapat gaji sa-banyak \$15,888. Jadi apa-kah gerangan agak-nya maka keadaan ini terjadi sedemikian? Boleh jadi dahulu

sudah salah tempat kita letakkan sa-orang Consul dan sekarang kita mem-dai dengan Second Secretary sahaja walau bagaimana pun saya tidak-lah memandang siapa² dalam soal ini, tetapi sa-kira-nya tidak di-kuatkan Consulate di-Jeddah itu patut-lah sa-orang Consul ini ada dan jikalau sudah di-fikirkan bahawa sahabat kita yang terchatet dalam item (262) ini sudah bersifat bagitu baik sa-hingga mendapat gaji sa-banyak \$11,208 naik nama menjadi Consul supaya tidak terjadi perkara ini nampak sangat di-lihat orang.

Sa-telah itu saya hendak berchakap berhubong dengan Jabatan Immigration. Saya perchaya Kerajaan Perse-kutuan Tanah Melayu sedar bahawa jabatan ini ada-lah satu jabatan yang mustahak bagi menjaga pintu Perse-kutuan Tanah Melayu. Maka saya berharap supaya Controller of Immigration ini mengambil berat benar memer-hatikan kemasukan orang² dalam negeri ini supaya jangan banyak berlaku kemasukan haram dalam negeri ini dan di-samping memerhatikan benar² sa-kira-nya berlawanan dengan kepenting-an dalam negeri ini terutama dari segi politik, ekonomi dan tata masha-rakat.

Satu daripada perkara dalam Immi-gration ini yang menyedehkan saya ia-lah pejabat-nya. Jabatan Immigration kita ini ada-lah satu jabatan yang mahu tak mahu di-ulang oleh orang² yang datang dari luar negeri. Elok-lah benar tempat pejabat itu kerana di-belakang-nya dekat dengan jalan keretapi dan apabila orang² sampai di-tempat ini mereka tidak akan lupa kapada kebu-rokan dan kepichekan pejabat itu dan akan terasa-lah kapada mereka kesan-nya Pejabat Buroh Negeri dengan meninggalkan atau hilang-nya gambar² University kita yang besar dan akan hilang-lah bayangan masjid kita yang besar dan akan hilang-lah segala kechantekan-nya itu.

Saya harap kapada Kementerian Luar Negeri supaya mengenengahkan jabatan itu sementara kita hendak menarek pelanchong² ka-negeri ini. Biar-lah mula² berjumpa itu menye-nyomkan mereka kemudian perjumpaan itu akan meninggalkan kesan lama kapada-nya.

Enche' Ahmad Boestamam (Seta-pak): Tuan Pengurus, item (19) Chief Cypher Officer dan item (23) Cypher Officers. Sa-tahu saya pekerjaan Cypher Officer ini ia-lah berkenaan dengan chara² menjalankan Code Diplomatic. Saya tahu dalam urusan diplomatic ia-lah mengadakan hubongan yang perlu. Code Diplomatic merupakan isharat rahsia perhubongan di-antara Kemen-terian Luar Negeri dengan wakil² di-lain² negeri untuk menyampaikan sa-suatu yang perlu di-ketahui oleh wakil² di-luar negeri itu. Saya tidak hendak meminta bagaimana rupa Code Diplo-matic itu, sebab ini akan membuka rahsia dan hubongan ini kalau kita minta akan di-ketahui oleh orang.

Saya ingin mendapat penjelasan. Pertama-nya bagaimana-kah chara-nya Code Diplomatic itu ada-kah chara Code Diplomatic tersendiri atau meng-ikut chara Code Diplomatic Inggeris. Kedua saya ingin mendapat penjelasan ia-itu saya lihat di-sini Kedutaan² kita yang mempunyai pegawai² tentang Code Diplomatic ini hanya-lah beberapa negeri sahaja, umpama-nya London, Washington, New York dan New Delhi. Saya ingin mahu tahu kenapa-kah Kedutaan² lain kita tidak ada pegawai² ini dan kenapa-kah Kedutaan kita di-London pegawai yang demikian ini sampai 2 orang.

Muka 138, Sub-head 3—Carriage of Diplomatic Documents for Missions Overseas. Tuan Yang di-Pertua, kita telah berkali² di-beritahu oleh Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri kita tentang penting-nya Persekutuan Tanah Melayu yang muda ini mengambil peranan yang aktive dalam hubongan diplomatic dunia, malah ini telah di-tunjukkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri kita dengan urusan yang telah di-jalankan beliau melawat di-sana sini. Di-sini juga saya ingin mendapat penjelasan memandang penting-nya negeri ini mengambil usaha yang aktive sekali dalam hubongan² diplomatic maka apa-kah Kementerian Luar Negeri dalam menguruskan pem-bawaan documents diplomatic ini meng-adakan atau kalau belum mengadakan akan di-adakan atau tidak diplomatic couriers. Banyak pegawai² Kedutaan lain atau negeri² yang mempunyai Kementerian Luar Negeri tidak hanya

menggantongkan pembawaan documents diplomatic-nya kepada kapal terbang semata², tetapi mereka itu menyediakan orang² yang istimewa khas-nya di-didek dan di-asoh dan mungkin di-chari orang yang kuat—special untuk membawa beg diplomatic ini.

Saya ingin mahu tahu, sebab saya bukan-lah Menteri Luar Negeri ia-itu apa-kah usaha ini ada di-jalankan oleh Kementerian Luar Negeri kita? Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan Sub-head 23 . . .

Mr. Speaker: Muka!

Enche' Ahmad Boestamam: Muka 140 berkenaan dengan Contributions to the United Nations. Tuan Yang di-Pertua, ini berhubong dengan Pertubuhan Bangsa² Bersatu. Saya tidak akan menyoal kenapa demikian banyak wang di-beri kepada United Nations, tetapi saya mahu berchakap urusan kita dalam United Nations. Sa-bagai anggota Bangsa² Bersatu, Persekutuan Tanah Melayu mempunyai kedudukan yang sama: "dudok sama rendah, berdiri sama tinggi" dengan lain² negara yang menjadi anggota Bangsa² Bersatu, kalau ada beza-nya, mungkin berbeza di-antara 5 negara yang mempunyai "Kuasa Pembatal". Malaya tidak mempunyai "Kuasa Pembatal", sa-lain daripada itu, kedudukan kita sama dengan lain² negara.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka yang menjadi anggota Bangsa² Bersatu, sikap pendirian kita dalam Bangsa² Bersatu itu melambangkan keadaan kita. Ertinya dasar luar negeri kita di-lambangkan oleh sikap kita dalam Bangsa² Bersatu itu.

Kalau kita menyebut Bangsa² Bersatu, kita tidak dapat memisahkan diri daripada dasar luar negeri kita. Tuan Yang di-Pertua, Menteri Luar berulang kali menegas dan menerangkan dan sa-kali lagi menerangkan kapada kita bahawa dasar luar negeri Persekutuan Tanah Melayu ini ia-lah bebas dan tegas. Memang, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka yang sa-taraf, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, dasar luar negeri yang demikian itu-lah satu dasar yang baik.

Kita tidak mengekor ka-barat dan tidak mengekor ka-bloc kominis. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dasar bebas kita itu saya rasa harus tidak dapat kita pisahkan daripada dasar bebas yang bersandar kapada wujud-nya menentang penjajahan atau dasar bebas yang anti-imperialist; dasar bebas yang demikian itu berdasar kapada sifat kita yang dahulu-nya sa-bagai satu bangsa yang di-jajah, kita telah berjuang menghapuskan penjajahan—sekarang kita telah merdeka. Tetapi satu bangsa yang berjuang untuk kemerdekaan-nya dan yang telah menchapai kemerdekaan-nya itu tidak harus melupakan dasar anti penjajah.

Oleh itu, saya harap supaya Kementerian Luar kita bukan hanya bersikap bebas, tetapi sikap bebas itu harus-lah di-sandarkan dengan sikap menentang penjajah.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa puncha yang menyebabkan timbul-nya persangketaan manusia di-dunia ini ia-lah daripada dasar penjajah. Oleh sebab dalam dunia ini maseh ada negeri² yang di-jajah, maka kerana itu perdamaian di-antara manusia di-dunia ini belum dapat di-laksanakan dengan sempurna . . .

Mr. Speaker: Saya chuma hendak mengingatkan. Hari ini kita tidak membahath dasar luar negeri Persekutuan Tanah Melayu dan tidak juga kita membahath dasar 'am berkenaan dengan polisi atau administration. Kita membahathkan peruntukan yang ada ini. Jika hendak membahathkan berkenaan dengan dasar Kerajaan terhadap peruntukan kapada Bangsa² Bersatu itu, saya benarkan, tetapi jangan-lah meleret. Saya ingat Kerajaan telah berjanji di-suatu masa kelak akan memberi peluang untuk membahathkan dasar luar negeri.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap soal United Nations sa-bagaimana yang saya katakan tadi, dan saya menyentoh dasar kita dalam United Nations; dan dasar kita dalam United Nations sa-bagaimana kata Menteri Luar bebas dan tegas. Dan saya menegaskan, ini tidak chukup. Bebas kita itu harus

di-dorong oleh semangat anti penjajah. Tuan Yang di-Pertua, dalam Bangsa² Bersatu sekarang soal yang terbaharu sa-kali timbul ia-lah soal Algeria. Surat khabar hari ini maseh menyiarkan berita berkenaan dengan hal itu. Di-Bangsa² Bersatu kumpulan Afro-Asian telah mengemukakan satu usul meminta supaya Bangsa² Bersatu mendesak Kerajaan Peranchis membenarkan pemungutan suara a t a u referendum di-jalankan di-Algeria dibawah pengawasan Bangsa² Bersatu. Sedangkan Peranchis berkehendakkan ra'ayat Algeria menentukan nasib-nya sendiri mengadakan pemilihan suara juga, tetapi di-awasi oleh tentera Peranchis. Mengikut berita surat khabar itu, usul bloc Afro-Asian itu di-kemukakan, tetapi tidak di-sebutkan siapa dia bloc Afro-Asian yang turut mengemukakan usul itu. Saya harap dan berdo'a supaya Persekutuan Tanah Melayu termasok dalam pehak yang mengemukakan usul itu. Erti-nya menjadi peserta ka-dalam pehak yang mengemukakan usul itu, sebab perkara ini tidak di-siarkan oleh surat khabar itu. Saya rasa memang ini-lah sikap yang harus di-ambil oleh wakil kita di-Bangsa² Bersatu, berdasarkan kapada dasar luar negeri yang saya sebutkan tadi ia-itu memberi kebebasan kapada ra'ayat Algeria untuk menentukan nasib-nya sendiri, bukan oleh Peranchis, tetapi oleh Bangsa² Bersatu. Mengadakan pemungutan suara yang di-awasi oleh Bangsa² Bersatu dan apa hasil daripada pemungutan suara itu; itu-lah yang merupakan keputusan di-Algeria itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ada kemungkinan bahawa usul dari block Afro-Asia ini tidak berhasil atau di-tolak bagitu sahaja, dan s a y a meminta supaya Kementerian Luar Negeri kita menimbangkan kedegilan Franchis dalam memberikan hak ra'ayat Algeria menentukan nasib-nya mengikut pengawasan Bangsa² Bersatu ini supaya kalau Franchis terus berdegil maka Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini terus sahaja mengakui Kerajaan pembuangan Algeria yang di-pimpin oleh Dr. Abbas.

Kedua, berkenaan dengan soal Apartheid, kita tahu bahawa Perdana

Menteri dan Menteri Luar Negeri kita menjadi juara yang memperjuangkan Apartheid—perbezaan warna kulit. Keselurohan ra'ayat negeri ini ada-lah berdiri di-belakang Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri kita. Kita belum tahu sampai kemana berjaya atau berhasil-nya perjuangan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri kita itu tetapi kita mengharapkan supaya perjuangan ini di-teruskan. Dan bukan sa-kadar itu sahaja, saya mengharapkan supaya perjuangan kita menentang dasar Apartheid—membedza warna kulit itu tidak ada terhad kapada Apartheid di-Africa Selatan. Tetapi kapada segala dasar yang membedzakan warna kulit di-mana juga di atas muka bumi ini termasok juga dasar warna kulit di-Amerika Sharikat yang di-heboh²kan di-dalam surat khabar tidak membenarkan anak² Negro bersekolah bersama² dengan anak² orang kulit puteh itu. Kalau kita sanggup mengutok dasar Apartheid di-Africa, kita juga harus sanggup mengutok dasar warna kulit di-mana juga dalam dunia ini termasok di-Amerika Sharikat.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dan Menteri Luar kita di-dalam usaha-nya menjalankan dasar luar negeri-nya, kita tahu sudah banyak melawat keluar negeri, ka-Amerika dan ka-lain² tempat lagi. Saya tidak akan berdiri di-sini mengatakan kenapa-kah mesti melawat, berapa banyak wang sudah di-belanjakan, tidak. Tetapi saya mengharapkan supaya Perdana Menteri dan Menteri Luar kita dalam usaha-nya melawat² keluar negeri itu selain dari melawat daerah² Barat chuba pula melawat daerah² Afro-Asia umpamanya atau kalau boleh Russia juga (*Ketawa*), sebab kita tahu Perdana Menteri kita ini tidak siapa pun boleh menggonchang dia dalam sikap-nya menentang komunis, kenapa-kah takut. Kalau sudah bagitu jagoh-nya menentang komunis itu, berhadapan pula dengan Khrushchev. (*Ketawa*). Jadi, supaya melawat bukan sahaja daerah Barat tetapi Russia juga muga² pandangan Perdana Menteri dan Menteri Luar kita yang banyak di-dapat dari

lawatan-nya itu dapat di-terangkan-nya kapada kita sebab kita sudah tentu tidak dapat penerangan melainkan daripada Perdana Menteri itu sendiri baharu-lah dapat kita ketahui, bagini keadaan di-Russia baik-kah atau tidak baik-kah.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh dasar Luar Negeri kita dalam United Nations berkenaan kejadian di-Congo sekarang.

Mr. Speaker: Jangan terlalu panjang.

Enche' Ahmad Boestamam: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal Luar Negeri, saya terpaksa, membawa soal ini kerana sa-waktu membinchang-kan tentera kita ka-Congo tempoh hari, Radio Malaya telah membabitkan dia kata: "Front Socialist tidak menentukan sikap-nya". Sebab sa-patut-nya Commentator-nya mencheritakan apa yang terjadi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentoh soal patut-kah Persekutuan Tanah Melayu menarek balek tentera-nya dari Congo atau tidak. Tetapi apa yang saya mahu sentoh di-sini, pendirian Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dahulu dan sekarang. Sa-bagaimana dahulu saya sudah terangkan bahawa Kerajaan Persekutuan mengakui Kerajaan Republic Congo yang President-nya Kasavubu dan Perdana Menteri-nya Lumumba.

Enche' Hassan bin Mansor (Malacca Selatan): On a point of Order. Untuk panduan, Duta kita ada di-Congo—jadi saya rasa itu tidak patut dibahathkan di-sini sebab kalau dibahathkan nanti tidak ada ending-nya.

Mr. Speaker: Saya fikir awak tidak boleh berchakap fasal Congo panjang². Sadikit sahaja, boleh.

Enche' Ahmad Boestamam: Dalam United Nations, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Sub-head (23) kemudian kalau saya hendak tambah lagi ada di-Sub-head 18. Subsistence Allowance for Delegates to the U. N. General Assembly, ada dua alasan (*Ketawa*). Jadi, walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya ini kalau ada permulaan tentu-lah ada ending. Tidak ada permulaan yang tidak ada kesudahan (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Saya ingatkan sahaja. Kalau hendak berchakap, saya boleh benarkan sama ada hendak mengeshor atau hendak meminta, berkenaan dengan itu saya benarkan. Tetapi jangan-lah terlalu panjang.

Enche' Ahmad Boestamam: Saya hendak mengeshorkan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya akan memberi shor itu sa-telah saya terangkan apa² sebab-nya. Kalau saya hendak shor kapada sa-orang itu minum ayer, tentu-lah saya katakan "ayer ini sedap dan manis."

Mr. Speaker: Jangan panjang sangat (*Ketawa*). Apabila awak berchakap panjang nanti orang boleh bangun menegor.

Enche' Ahmad Boestamam: Fasal Congo; ini sudah hilang pula (*Ketawa*). Shor yang saya mahu kemukakan kapada Menteri Luar kita ia-lah dalam soal Congo ini bukan shor sa-rupa dengan shor Russia dan bukan sa-rupa dengan shor Barat bagitu juga bukan sahaja sa-rupa dengan shor Indonesia, jadi nanti mungkin saya dituduh, saya ini pro Indonesia tetapi shor yang di-kemukakan oleh Perdana Menteri India.

Perdana Menteri menuntut supaya Pertubuhan Bangsa² Bersatu pertama sekali membebaskan Patrice Lumumba, sebab jangan lupa Kasavubu menjadi President tetapi Lumumba di-pileh dahulu. Lumumba di-pileh oleh Parlimen kemudian Lumumba tawarkan jawatan kepada President Kasavubu. Perdana Menteri di-pileh terlebih dahulu jadi patut-lah dibebas Lumumba. Itu yang pertama. Yang kedua, panggil semula Parlimen Congo di-bawah pengawasan Bangsa² Bersatu.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi ia-itu Standing Order 66 (11) ada di-sebutkan di-sini "policy"—bukan-lah policy External Affairs, tetapi "policy of the service for which the money is to be provided." Tidak ada di-sebutkan dengan Kasavubu—Lumumba.

Mr. Speaker: Ada wang itu di-untokkan, kerana Pertubuhan Bangsa² Bersatu. Bila ada wang itu boleh policy itu di-chakapkan.

Enche' Ahmad Boestamam: Saya ingat wang sekian² banyak guna-nya ia-lah untok United Nations, bukan untok main², tetapi untok membawa dasar.

Kedua, memanggil kembali pengawasan Bangsa² Bersatu ia-itu persidangan Parlimen Congo yang sampai sekarang ini belum di-bubarkan lagi.

Ketiga, penarekan semua technicians bangsa Belgium di-Congo, kalau tidak ada technicians ini harus di-hantar oleh Pertubuhan Bangsa² Bersatu.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Saya hendak berchakap berhubung dengan muka 140, sub-head 18—Subsistence Allowance for Delegates to the U.N. General Assembly. Rasa saya Ahli² yang kita hantar kepada Pertubuhan Bangsa² Bersatu itu supaya dapat-lah mereka² itu mengiklankan nama negeri kita ia-itu Persekutuan Tanah Melayu tidak-lah dengan nama Malaya, sebab saya berkata bagitu dalam siaran radio Bangsa² Bersatu yang saya dengar disebutkan "Malaya" sahaja—tidak "Persekutuan Tanah Melayu".

Maka saya rasa tentu-lah dunia tidak tahu nama negeri kita yang sa-benar-nya. Saya harap wakil² kita di-sana dapat menerangkan kapada dunia apa-kah nama negeri kita.

Muka 142—Immigration. Baharu² ini Pengarah Immigration telah membuat satu peratoran baharu berkenaan dengan mengambil passport bagi orang² kita terutama yang hendak pergi ka-luar negeri. Peratoran yang baharu ini berkehendakkan tiap² orang yang berkehendakkan passport itu mesti hadzir di-pejabat-nya. Rasa saya tentu-lah akan menyulitkan kerana jikalau sa-suatu keluarga itu hendak keluar negeri terpaksa-lah satu keluarga itu pergi dengan anak²-nya ka-pejabat itu. Pada hal masa yang lampau kita boleh mendapat passport dengan chara berutus surat dan segala keterangan orang yang meminta itu di-akuï mengikut dalam borang itu Wakil² Ra'ayat, J.P., Magistrate dan

juga polis. Rasa saya dengan peratoran baharu ini sangat-lah menyusahkan pada kita sekalian dan saya perchaya keterangan yang di-beri dalam borang itu tentu-lah menasabah dan di-perchaya daripada orang² yang memberi keterangan tadi.

Saya harap supaya perkara ini dapat di-timbangkan, sunggoh pun saya sedar ia-itu kita khuatir atas keselamatan warga negara kita dan sa-bagai-nya, tetapi saya perchaya dengan peratoran baharu ini dapat-lah di-baharuï balek sa-bagaimana yang telah sudah².

Muka 144—Pilgrimage. Jabatan ini ada peratoran² yang telah di-buat bagi orang² kita yang akan naik haji. Maka satu daripada peratoran-nya ia-lah di-kehendaki membayar wang quarantine sa-banyak \$43 pada tiap² satu orang. Maka saya perchaya sudah berapa tahun yang lampau ini kapal² yang balek dari Mekah tidak ada quarantine lagi. Saya harap kapada mereka² ini tidak di-kenakan quarantine dan wang itu di-pulangkan balek kapada-nya sa-bagaimana yang telah di-bayar \$43 itu.

Saya tahu sa-belum perang dahulu semua wang² ini akan di-kembalikan jikalau mereka² itu tidak di-kenakan quarantine, tetapi sa-lepas perang daripada tahun 1948 sampai sekarang ini wang itu tidak di-pulangkan balek kapada mereka² yang pergi dengan kapal jikalau mereka² tidak di-quarantine, sebab wang ini rasa saya tidak banyak. Jikalau lima ribu orang yang pergi, dengan \$43 satu orang berma'ana \$25,000. Jadi saya berharap dapat di-timbangkan balek atau di-pulang duit² mereka yang tidak di-quarantine.

Wan Mustapha bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat suka-chita mendengar uchapan pembukaan Yang Berhormat Menteri Muda yang telah menyebutkan Anggaran Belanjawan yang telah di-buat-nya dengan tujuan hendak mengecilkan perbelanjaan. Kata-nya: This estimates has been prepared with every regard for economy. Tetapi dukachita pula saya melihat ia-itu perbelanjaan ini tidak di-buat dengan bijaksana memikirkan supaya maruah

dan kehormatan pegawai² di-luar negeri itu terutama sa-kali jikalau kita lihat di-muka 131—Washington, item (82) Driver. Driver ini di-beri gaji terlampau tinggi ia-itu boleh di-katakan sa-tengah gaji Duta kita di-Amerika itu di-beri kapada driver. Saya kata tidak menjaga kehormatan, kerana ma'alom sa-orang driver ia-lah sa-orang manusia dan manusia ini ada kelemahan-nya dan boleh juga dikatakan jikalau orang di-sana bertanya, "Gaji awak berapa?" Dia harus berkata: "Gaji saya lebuh daripada sa-tengah gaji Duta Tanah Melayu, akan tetapi di-London pula gaji driver-nya chuma \$1,320 satu tahun saperti yang ada dalam item (48), muka 130. Jadi di-Amerika ini pada item (82) Driver—\$11,016 satu tahun dan satu bulan \$300 wang Amerika dan jatoh-nya pada duit kita ia-lah \$918 satu bulan untok sa-orang driver, bukan satu orang, bukan dua orang, bukan tiga orang, tetapi sa-orang driver sahaja jikalau di-bandingkan dengan Federal Counsel di-muka 227, item (6) pangkal gaji \$730 dan mengambil masa sa-lama 6 tahun kenaikan gaji-nya itu baharu-lah sama dengan gaji driver di-Amerika.

Saya perchaya driver yang di-beri gaji tinggi itu mestilah orang American. Tetapi tidak boleh-kah kita ambil orang dari Malaya di-hantar ka-sana dengan di-beri gaji di-antara \$200-\$300 satu bulan. Harus barangkali Kementerian yang berkenaan akan menjawab di-sana tidak boleh memakai Malayan dan terpaksa kita beri gaji \$300 wang Amerika ia-itu \$900 wang Malaya, kerana barangkali ada telengkahan berkenaan dengan perkara² di-sana.

Tetapi kalau kita lihat pada Item 83 ia-itu Driver dan Messenger gaji-nya ia-lah US\$240.00—ini ia-lah gaji permulaan. Oleh itu bagi menjaga kehormatan Duta kita di-Amerika supaya tidak di-sebut orang gaji Duta kita itu hampir² sama dengan gaji driver, saya harap gaji driver itu di-kechilkan. Saya ada satu jalan untok menjaga kehormatan Duta kita itu ia-itu Overseas Allowance saperti yang tersebut pada Item 75 sa-banyak \$201,157 itu di-beri kapada Duta itu

sa-banyak \$20,000 sa-tahun, jadi apabila di-champorkan dengan gaji-nya, maka dunia akan melihat gaji Duta ia-lah \$45,000 sa-tahun. Sa-lain dari pada itu pekerjaan Financial Assistant tentu-lah kurang sadikit.

Saya minta penerangan berkenaan dengan Film Assistant saperti yang disebutkan pada Item 114. Sa-tahu saya lain² negeri England tidak ada Film Assistant, tetapi di-sini ada.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Sub-head 21 ia-itu Insurance on Property. Pada tahun yang lalu telah di-untokkan sa-banyak \$15,704 tetapi pada tahun ini tidak ada langsung di-untokkan. Ada-kah harta Kerajaan pada tahun hadapan tidak ada. Jika ada, harta itu mesti-lah di-insurankan untok menjaga keselamatan daripada bahaya api dan lain². Jika Kerajaan tidak ada harta tentu-lah perkara ini tidak di-masukkan dalam Estimates ini. Saya perchaya harta Kerajaan itu ada, oleh itu supaya kita jangan rugi di-masa yang akan datang harta itu mesti-lah di-insurankan (*insured*).

Enche' Seah Teng Ngiab (Muar Pantai): Mr. Speaker, Sir, I wish to touch on sub-head 1, Item (1). Under this Item, Sir, I wish to invite the attention of the Honourable Minister of External Affairs to the important problem which directly affects our fishermen who are living along the West Coast of Malaya. Sir, in the past, our fishermen were allowed to do fishing in the Straits of Malacca, and also inside the territorial sea of Sumatra. But since the beginning of this year, Sir, the Indonesian Navy had arrested quite a number of our fishermen who were fishing in the Straits of Malacca and detained them for several months in Sumatra. Because of this action, Sir, many of our fishermen dare not go out fishing again in the sea, and they thus suffer very great hardship.

Sir, it has come to my notice that there were two fishermen in Muar and one in Parit Jawa who were arrested by the Indonesian Navy while they were fishing in the Malacca Sea, and they were taken to Sumatra and detained there for three months.

After suffering great hardship, Sir, they were released on or about the 10th of May this year. I believe many cases like this have happened in Muar, Pontian, Batu Pahat and Malacca.

Sir, since Indonesian is a friendly neighbouring country and we have close diplomatic relationship with each other—and it has been said that the two countries are blood brothers—I believe the Indonesian Government should be quite willing to help us solve this problem. I, therefore, request the Honourable Minister concerned to take up this matter so that the interests of our fishermen can be protected.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya, ingin berchakap dan memberi pandangan berkenaan dengan Kementerian Luar yang di-harap Kementerian Luar akan menyelidek dan melayan fikiran² yang kalau sa-kiranya untuk membena kedudukan kedua kita di-luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita tahu bahawa Duta kita di-luar negeri ada-lah merupakan suatu Duta bagi suatu negara yang merdeka, dan Duta itu akan dapat membayangkan kepada negeri yang mereka itu berada kedudukan negeri kita dari dekat supaya ra'ayat negeri itu dapat memahami kedudukan negeri kita ini. Dalam hubongan ini ada kaitan-nya dengan pegawai² yang menjadi Pegawai Penerangan bagi tiap² kedutaan itu supaya pegawai itu dapat menggambarkan kedudukan Persekutuan Tanah Melayu.

Saya amat dukachita sa-kali, kerana dalam surat khabar beberapa hari yang lalu terdapat suatu pendapat ia-itu orang Amerika mengatakan bahawa Tanah Melayu ini dudok-nya ia-lah dalam benua China. Hairan sa-kali pendapat orang Amerika yang mengatakan Persekutuan Tanah Melayu ini satu daripada negeri China. Di-mana-kah salah-nya, Tuan Yang di-Pertua, pendapat yang saperti ini tidak-lah saya tahu. Tetapi, Kementerian Luar hendak-lah menyelideki di-mana-kah salah dan puncha-nya perkara itu boleh terbit. Suatu puncha

saya dapat selideki walau pun agaknya Yang Berhormat Menteri Luar boleh menapikan perkara itu, ia-itu ada beberapa orang pegawai Kementerian Luar yang bertugas dalam kedua kita di-Washington telah chuba menyalahkan faham orang Amerika, dan orang itu sendiri mengatakan bahawa Persekutuan Tanah Melayu ini dudok-nya dalam negeri China.

Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara itu berpanjangan-lah keadaan-nya maka saya yakin dan perchaya bahawa kedudukan kita sa-bagai suatu negara yang merdeka ini akan terchabul. Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah pertimbangan dan pendapat kapada Menteri Luar Negeri kita supaya menyiasat kapada Kedutaan kita di-Washington atas perkara yang saperti ini dan oleh Kedutaan itu perlu-lah di-berikan maklumat² yang berguna supaya maklumat² itu dapat di-sebarluaskan di-Amerika dengan sa-luas²-nya tentang kedudukan kita sa-bagai Persekutuan Tanah Melayu.

Kembali saya mengatakan tugas negara Persekutuan Tanah Melayu ini di-luar negeri, saya dapat lihat di-dalam muka surat 130 ia-itu di-Item (52) Liaison Officer (Information) dibawah pegawai² yang bukan anak negeri ini. Apa-kah, Tuan Yang di-Pertua, maksud-nya kita melantek sa-orang pegawai Information yang terdiri dari orang Inggeris di-London. Ada-kah dengan lantekan mereka itu kerana mereka lebuh mengetahui keadaan di-Persekutuan Tanah Melayu. Alang-kah baik-nya kalau sakira-nya jawatan itu di-berikan kapada orang yang tahu benar² kapada kedudukan Persekutuan Tanah Melayu ini atau yang lebuh baik-nya, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Muda Penerangan kita boleh menjadi pegawai penerangan di-London lebuh baik daripada Liaison Officer yang di-lantek daripada orang Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, saya berharap-lah kapada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita supaya soal pegawai penerangan di-luar negeri dibawah Kedutaan kita di-London itu biar-lah terdiri dari ra'ayat Malaya ini sendiri sebab dia tahu kerja²-nya hendak mengembangkan kedudukan Tanah Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan Duta kita ini juga, saya ada mendapat satu maklumat daripada beberapa orang penuntut² kita yang sekarang ini belajar di-India. Kata mereka itu, bahawa mereka itu kurang mendapat layanan daripada Kedutaan kita di-India. Tidak-lah saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, sebab musabab-nya tetapi saya minta perhatian Menteri Luar Negeri benar atau tidak perkara rungutan pelajar² Malaya di-India atas tidak ada-nya layanan yang baik kapada mereka itu. Sa-orang daripada penuntut kita di-India baharu² ini telah singgah di-suatu tempat di-mana ada Duta kita ia-itu di-Bangkok. Manakala dia sampai di-situ dengan kapal terbang, dia telah melaporkan diri-nya kapada Duta kita di-Bangkok. Manakala dia telah melaporkan diri-nya: "Saya ada di-Bangkok sa-lama dua, tiga hari, apa² hal, saya ada di-tempat ini". Murid² itu telah di-marahi dan telah di-layani dengan tidak baik oleh perwakilan kita di-Bangkok. Sebab itu juga, Tuan Yang di-Pertua, rungutan murid² yang balek daripada negeri India dan sampai dia-nya di-Bangkok layanan itu maseh tidak dapat sesuai maka saya haraplah supaya Menteri Luar Negeri kita dapat menyiasat dan kalau boleh biarlah jangan berlaku lagi pada masa akan datang. Sebab murid² kita yang belajar di-luar negeri itu, ibu bapanya ia-lah Duta, ibu bapa yang akan dapat mereka itu mengadukan hal nasib mereka tidak ada lain melainkan kapada Kedutaan kita di-Luar Negeri. Kalau Kedutaan kita di-luar negeri itu pun tidak mengambil berat dan bersikap keras serta engkoh dan sompong kapada pelajar² itu maka tidak-lah ada harapan bagi mereka itu meminta pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan Kedutaan kita di-Indonesia, saya nampak di-sini di-Medan ada saorang Consul. Ini sudah-lah baik tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang pada pendapat saya, ada satu tempat yang patut juga mendapat perhatian Kementerian Luar Negeri ini supaya Consul itu di-adakan bukan sahaja di-Medan tetapi juga di-adakan di-Padang mithal-nya, atau Pekan Baru di-mana banyak di-antara ra'ayat

Tanah Melayu atau penduduk Tanah Melayu yang sekarang ini menjadi ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang maseh ada hubongan-nya dengan Indonesia itu dapat dia-nya mudah berhubong dengan Consul kita saperti di-Pekan Baru atau di-Padang. Tetapi kalau hanya di-letakkan di-Medan sahaja maka saya rasa, orang² yang di-Sumatera Barat mithal-nya, Periaman atau pun di-Padang akan sulit hendak pergi ka-tempat itu untok dia hendak kembali ka-Tanah Melayu ini kerana dia perlu menjumpai Consul-nya sendiri. Jadi, bagi kemudahan² patut-lah di-Padang atau di-Pekan Baru itu di-adakan Consul. Tetapi kalau Menteri Luar kita telah mengambil berat hal kegentingan Irian Barat dan sabagaimana yang telah di-sebutkan oleh sahabat saya tadi bahawa Perdana Menteri kita dan Merangkap Menteri Luar Negeri nampak-nya sudah merajok dalam soal ini, maka sa-patut-nya dalam masa saperti ini sadikit sebanyak akan timbul salah faham di-antara Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri kita dengan kedudukan-nya sa-bagai Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri dengan Indonesia, sa-patut-nya Duta Besar kita di-Indonesia patut-nya berada di-Indonesia. Tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, Duta kita maseh berchutti panjang dan mudah²an chuti-nya lekas habis dan dapat dia kembali ka-Djakarta untok membuat satu penyelesaian dan memberi fahaman kapada Kerajaan Republic Indonesia atas merajok-nya Perdana Menteri kita dan Menteri Luar Negeri kita. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah saya berchakap panjang berkenaan dengan Irian Barat, chuma satu ketegasan ia-itu harus-lah di-ambil oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-dalam masaalah luar negeri, terutama dalam masaalah yang memang menjadi pokok perjuangan kapada Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri atas masaalah Irian Barat. Kita hendak-lah mengaku² Irian Barat sa-bagai hak kawasan bangsa Indonesia dan pemerentah Republic Indonesia dan kita harus-lah menyokong mereka itu dari segi moral menuntut hak mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Bachok tentang masalah Consul kita di-Jeddah. Nampaknya di-sini sudah di-tiadakan.

Mr. Speaker: Jangan lagi diulang²kan.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oleh kerana di-Jeddah ini, orang kita banyak duduk di-sana, yang naik Haji atau tinggal di-sana atau pun tiap² tahun berpuluhan² ribu ra'ayat kita ini ada di-Mekah, maka saya rasa Consul kita di-Jeddah itu patut-lah di-adakan sa-bagaimana yang telah sudah bagi memudahkan pekerjaan orang² kita yang duduk di-Mekah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain dari pada apa yang saya sebutkan sa-bagai shor tidak-lah sa-bagai bangkangan tetapi shor sahaja, saya ternampak satu perkara ia-itu Sub-head 18. Subsistence Allowance for Delegates to the U.N. General Assembly \$50,000. Apa yang hendak saya kemukakan shor saya di-sini ia-itu mereka² yang akan hadzir dalam Majlis Permeshuaratan Bangsa² Bersatu itu adalah perwakilan Persekutuan Tanah Melayu. Sadikit sahaja yang saya harapkan kapada Menteri Luar Negeri terhadap mereka yang akan pergi ka-Amerika Sharikat yang mewakili Persekutuan Tanah Melayu biar-lah betol² mereka itu dapat membayangkan yang mereka itu ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan charanya ia-lah dengan memakai pakaian kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu ia-itu pakai songkok, baju Melayu sa-hingga ia ternampak "ah ini dia (Ketawa) ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu".

Akhir-nya sekali perkara yang telah di-bangkitkan berhubong dengan dasar luar negeri dan saya sendiri tidak-lah akan membangkitkan berkenaan dasar luar negeri itu, sebab perkara ini akan di-bahathkan di-satu masa kelak di-mana ada peluang bagi kita untuk membahathkan dasar tersebut. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan ini ia-lah masaalah Congo yang telah menjadi masaalah kapada kita

Masaalah Congo ini bukan-lah masaalah luar negeri kita, tetapi satu berita yang telah sampai ka-telinga saya pada pagi ini ia-itu sa-orang dari-pada anggota Pasukan Khas Malaya telah meninggal dunia dan telah dibawa dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu. Saya rasa kalau benar-lah perkara ini tolong-lah benarkan dan kalau salah tolong-lah napikan oleh kerana rungutan² telah di-sedari oleh beberapa anggota yang terlibat dalam Pasukan Khas Malaya di-Congo itu. Maka saya berharap kapada Menteri Luar Negeri dapat memberitahu Dewan ini apa-kah benar ada anggota pasukan kita yang telah mati terkorban dalam menghadapi masaalah Congo dan telah di-bawa ka-Persekutuan Tanah Melayu dalam satu dua hari ini dan kalau ada siapa orang-nya, kalau tidak shukor-lah dan di-harap Menteri Luar Negeri dapat menerangkan kapada Dewan ini dan orang luar dalam Dewan ini.

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untok penerangan sahaja, perkhabaran itu tidak sah.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr. Speaker, Sir, I understand from a very close friend of mine, who passed through Paris on his way back from the United Kingdom about five months ago, that the furnishings, electric fittings and equipments in the Malayan Embassy in Paris are very far from satisfactory. Sir, this was about five months ago, and I wonder whether this unsatisfactory state of affairs in the Paris Embassy have since been remedied.

Sir, our foreign Embassies, as much as our Ambassadors, are reflections of the status and dignity of our country abroad, and I feel that we should equip our Embassies not only in Paris but in other countries in a manner befitting the high esteem that foreign countries have for our newly independent country.

Enche' Hassan bin Mansor (Malacca Selatan): Tuan Pengurus, dalam membahathkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Perdagangan dahulu kita telah mendengar ramai Ahli² telah menerangkan dalam hal pelanchong.

Saya rasa satu daripada sebab-nya ia-lah kerana Pegawai² Penerangan kita di-luar negeri tidak ada mempunya-i Pejabat Penerangan di-sana. Maka saya berseru kapada Kementerian Luar Negeri supaya dapat di-banyak-kan lagi Pegawai² Penerangan supaya dapat di-terangkan kepada penduduk² di-luar negeri tentang apa² chara yang ada dalam Tanah Melayu supaya dapat menarek perhatian mereka ka-negeri kita ini.

Selain daripada itu saya suka juga menjawab kenyataan yang telah di-keluarkan oleh wakil dari Tanah Merah yang mengatakan bahawa Yang Berhormat Perdana Menteri kita telah merajok. Saya suka menerangkan kapada-nya bahawa kita men-champori politik international tidak-lah ada merajok sa-bagaimana yang telah berlaku pada Parti PAS yang mana ada orang merajok di-beri pangkat Panglima Jihat dia kembali balek. (*Ketawa*). Jadi soal menyelesai-kan masaalah luar negeri tidak ada merajok. (*Ketawa*).

Enche' T. Mahima Singh: Mr. Speaker, Sir, I speak on Overseas Missions in pages 130 to 138. It is observed, Sir, that our country has sixteen missions in twelve countries. It is very gratifying to note that we have our representatives in most of the countries which are either buying our goods or countries with which we have commercial dealings. But I notice, Sir, that one industrial country that should have been on the list is not repre-sented, and it is hoped that the Minister concerned will look into the matter of having a mission in Germany. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengurus, saya bangun menyokong dengan sepenoh-nya peruntukan wang yang telah di-khaskan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Jikalau kita kajikan kerja² yang telah di-buat oleh Kementerian ini banyak-lah faedah² nya yang kita dapati yang tidak boleh kita napikan, sa-hingga termashhor nama Persekutuan Tanah Melayu di-seluroh dunia dan di-mana juga Tunku Perdana Menteri kita yang juga merangkap sa-bagai Menteri Luar

Negeri melawat dia di-sanjong, di-junjong dan di-beri kehormatan isti-mewa kapada-nya sa-bagai wakil tiap² warga negara Persekutuan Tanah Me-layu ini. Kita sa-bagai warga negara berasa bangga dan merasa megah kerana kita dapat sa-orang Perdana Menteri yang bijak dan chekap dalam menjalankan pentadbiran hal ehwal negeri dan juga hal ehwal luar negeri. Di-samping itu saya mengambil peluang menguchapkan setinggi² tahniah kepada Tunku Perdana Menteri yang telah pun membuktikan kerja² dan jasa²-nya yang telah di-tunjukkan bukan sahaja kapada warga negara bahkan di-seluroh dunia ini dan satu Kehor-matan Istimewa telah di-anugerahkan oleh Lembaga Pengamanah Magasaysay (Philippines) di atas kerja²-nya sa-bagai pemimpin yang menyatu-padukan bagi seluroh ra'ayat di-Persekutuan Tanah Melayu ini.

Kedua, saya tidak lupa menyebutkan kemajuan² yang telah pun di-buat oleh Kementerian ini khas-nya ber-hubong dengan Perkhidmatan Haji ka-Mekah. Jikalau kita kaji dalam perkara ini semenjak dari tahun 1947, kita dapat di-waktu itu kalau kita masok dalam kapal haji itu nampak-nya macham kandang kambing, tetapi dari sa-tahun ka-satahun maka kita dapat kemajuan atau kebaikan boleh di-katakan memuaskan hati dan sa-hingga tahun hadapan ini kita ada mendengar siapa² yang hendak mem-bawa bakal² haji kita itu adakan satu tempat hawa dingin (air-condition). Ini satu peluang yang baik untuk bakal² haji kita yang hendak pergi ka-sana dengan senang dan baik-nya. Di-samping itu saya mengambil peluang men-datangkan satu pandangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Men-teri berkenaan dengan Surohanjaya Kebajikan Orang² Haji. Saya berharap supaya di-adakan satu jabatan atau sa-orang pegawai Pesurohjaya Haji daripada wanita. (*Ketawa*). Saya ber-harap jangan-lah hendak-nya Ahli Yang Berhormat wakil Dungun itu berasa iri hati, sebab saya tahu sangat hal ehwal kaum wanita yang ada di-tanah suchi itu dan patut-lah di-adakan sa-orang Penolong Pesurohjaya Haji bagi wanita dengan ini dapat-lah

pegawai² itu melayan segala bakal² haji wanita itu dengan baik-nya.

Lagi satu perkara berkenaan dengan Rom b o n g a n Perkhidmatan Perubatan ka-tanah suchi yang di-hantar pada tiap² tahun. Saya ingin menge-shorkan ia-itu patut-lah Yang Berhormat Perdana Menteri menimbangkan perkara ini bagi mengadakan rombongan yang tetap dengan tidak payah di-chari pegawai² pada tiap² tahun, umpama-nya hendak di-chari Doctor, Hospital Assistant, Nurse, Attendant dan lain² supaya di-adakan tetap 13 orang ini berkhidmat pada tiap² tahun dan dapat pergi bersama² berkhidmat selama 6 bulan ka-tanah suchi dan manakala mereka itu balek ka-Tanah Melayu kelak dapat-lah mereka itu menjalankan kewajipan yang penting untuk memberi penerangan² di-pusat² yang mana banyak bakal² haji kita yang hendak pergi ka-haji dan dengan ini dapat di-beri penerangan² berhubong dengan hal ehwal hawa, kesihatan, menjaga keselamatan diri kita dan juga menjauhkan daripada mendapat penyakit². Dengan chara ini akan mendatangkan faedah yang besar, kerana jikalau kita bertukar² pergi ka-sana sangat payah

hendak bekerja dengan sepenoh²-nya, kerana ma'alom sahaja hawa di-sana tidak dapat mensesuaikan jikalau kita dudok selama satu tahun, tetapi kalau bertahun² lama-nya kita akan dapat mensesuaikan dengan hawa di-sana dan dapat berkhidmat dengan sepuras² hati-nya.

Sa-perkara lagi yang saya ingin mengeshorkan ia-lah Pegawai Kebajikan Haji yang di-tugaskan untuk berkhidmat bagi tiap² kapal itu hendak-lah di-ambil pegawai yang tetap juga. Pada masa sekarang ini sa-tengah daripada pegawai itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak biasa dengan gelombang, mereka i tu mabok laut dan tidak dapat menjalankan tugas-nya untuk menjaga orang Haji itu. Oleh itu patut-lah di-pileh pegawai yang tetap.

Saya berhenti sa-takat ini dan saya akan sambong perchakapan saya besok.

Mr. Speaker: The sitting is suspended till 9.30 a.m. tomorrow morning.

Adjourned at 6.35 p.m.